

25 MAC 2019 (ISNIN)



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS TAHUN 2019

PENGGAL KEDUA

MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN)

SHAH ALAM, 25 MAC 2019 (ISNIN)

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Tuan Amirudin bin Shari (Sungai Tua)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/L Veraman (Kota Kemuning)

Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Ir. Izham bin Hashim (Pandan Indah)

Y.B. Datuk Abdul Rashid bin Asari, P.S.D., S.M.S., J.P. (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha, S.M.S. (Lembah Jaya)

Y.B. Puan Dr. Siti Mariah binti Mahmud (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Hee Loy Sian (Kajang)

25 MAC 2019 (ISNIN)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Banting)

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi, P.J.K. (Sementa)
(Timbalan Speaker)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Hasnul bin Baharuddin, P.P.T. (Morib)

Y.B. Tuan Rajiv A/L Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Harumaini bin Haji Omar, P.P.N. (Batang Kali)

Y.B. Puan Rozana binti Zainal Abidin (Permatang)

Y.B. Puan Juwairiya binti Zulkifli (Bukit Melawati)

Y.B. Tuan Mohd Shaid bin Rosli (Jeram)

Y.B. Tuan Sallehudin bin Amiruddin (Kuang)

Y.B. Tuan Mohd Sany bin Hamzan (Taman Templer)

Y.B. Tuan Chua Wei Kiat (Rawang)

Y.B. Tuan Muhammad Hilman bin Idham (Gombak Setia)

Y.B. Tuan Lai Wai Chong (Teratai)

25 MAC 2019 (ISNIN)

Y.B. Tuan Edry Faizal bin Eddy Yusof (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Mazwan bin Johar (Sungai Ramal)

Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze (Subang Jaya)

Y.B. Tuan Syamsul Firdaus bin Mohamed Supri (Taman Medan)

Y.B. Puan Lim Yi Wei (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Shatiri bin Mansor (Kota Damansara)

Y.B. Puan Jamaliah binti Jamaluddin (Bandar Utama)

Y.B. Tuan Mohd Najwan bin Halimi (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Mohd Fakhrulrazi bin Mohd Mokhtar (Meru)

Y.B. Tuan Azmizam bin Zaman Huri (Pelabuhan Klang)

Y.B. Tuan Leong Tuck Chee (Pandamaran)

Y.B. Tuan Gunarajah A/L R George (Sentosa)

Y.B. Tuan Borhan bin Aman Shah, P.J.K. (Tanjong Sepat)

Y.B. Tuan Adhif Syan bin Abdullah (Dengkil)

Y.B. Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni, P.P.T. (Sungai Kandis)

Y.B. Puan Wong Siew Ki (Balakong)

Y.B. Tuan Halimey bin Abu Bakar (Seri Setia)

Y.B. Tuan Rizam bin Ismail (Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Zakaria bin Hj. Hanafi (Semenyih)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

**TIDAK HADIR
(Dengan maaf)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.
(Bandar Baru Klang)

Y.B. Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali
S.P.M.S., S.M.S. (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Ahmad Mustain bin Othman (Sabak)

Y.B. Dato' Haji Mohd Shamsudin bin Haji Lias,
DPMS., JSM., SSA. (Sungai Burong)

Y.B. Datuk Rosni binti Sohar, DMSM., PJK. (Hulu Bernam)

Y.B. Dato' Mohd Imran bin Tamrin, D.I.M.P (Sungai Panjang)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Dato' Masri bin Mohd Daud, D.S.A.P., P.C.M.
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

Y.B. Dato' Nor Azmie bin Diron, D.P.M.S.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Puan Gayathri Prasena A/P Jaya Kumar
Setiausaha Bahagian Dewan

Encik Muhajirih bin Ahmad
Penolong Setiausaha Dewan

Encik Zawawi bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha Pentadbiran

Puan Siti Salina binti Muftar
Setiausaha Pejabat

Encik Abdul Khalil bin Sabiis
Bentara

Encik Mohamad Izad Shafiq bin Ahmad Mashudi
Puan Nur Syahira Shazrin binti Mat Rohani
Pelapor Perbahasan

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

SETIAUSAHA DEWAN : Selamat pagi dan salam sejahtera. Aturan urusan mesyuarat bagi Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor Yang Keempat Belas pada 22 Mac 2019 dimulakan dengan bacaan doa.

PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN : *Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillahi Robbil 'Alamiin. Wassolatuwasalamu 'Aala Rasulil 'Aamin Sayidina Muhamadin Waala 'Alihi Wasahbihi Ajma'in*

Ya Allah Ya Tuhan Kami, Sesungguhnya Engkaulah Tuhan yang memiliki segala kebesaran dan kekuasaan. Kami bersyukur ke hadrat Mu kerana melimpahkan kami dengan nikmat dan rahmat juga mengurniakan kami bumi yang subur dan maju Negeri Selangor Darul Ehsan. Dengan rahmat Mu jua pelbagai rancangan pembangunan telah dinikmati oleh rakyat, pelbagai keturunan dan bangsa yang taat kepada Raja dan Kerajaan Negeri ini. Ya Allah kami memohon kehadrat Mu agar memberikan kami sebaik-baik petunjuk dan bimbingan untuk memuliakan kami khususnya Ahli Dewan Negeri meneruskan khidmat menimbang dan memutuskan segala perkara yang dibincangkan di dalam Dewan yang mulia ini supaya segala rancangan pembangunan Negeri Selangor Darul Ehsan berjalan lancar, tepat dan berkesan. Kepada Mu jua Ya Allah kami berserah.

*Wassalahu Aala Saiyidina Muhammad Wa'ala Alihi Wassohbihi Ajma'iin
Walhamdulillahi Rabbil 'Alamiin.*

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan urusan seterusnya, pertanyaan-pertanyaan.

TUAN SPEAKER : Selamat pagi, salam sejahtera kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Saya mempersilakan Gombak Setia.

Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM : Yang Berhormat Speaker, dua kali kecewa. Satu, Bukit Tunku tak pakai pink sama dengan saya, dua, EXCO tak ada nak jawab. Soalan saya, 67.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM
(N17 GOMBAK SETIA)**

TAJUK : PEMERKASAAN EKONOMI DENGAN NEGARA SERANTAU

67. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

25 MAC 2019 (ISNIN)

- a) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam merancakkan kegiatan ekonomi melalui kerjasama simbiosis di antara pelabur-pelabur asing khususnya dari negara-negara jiran untuk melabur di Negeri Selangor?

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : Tuan Speaker, saya menjawab untuk Sungai Pinang. Bandar Baru Klang. Minta maaf, masih lagi...

TUAN SPEAKER : Masih ingat err...

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : Tuan Speaker, Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor meneruskan aktiviti-aktiviti promosi menggalakkan pelaburan yang turut mensasarkan negara-negara jiran seperti Singapura, Indonesia dan Thailand.

Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah seperti penyertaan di dalam **MRO Asia Pacific** di Singapura yang mensasarkan syarikat-syarikat yang terlibat di dalam industri Aeroangkasa.

Manakala di Indonesia pula, Invest Selangor turut menyertai pameran S.I.A.L. Jakarta bagi mempromosikan industri makanan dan minuman (Food & Beverages) di Jakarta pada 20 – 23 November 2018.

Selain itu, Invest Selangor juga turut meninjau potensi industri jentera dan peralatan di Bangkok, Thailand melalui penyertaan di dalam Metalex Bangkok (Machine Tools & Metal Working Exhibition).

Di samping itu, bagi mengukuhkan potensi perdagangan di Negeri Selangor dan Negara-Negara serantau, Invest Selangor akan menganjurkan **“Selangor International Business Summit 2019 (SIBS 2019)”** yang bakal berlangsung dari 10hb. hingga 13hb. Oktober 2019 di Malaysia International Trade Exhibition Centre (MITEC), Kuala Lumpur yang merangkumi 4 acara utama iaitu;-

- i. Selangor International Expo 2019 kali ke-5
- ii. Selangor-ASEAN Business Conference 2019 kali ke-3
- iii. Selangor Smart City & Digital Economy Convention 2019 kali ke-3
- iv. Selangor R&D and Innovation Expo 2019 kali pertama.

Antara objektif program ini diadakan adalah untuk mempromosikan Negeri Selangor sebagai Hub Perdagangan Global di rantau ASEAN dan juga memberi peluang kepada syarikat-syarikat tempatan dan asing untuk mempamerkan produk dan perkhidmatan serta memberi peluang untuk menjalinkan hubungan kerjasama perniagaan untuk kepentingan bersama.

Program ini dapat memberi peluang kepada pengusaha tempatan untuk meneroka pasaran luar negara serta mewujudkan komuniti perdagangan antara Selangor dan Negara-Negara serantau serta menjadikan Selangor sebagai destinasi pelaburan serta hub perdagangan bagi rantau ASEAN

TUAN SPEAKER : Kampung Tunku.

Y.B. PUAN LIM YI WEI : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya nombor 68.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LIM YI WEI
(N35 KAMPUNG TUNKU)

TAJUK : KEMPEN BEBAS PLASTIK DAN POLISTIRENA SELANGOR

68. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk mencapai sasaran "sifar beg plastik" sejajar dengan "Road Map Zero Single-Use Plastic 2018-2030" yang dilancarkan oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC)?

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Terima kasih Yang Berhormat Kampung Tunku. Rancangan Kerajaan Negeri bagi mencapai sasaran "sifar beg plastik" adalah selaras dengan pelan tindakan yang digariskan di dalam *Roadmap Towards Zero Single-use Plastics 2018-2030* yang dilancarkan oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) pada 17 Oktober 2018. Dasar ini menggariskan bahawa penggunaan "single-use plastic" akan diharamkan sepenuhnya menjelang tahun 2030.

Kerajaan Negeri melalui kempen Bebas Plastik pada masa ini mengenakan caj 20 sen bagi setiap beg plastik bertujuan mewujudkan kesedaran dalam kalangan pengguna mengenai bahaya beg plastik terhadap alam sekitar dan kesihatan. Caj ini dikenakan kepada peniaga-peniaga di premis-premis perniagaan yang menyediakan beg plastik khususnya dalam skala yang besar kepada pengguna, seperti di pasar raya, *super mart*, pasar raya mini dan sebagainya.

Kerajaan Negeri juga akan bekerjasama dengan Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi-agensi yang berkaitan bagi menjalankan aktiviti dan program dalam menyokong dan melaksanakan dasar ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri turut akan berusaha mengambil langkah awal untuk melaksanakan pengharaman beg plastik ini pada tahun 2025, iaitu 5 tahun lebih awal berbanding dengan Pusat. Namun ia bergantung kepada kesediaan pihak pembekal seperti di kilang-kilang untuk menghasilkan bahan atau medium gantian kepada beg plastik sedia ada kepada pasaran. Cadangan pengantian

25 MAC 2019 (ISNIN)

penggunaan beg plastik ini termasuklah menggunakan bahan *biodegradable plastic*, beg kitar semula dan beg kertas. Sekian.

TUAN SPEAKER : Meru.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Terima kasih, Tuan Speaker. Soalan saya, 69.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

TAJUK : SKIM INSENTIF PEDULI RAKYAT SELANGOR

69. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Apakah pihak UPEN mempunyai rancangan untuk menyatukan semua skim IPR di dalam satu sistem IPR sahaja.
- Adakah Kerajaan Negeri mahu menilai semula skim IPR yang telah dimansuhkan seperti insentif perkahwinan, TAWAS, Pemberian subsidi Air dsb.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih, Tuan Speaker, terima kasih Meru. Menteri Besar dah masuk, Menteri Besar jawab.

Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih, Tuan Speaker dan Meru yang bertanyakan soalan. Dan soalan ini akan dijawab bersekali dengan soalan 207 yang juga soalan daripada Yang Berhormat Bukit Lanjan, soalan nombor 51, soalan 86, Morib, Balakong, 165, dan Hulu Kelang, 248.

Tuan Speaker, ramai di kalangan Ahli Dewan telah membangkitkan mengenai penjajaran inisiatif peduli rakyat dan juga data e-Kasih, yang merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Negeri masa kini. Inisiatif peduli rakyat adalah penjenamaan semula merakyatkan ekonomi yang telah dilaksanakan 10 tahun lalu. Retreat EXCO 2018 pada 13 hingga 16 Ogos yang lalu, telah memutuskan Unit Perancangan Ekonomi ataupun UPEN untuk membentangkan keberkesanan daripada keperluan penjajaran program IPR. Dengan mengambil kira beberapa faktor berikut:-

- Penekanan konsep daripada pemberian kepada pengupayaan, "gift to empowerment".
- Penekanan kepada program-program kesedaran.
- Fokus kepada kumpulan sasaran yang tepat.

Berdasarkan ucapan belanjawan yang diberikan pada tahun lalu, bahawa agenda pelaksanaan program IPR akan di teruskan secara lebih holistik. Dan tidak hanya

25 MAC 2019 (ISNIN)

menyajikan pemberian-pemberian dalam bentuk kebajikan dan simpati semata-mata. Tetapi member daya melalui pemerkasaan kepada penerimaan manfaat IPR di Selangor. Selain itu IPR mengambil kira perkara seperti berikut :

- i. Penekanan dari konsep daripada pemberian kepada pengupayaan.
- ii. Penekanan kepada program-program kesedaran
- iii. Dan fokus kepada kumpulan sasaran yang tepat.

Merujuk kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Bil 1/2019. Melalui cabutan minit yang telah disahkan pada 26 Januari 2019, telah memutuskan bahawa keperluan berkenaan penjajaran dan penyusunan semula IPR perlu dimuktamadkan segera, mengikut cadangan oleh Unit Perancangan Ekonomi. Sehubungan daripada itu, Unit Perancangan Ekonomi telah menganjurkan Persidangan Pengendali IPR pada 25 hingga 26 Februari 2019 di Best Western Hotel, I-City, Shah Alam. Dan telah menghimpunkan sebanyak 43 pengendali IPR Negeri Selangor, bagi membincangkan cadangan penjajaran dan program IPR sedia ada dan seterusnya memperkasakan pelaksanaan dasar Kerajaan Negeri. Hasil daripada persidangan tersebut, 43 program IPR telah dicadangkan untuk dijajarkan kepada 3 kategori seperti berikut :-

- i. Diteruskan seperti yang sedia ada dan ini merangkumi 20 IPR-IPR yang ada pada waktu ini.
- ii. Diteruskan dengan penjajaran iaitu secara :-
 - a) Pindaan daripada segi perubahan program, syarat kelayakan, mekanisme pelaksanaan, kuota penerima dan lain-lain pindaan yakni merangkumi 14 program IPR.
 - b) Kolaborasi dengan program IPR sedia ada. Dengan merangkumi 9 program-program IPR.

Walau bagaimanapun kesemua cadangan penjajaran IPR ini akan dibentangkan semula secara terperinci dalam Retreat Ahli-Ahli EXCO Kerajaan Negeri yang akan berlangsung selepas sidang Dewan ini. Bagi mendapatkan keputusan dasar pelaksanaan yang akan dimuktamadkan kelak oleh Negeri Selangor. Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini, semua program IPR masih berjalan seperti biasa, dan tidak ada pemansuhan malah sebalik dijajarkan bagi meneruskan pemberian bantuan Kerajaan Negeri secara holistik. Dan tidak hanya menyajikan pemberian bantuan sebaliknya juga melihat elemen-elemen pemerkasaan dan kesedaran.

Bagi pelaksanaan program inisiatif peduli rakyat, Unit Perancangan Ekonomi Negeri Selangor, bercadang untuk mengadakan kerjasama dengan pihak ICU, Jabatan Perdana Menteri supaya sistem e-Kasih, digunakan sebagai satu sumber data asas dalam proses verifikasi penerima bantuan. Selain daripada itu, UPEN juga sedang dalam peringkat perbincangan dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk mengenal pasti kesesuaian penggunaan data bantuan sara hidup ataupun BSH dalam proses verifikasi penerima pada masa akan datang. Pada masa kini, Kerajaan Negeri sedang menggunakan sistem Smart IPR, yang dicadangkan sebagai One Stop Centre untuk semua permohonan IPR, yang melalui portal dan aplikasi mobil, di mana maklumat

25 MAC 2019 (ISNIN)

pemohon untuk semua skim di simpan dalam satu data berpusat dan boleh diakses oleh semua pengendali. Sistem smart IPR ini masih dalam proses pembangunan oleh pihak Bahagian Pengurusan Maklumat ataupun BPM dan seterusnya akan siap digunakan secara berperingkat mulai Februari 2020. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Hulu Bernam, tak hadir. Batang Kali, tak hadir. Sijangkang.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Alhamdulillah. Tuan Speaker, soalan saya nombor 72.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI (N51 SIJANGKANG)

TAJUK : PERUNTUKAN PENYELENGGARAAN PENCAHAYAAN JALAN KAMPUNG 2019

72. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah peruntukan bagi penyelenggaraan pencahayaan jalan kampung untuk tahun 2019?

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih, Tuan Speaker. Terima kasih Sijangkang. Di bawah Vot P01/02006, Naik Taraf Baik Pulih Jalan Luar Bandar, skop pemasangan lampu-lampu jalan kampung turut dimasukkan dalam skop peruntukan ini. Sijangkang, dia tanya tentang, Yang Berhormat tentang, apakah ada peruntukan penyelenggaraan ataupun peruntukan pencahayaan jalan-jalan kampung.

Sebenarnya ada di bawah Vot ini. Dan kawasan yang dilaporkan banyak terlibat dengan kegiatan jenayah dan juga kemalangan dijadikan keutamaan untuk dipasangkan lampu-lampu jalan ini. Di bawah peruntukan ini, keseluruhannya mempunyai RM3 juta yang telah disediakan pada tahun 2019. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri hanya memperuntukkan untuk pemasangan jalan kampung sahaja. Bukan menampung bil utiliti ataupun bil-bil yang berkaitan dengan lampu tersebut. Jadi bagi lampu-lampu jalan yang sedia dibina menggunakan dana Kerajaan Negeri, kos penyelenggaraan dan bayaran bil elektrik adalah di tanggung oleh Majlis Pengurusan Komuniti Kampung ataupun pejabat daerah. Jadi mana-mana Yang Berhormat, yang tengok ada pencahayaan ataupun lampu-lampu mungkin ada, tapi tidak disebabkan, permasalahan tidak membayar dan sebagainya, boleh berbincang dengan MPKK dan pejabat daerah. Bagaimanakah ia dibayar semula dan akhirnya lampu-lampu ini boleh kembali berfungsi dengan baik. Buat masa ini tiada rekod atau data spesifik mengenai jumlah peruntukan penyelenggaraan lampu kampung yang dikeluarkan oleh MPKK atau pejabat daerah di Negeri Selangor. Ini kerana ia berbeza mengikut tempat, keadaan dan keperluan di sesuatu kampung tersebut. Untuk makluman semua, di bawah peruntukan MPKK, kos setiap bulan RM100.00 itu, boleh menampung kos untuk

25 MAC 2019 (ISNIN)

penyelenggaraan lampu-lampu spesifik, tidaklah semua satu kampung itu. Yang berkenaan dengan di bawah balai raya sahaja. Terima kasih. Itu jawapan saya.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Soalan tambahan, Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Sijangkang.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Isu pencahayaan jalan kampung ini adalah antara isu yang banyak didebatkan oleh Ahli-Ahli Dewan Negeri. Cuma saya nak dapat maklumat sama ada di bawah ICU juga, ada juga peruntukan yang boleh digunakan sama, dan saya dapat di kampung-kampung ini ada sebahagian batang jalan yang mempunyai pencahayaan yang cukup baik, yang dulunya mungkin disebabkan oleh ada pembangunan pasar malam di situ yang akhirnya pasar malam itu tidak berlaku lagi dan pencahayaan itu masih lagi berterusan dikatakan sepanjang jalan satu kilometer ada dua puluh tiang berlampa sehingga pada hari ini pun begitu juga, bagus cantik tapi ada bahagian-bahagian lain yang tidak mempunyai pencahayaan. Adakah Kerajaan Negeri merancang untuk menyusun semula lampu-lampu ini supaya dia boleh merangkumi daripada sebahagian besar daripada kawasan kampung tersebut, terima kasih.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih Sijangkang soalan tambahan itu bertanya tentang apakah ICU ada peruntukan. Untuk makluman semua memang di bawah peruntukan ICU ada kali ini bawah ICU disalurkan melalui Parlimen, setiap Parlimen mempunyai RM2 juta untuk boleh membolehkan setiap kampung mendapat peruntukan ini. Tetapi prosesnya adalah melalui ianya perlu leh dimohon ataupun ahli-ahli Parlimen akan mengeluarkan peruntukan yang sedia ada sebanyak RM2 juta ini. Dan tetapi dari sudut bajet yang cara holistiknya secara besarnya maklumat yang saya di tangan saya, saya dapat bajet 2019 di bawah LJK ataupun projek lampu jalan kampung, Kerajaan Persekutuan telah pun memperuntukan RM100 juta di mana RM50 juta ataupun separuh daripadanya disumbangkan oleh Tenaga Nasional yang sebagai CSR. Itu jawapan sayalah satu ada CSR "sorry" satu ada di bawah ICU melalui Ahli Parlimen dan satu lagi memang ada projek jalan kampung yang disediakan. Tetapi isu apakah ianya ada pencejajaran semula ataupun melihat semula tentang mana-mana tempat yang tidak ada lampu dan sebagainya diadakan memang ini adalah usaha yang terkini kita sedang sarankan di bawah SPKN itu. Maknanya sistem profil kampung ini juga disarankan supaya setiap lampu jalan yang berfungsi akan perlu dibuat, perlu didaftarkan di bawah SPKN supaya akhir-akhirnya di bawah MPKK kita ada satu inventori yang lengkap jadi mana yang perlu kita tambah, mana yang ada yang tidak berfungsi kita akan nyalakan dan yang tidak ada itu, atau yang tidak perlu itu mungkin kita akan matikan supaya menjimatkan kos penyelenggaraan atau utiliti bil oleh MPKK, terima kasih.

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Silakan Taman Templer.

25 MAC 2019 (ISNIN)

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN: Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat EXCO cuma nak bertanya Yang Berhormat EXCO sedikit, mungkin soalan ini saya ini agak mungkin menyimpang sikitlah tetapi soal berkaitan dengan elektrik juga. Bila kita menang di Selangor pada 9 Mei itu ada balai raya-balai raya yang sebelum ini digunakan yang mana bil elektrik sudah mencecah ribuan ringgit. Jadi bila MPKK kita masuk baru menggunakan balai raya-balai raya itu memang bilnya terlalu tinggi. Jadi kita nak tahu apakah cara atau pendekatan penyelesaian untuk menyelesaikan bil-bil elektrik yang tinggi di balai raya-balai raya yang terdapat di dalam Negeri Selangor. Sekian, terima kasih.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih Templer, saya sedia maklum tentang isu balai raya-balai raya yang sekarang ini bukan sahaja bil-bilnya mencecah kadang yang tidak mampu dibayar oleh MPKK tetapi banyak juga balai raya-balai raya yang telah pun dipotong. Bil elektriknya atau elektriknya kerana tidak membayar bil jadi sebenarnya kita sedang menangani isu ini secara bersasar mananya kita lihat MPKK atau balai raya-balai raya yang mempunyai kos utiliti yang tinggi ini kita akan semak dan kita akan cuba untuk berbincang dengan pihak Tenaga Nasional bagaimana kaedahnya untuk memastikan ianya dapat dihidupkan atau diselesaikan masalah ini, itu pertama. Yang keduanya kita juga di bawah Kerajaan Selangor sekarang ini di bawah MPKK kita lihat ada bajet khusus yang diberi iaitu sebanyak RM20,000.00, itu daripada Kerajaan Negeri. Begitu juga tambahan daripada Kerajaan Persekutuan tetapi yang Kerajaan Persekutuan itu adalah khusus untuk program untuk pembangunan ataupun program-program yang lebih mensasar kepada projek atau program di kawasan. Jadi saya sebenarnya telah berbincang dengan semua wakil-wakil Pejabat Daerah kemungkinan kita akan memohon supaya bajet RM20,000.00 juga boleh digunakan untuk memastikan bil-bil utiliti contohnya sebulan RM100 yang sepatutnya diberikan untuk pengurusan itu mungkin kalau tidak dapat menampung ada lebihan atau tambahan yang perlu menyelesaikan masalah bil elektrik atau bil-bil lain ini kita akan minta supaya kelonggaran dari MMKN supaya sebahagian sijilnya boleh dibayar untuk menyelesaikan masalah yang lepas, itu sahaja, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Damansara, eh Batang Kali.

Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, saya nak tanya kepada Yang Berhormat EXCO sama ada Kerajaan bercadang untuk memberikan pendahuluan kepada MPKK kerana kebanyakan MPKK ini tidak ada modal pendahuluan untuk mengadakan program atau aktiviti. Memang kita dengar bunyinya ada banyak sikitlah RM20,000.00 pemberian,kemudian RM10,000.00 daripada Kerajaan Persekutuan. Kot-kot boleh jawab sikitlah, terima kasih.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Tuan Speaker soalan ini dah tersasar tetapi kalau nak suruh saya jawab mungkin saya rasa isu ini juga telah dibincangkan di dalam mesyuarat di dalam MPKK kemungkinan besar kita juga akan membuat satu permohonan melalui MMKN supaya program atau situasi yang berlaku di bawah Pusat

25 MAC 2019 (ISNIN)

Wanita Berdaya di mana diberikan pendahuluan itu boleh juga dibuat konsep yang sama dalam MPKK. Bermakna kita bagi pendahuluan lepas itu mereka perlu menunjukkan program mereka itu apa baru kita bagi bayaran kedua tersebut, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kota Damansara.

Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR: Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya ke 73.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR (N39 KOTA DAMANSARA)

TAJUK: PEMBELAAN KAUM PEKERJA - & NBSP; INSTITUT PEMBEDAYAAN PEKERJA

73. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan Institut tersebut dalam konteks Akta Perhubungan Perusahaan 1967, Akta Kerja, Akta Kesatuan Sekerja, ILO Konvensyen 87 dan 98?

Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih Speaker dan Kota Damansara yang konsisten dengan isu-isu pekerja. Institut Pembedayaan Pekerja merupakan sebuah institut yang sedang ditubuhkan bagi merangka polisi dan kebijakan dan bertujuan untuk meningkatkan kecekapan pekerja. Menangani isu-isu semasa melibatkan pekerja dan mendepani cabaran revolusi industri 4.0. Jawatankuasa industri institut ini akan dianggotai oleh wakil daripada pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MBF), Kongres Persatuan Pekerja dan Perkhidmatan Awam (Cuepacs) dan Kongres Kesatuan Pekerja MTUC. Bagi merangka polisi yang berkaitan dan merujuk kepada akta-akta yang sedia ada rangkaian kerjasama strategik bersama jabatan dan agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia seperti Jabatan Tenaga Buruh, Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja Malaysia, Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia dan Jabatan Tenaga Manusia, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Manusia Pekerja, Institut Maklumat dan Analisa Pasaran Buruh (ILMIAH), Institut Kesedaran dan Kesihatan Pekerja Kebangsaan dan Pertubuhan Kesihatan Kerja Sosial perlu diadakan sesuai dengan penubuhan institut ini. Jadi untuk menjawab soalan ini secara langsung kita belum lagi mempunyai pelan spesifik berkenaan dengan Akta Perhubungan Perusahaan 1/67, Akta Pekerja serta Akta Kesatuan Pekerja dan juga LLO Konvensyen 87 dan 88 sebab institut ini baru ditubuhkan dan sedang dalam proses untuk melaksanakan tapi inn shaa Allah saya percaya sebagai pusat kajian yang akan meneliti secara spesifik isu-isu pekerja. Semua akta-akta yang berkaitan dan konvensyen yang telah di tertera berkaitan dengan pekerja akan diambil kira sebahagian daripada urus tadbir dan juga "term of referion " dengan izin TOR kepada institut dan badan negeri, terima kasih.

25 MAC 2019 (ISNIN)

Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Silakan Kota Damansara.

Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR: Terima kasih Yang Amat Berhormat Sungai Tua atas jawapan tadi, saya mengucapkan terima kasih atas mereka yang akan terlibat dalam aktiviti tersebut. Boleh tak kalau saya tahu bilakah adakan diadakan ataupun rancangan akan diadakan contohnya perjumpaan atau mesyuarat seterusnya.

Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Dalam masa terdekat kita telah merangka bertemu dengan nama yang telah saya namakan tempoh hari dan beliau sedang siapkan satu cara pelan kerja, pelan tindakan yang akan dilakukan untuk pembentukan tersebut. Dan sudah pasti sasaran kita menjelang Mei nanti kita dah boleh menubuhkan institut ini dan merasmikannya dan seterusnya boleh bergerak. Jadi saya akan maklumkan sudah pasti konsultasi bersama dengan Ahli-Ahli Dewan juga akan dimaklumkan juga setelah kita telah mempunyai beberapa rujukan-rujukan dan juga pelan-pelan tertentu untuk kita majukan sebagai tindakan-tindakan seterusnya. Khususnya berkaitan pekerja dengan berkaitan dengan Ahli-Ahli Dewan terutama mereka yang berminat dalam isu kajian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Subang Jaya.

Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE: Terima kasih Tuan Speaker, soalan Subang Jaya nombor 74.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE (N31 SUBANG JAYA)

TAJUK: SMART SELANGOR PARKING APP

74. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status perundingan dengan Godell Sdn. Bhd. Dengan MPSJ ke arah melaksanakan Smart Selangor Parking?

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Terima kasih Tuan Speaker, Smart Selangor Parking belum dilaksanakan di MPSJ kerana pihak MPSJ masih terikat dengan kontrak pihak bersama PR Godell. Walau bagaimanapun pelaksanaan Smart Selangor Parking telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Kewangan MPSJ bilangan 1 tahun 2019 bertarikh 16 Januari 2019 dan telah bersetuju dengan pelaksanaannya. MPSJ telah menghantar surat makluman kepada Godell Parking Sdn. Bhd. pada 13 Februari 2019 dan masih menunggu keputusan dari pihak Godell disebabkan perjanjian telah ditandatangani dalam konsesi sebelum ini sehingga 31 Mac 2022, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Taman Templer.

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN: Terima kasih Tuan Speaker soalan saya nombor 75, terima kasih.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
(N15 TAMAN TEMPLER)

TAJUK: GOLONGAN MISKIN TEGAR

75. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri Selangor kepada golongan miskin tegar dan miskin serta peluang yang mereka boleh perolehi untuk mengubah nasib mereka?

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Tuan Speaker, usaha membasmikan kemiskinan dalam kalangan rakyat sentiasa menjadi fokus utama Kerajaan Negeri dengan membantu masyarakat meningkatkan tahap pendapatan dan keadaan sosio ekonomi supaya dapat keluar dari kitaran kemiskinan. Bagi membolehkan Negeri Selangor mencapai matlamat kemiskinan sifar dalam semua dimensi terutamanya terhadap golongan miskin tegar dan miskin, Kerajaan Negeri sentiasa mengambil pendekatan “peduli rakyat”. Kerajaan Negeri juga sentiasa menyediakan peluang saksama kepada golongan miskin untuk turut serta dalam pertumbuhan ekonomi akan menghasilkan komposisi ekonomi yang seimbang dalam pekerjaan dan pemilikan perniagaan atau perusahaan tanpa mengira kaum, gender dan latar belakang. Kerajaan Negeri Selangor peka kepada golongan miskin tegar dan miskin. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri Selangor tidak ketinggalan dalam menghulurkan bantuan kepada golongan ini. Seperti yang semua sedia maklum di dalam Stand Co Kesihatan, bantuan Skim Peduli Sihat telah diperkenalkan khusus dalam membantu golongan miskin mendapatkan rawatan pemeriksaan di klinik-klinik swasta secara percuma. Di bawah Stand Co Pemberdayaan dan Pembangunan Sosio Ekonomi, Program Bantuan “Blueprint” Pembasmian Kemiskinan iaitu pemberian mesin atau peralatan secara percuma khusus kepada golongan miskin berpendapatan seisi rumah RM3000 ke bawah yang menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan sebagai punca mata pencarian. Tidak ketinggalan juga program tajaan penuh kepada pelajar miskin melalui Program Tajaan Teknikal kepada INPENS International College yang dilaksanakan sejak 2008 hingga 2018. Begitu juga dengan Stand Co Permodenan Pertanian, yang menyediakan Bantuan Nelayan dan Akuakultur khusus buat golongan nelayan miskin di Negeri Selangor. Oleh yang demikian, program-program pembasmian kemiskinan ini adalah bersifat menyeluruh dan meliputi semua golongan miskin di Negeri Selangor serta tidak fokus kepada golongan miskin tegar sahaja.

25 MAC 2019 (ISNIN)

TUAN SPEAKER: Sungai Air Tawar tidak hadir, Batang Kali.

Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR: Terima kasih Yang Berhormat
Tuan Speaker soalan saya nombor 77.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR
(N07 BATANG KALI)

TAJUK: PEMILIKAN TANAH DI DAERAH HULU SELANGOR

77. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri bercadang untuk meletakan fungsi penglibatan ADUN di dalam jawatankuasa tanah daerah supaya cadangan atau maklum balas yang disampaikan dapat diambil pandangan dalam setiap proses kelulusan tanah?

Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih Tuan Speaker dan Batang Kali untuk makluman Batang Kali Jawatankuasa Tanah Daerah sudah tidak lagi dilaksanakan dalam setiap proses kelulusan-kelulusan tanah bagaimana sebelum tahun 2008. Semua permohonan pelupusan tanah secara pemberimilikan di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara akan diangkat ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk dipertimbangkan setelah semua agensi dan semua badan-badan teknikal memberikan makluman serta komentar terhadap setiap permohonan-permohonan dalam seksyen 76 Kanun Tanah tersebut, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sila Batang Kali.

Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Besar adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk melibatkan ADUN-ADUN ini sebelum "paper" itu diangkat ke MMKN, terima kasih.

Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Yang Berhormat sekalian, saya percaya Jawatankuasa Tindakan Daerah merupakan salah satu daripada medium yang boleh digunakan oleh Ahli-Ahli Dewan untuk ke arah pelaksanaan dan juga polisi-polisi tanah yang boleh diketengahkan. Sebahagian daripada Jawatankuasa tanah yang sedia ada di peringkat daerah atau jawatankuasa kerja di peringkat daerah akan menumpu kepada laporan-laporan teknikal ini, dan laporan teknikal ini datangnya daripada badan seperti JPS, JPBD majlis-majlis perbandaran dan sebagainya. Jadi kita bersedia melihat apakah fungsi dan juga cadangan daripada kepada ahli-ahli dewan negeri namun begitu pada tahap ini kita tidak lagi memasukkan sebagai wakil formal dalam jawatankuasa tanah daerah kerana reformasi yang dibuat selepas tahun 2008 itu adalah untuk mengurangkan risiko-risiko pemberian dan juga pengendalian tanah

25 MAC 2019 (ISNIN)

kepada mereka-meraka yang kurang wajar, jadi jabatan agensi merangka dan membuat keputusan berdasarkan maklumat serta laporan secara professional daripada jabatan-jabatan dan akhirnya diangkat kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri jika Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri merasakan ada sebarang kekeliruan dan sebagainya kita akan memanjangkan kepada MTES sebaliknya Ahli-Ahli Dewan boleh menggunakan *platform*.. *Platform* majlis tindakan daerah dan InsyaaAllah pentadbiran ini bersedia untuk memperkasakan majlis tindakan daerah supaya majlis tindakan daerah ada beberapa isu seperti isu tanah yang boleh dibincangkan secara spesifik supaya Ahli-Ahli Dewan boleh terlibat secara langsung melihat bagaimana faktor-faktor dan juga isu-isu berkaitan tanah dapat disampaikan kepada pejabat pengurusan daerah itu.. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Taman Medan.

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Tuan speaker nampak berseri, kalau tersenyum bertambah tampan. Untuk Taman Medan peluang diberi soalan no 78.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI (N33 TAMAN MEDAN)

TAJUK : PROJEK PEMBINAAN JEJANTAS MOTOSIKAL LEBUHRAYA BARU PANTAI

78. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh mana kemajuan projek pembinaan jejantas motosikal yang menyeberangi Lebuhraya Baru Pantai?
- b) Berapakah anggaran kos pembiayaan projek jejantas motosikal tersebut?
- c) Bilakah projek jejantas motosikal tersebut dijangka siap?

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker dan Yang Berhormat Taman Medan.. Soalan yang bertanyakan soalan berhubung dengan projek pembinaan jejantas motosikal lebuhraya disebut sini Baru Pantai bukan Baru Pantai Pantai Baru.. Kemajuan terkini bagi pembinaan ikut skop asal kontrak adalah sebanyak 95% dah siap. Dimana kerja-kerja berbaki adalah kerja-kerja penanaman rumput dan pembersihan tapak.. Walaubagaimanapun jambatan motosikal masih tidak dapat dibuka untuk kegunaan awam kerana faktor keselamatan dimana terdapat pagar pengadang lama yang rosak dan berkarat boleh mendatangkan risiko bahaya kepada pengguna motosikal kelak. Majlis atau MBPJ kini dalam rundingan bersama pihak Perbadanan Aset Keretapi RAC dan Keretapi Tanah Melayu Berhad KTMB untuk menjalankan kerja tambahan bagi pembaikan pagar pengadang lama jambatan yang

25 MAC 2019 (ISNIN)

berada di bawah penyelenggaran pihak RAC. Jumlah keseluruhan pembinaan mengikut kontrak asal adalah sebanyak RM4.859 Juta. Mengikut tempoh masa lanjutan terkini projek ini dijangka siap pada 16 Mac 2019. Atas sebab-sebab yang saya sebutkan tadi pihak MBPJ dalam proses pertimbangan lanjutan bagi kerja tambahan kerja pembaikan pagar pengadang lama jambatan yang berada di bawah penyelenggaran pihak RAC... Terima kasih

TUAN SPEAKER : Balakong

Y.B. PUAN WONG SIEW KI: Terima kasih Tuan Speaker ...No soalan saya nombor 79..

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. PUAN WONG SIEW KI (N27 BALAKONG)

TAJUK : PENGERAK BELIA TEMPATAN (PEBT)

79. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Perlantikan pengerusi-pengerusi PeBT tahun 2019 agak lambat dan kurang efisyen jika berbanding dengan sebelum ini. Saya memahami keadaan ini berlaku disebabkan sesi temu duga yang baru. Apakah usaha yang akan dibuat demi mengatasi masalah ini?

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: *Bismillah hirrahman nirrahim...* Terima kasih Yang Berhormat Speaker terima kasih pada Yang Berhormat Balakong, yang bertanya tentang penggerak belia tempatan PeBT program yang tidak ada di negeri lain kecuali di Selangor yang mempunyai penggerak –penggerak belia sehingga ke peringkat akar umbi yang membawa maklumat dan dasar kerajaan . Kita Kerajaan Negeri telah menambah baik proses-proses memilihan dan perlantikan PeBT ini dan tatacara ini bermula daripada menerima cadangan daripada Pihak Berkusa Tempatan yang dicadangkan dengan *endorsement* oleh Ahli Dewan Negeri. PBT kemudiannya akan membuat penyelarasan pemilihan calon PeBT. Pencalonan ini hendaklah mengikut syarat-syarat perlantikan Pengerusi PeBT dan Ahli Jawantakuasa PeBT diperingkat zon seterusnya PBT akan memanggil untuk sesi temuduga yang melibatkan pertama Ahli Majlis , kedua wakil kepada Majlis Sukan Negeri Selangor dan yang ketiga wakil Pejabat Dewan Negeri Selangor.. Dimana korum temuduga mestilah sekurang-kurangnya 3 orang ahli. Kaedah temuduga ini digunakan untuk membuat pemilihan dan penilaian yang berkualiti. Ini penting agar mereka yang dipilih adalah terdiri daripada bakal pemimpin berkredibiliti berkasrisma dan berkemimpinan.. Justeru itu segala dasar Kerajaan Negeri dapat disampaikan ke peringkat akar umbi dengan lebih efektif dan komprehensif. Untuk makluman yang berhormat Balakong, seramai 217 orang pengerusi PBT bagi sesi 2019/2020 telah dilantik berkuatkuasa 1 Januari. Berikutnya tersebut, temuduga kedua sedang berlangsung yang bermula daripada 18

25 MAC 2019 (ISNIN)

Mac sehingga 30 Mac. Untuk mengisi kekosongan 71 kerusi yang dilantik. Bermakna 288 bilangan PeBT yang belum dilantik hanya 71 orang iaitu $\frac{1}{4}$ daripada bilangan yang belum dilantik. Menjawab soalan ataupun ditempat mengapakah berlaku kelambatan dalam perlantikan ini adalah kerana setiap Ahli Majlis dan setiap Ahli Dewan Negeri mempunyai inspirasi masing-masing. Dan apabila inspirasi tidak bertemu maka kelewatan akan berlaku Yang Berhormat sedia maklum. Bagaimana kita nak atasi perkara ini oleh kerana dasar kita adalah yang menamakan calon ini adalah Ahli Majlis yang mengendorsekan Adalah Ahli Dewan Negeri untuk ketemuduga maka sekiranya tidak berlaku titik pertemuan di antara dua pandangan ini saya mengambil sikap dan pandangan sehingga sekiranya tidak boleh diselesaikan akhir bulan ini maka kita diperingkat negeri akan endorse mana-mana nama yang dicadangkan oleh ahli majlis yang memenuhi kreatiria-kreatiria dalam dasar panduan yang telah diluluskan iaitu garis panduan penggerak tempatan Negeri Selangor.

TUAN SPEAKER : Silakan Sijangkang

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Tuan Speaker adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk melibatkan *graduate-graduate* pembangunan belia yang Diploma Pembangunan Belia di UPM yang dijadikan dan dirancangkan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Terima kasih.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Iyer saya Yang Berhormat Sijangkang, memang kita maklum program yang diljalankan sewaktu yang berhormat menjadi EXCO dulu menaja beberapa pelajar kita di UPM di Universiti Pertanian Universiti Putra Malaysia. Kita meneruskan program tersebut dan kita masih memantau belia-belia kita ini. Sekiranya mereka ini telah tamat pengajian sudah tentu kita akan bekerjasama ataupun mengambil mereka sebahagian daripada jentera-jentera kita ataupun Penggerak belia tempatan kita..

TUAN SPEAKER : Sabak ..Tidak hadir..Sementa...

Y.B.PUAN DAROYAH BINTI ALWI: terima kasih Tuan Speaker soalan saya nombor 81.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Terima kasih kepada Tuan Speaker dan juga kepada Yang Berhormat Sementa..Yang Berhormat Sementa bertanyakan tentang rumah *Smart Sewa* Selangor. Untuk makluman Yang Berhormat ada sebanyak 983 unit skim *Smart Sewa* ini diseluruh Negeri Selangor. Senarai projek *Smart Selangor* yang telah siap mengikut daerah ada bersama saya hanya.... okay saya bacalah mungkin dia yang keseluruhan projek unit-unit *Smart Selangor* agak panjang saya hanya baca yang sudah disewakan ye. Err.. Panggupuri Tun Teja Alam Impian Shah Alam Daerah Petaling ada 5 unit. Err Panggupuri Rimba Jaya Seksyen 16 Shah Alam Daerah Petaling juga ada 41 unit . Panggupuri Taman Damai Pertama Kinrara Puchong Daerah Petaling juga 110 unit. Panggupuri di jalan Keretapi Lama Kapar, Daerah Klang ada 64 unit. Arista Bandar Parklands di Klang 11 unit. Azaria Bandar

25 MAC 2019 (ISNIN)

Parkland Klang 50 unit. Asteria Bandar Parkland ada 50 unit dan yang terakhir adalah Bandar Sri Coalfield Ijok Kuala Selangor ada 10 unit. Kesemuanya 341 unit yang pun telah disewakan ye. Pada March 2019 ini, sebanyak 110 unit lagi akan disiapkan ye.. dia akan juga dibuka kepada awamlah.. Jadi itu ada di Daerah Petaling, Klang dan Hulu Langat. Manakala Projek Skim Smart Selangor dalam proses untuk pemilikan dan status projek masih dalam pembinaan ada sebanyak 541 unit dan dijangkakan siap untuk disewakan mulai tahun akhir tahun ini sehingga 2020 lah ye.. Jadi tu melibatkan beberapa daerah termasuk Petaling, Klang, Hulu Langat, Gombak, Sepang dan Hulu Selangor . Yang Berhormat Sementara bertanyakan nasib ataupun apakah yang akan berlaku kepada *Smart* sewa ini selepas tempoh 5 tahun. Jadi kita menghadkan tempoh penyewaan mereka pada 5 tahun maksimum kerana kita mahu mereka keluar daripada lengkungan kemiskinan kepada kemampuan untuk memiliki unit. Jadi selepas 5 tahun tersebut, err..kadar sewa yang telah dibayar sebelum itu akan dilunaskan segala bayaran selenggara dan sebagainya dan baki daripada sewaan tersebut 30% daripada itu akan dikembalikan kepada penyewa. Jadi ini akan bertindak sebagai juga apatu deposit untuk pembelian Rumah Selangorku untuk yaa penyewa Skim Smart Sewa ini. Sehubungan itu melalui Lembaga Perumahan Hartanah Selangor akan memberikan penawaran kepada pemohon berkenaan untuk mana-mana Projek RSKU yang sedia ada sekiranya ada kekosongan kepada pemohon yang telah pun mengikuti Skim *Smart* Sewa ini. Jadi itulah sahaja sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER : Seri Kembangan ...

Y.B.TUAN EAN YONG HIAN WAH: Tuan Speaker .. Soalan 82..

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH (N28 SERI KEMBANGAN)

TAJUK : ISU KESESAKAN DI JALAN BESAR, SERI KEMBANGAN

82. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah pihak JKR diberikan peruntukan untuk menaik taraf Jalan Besar, Seri Kembangan untuk menyelesaikan isu kesesakan?

- b) Jika ada, apakah rancangan tersebut?

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker dan Yang Berhormat Seri Kembangan yang bertanyakan soalan berhubung kesesakan di jalan besar di Seri Kembangan Untuk yang makluman Yang Berhormat jalan besar di Seri Kembangan ini merupakan jalan persekutuan ft3215 bermula simpangan LDP sehingga kepersimpangan menuju ke BESRAYA Serdang Kerajaan Negeri melalui JKR

25 MAC 2019 (ISNIN)

Selangor telah mengenal pasti isu kesesakkan yang berlaku di 3 simpangan utama dipanjang jajaran jalan ft3215 ini. Yang 3 persimpangan tersebut yang pertama persimpangan jalan ft3215 ke Lebuhraya Damansara – Puchong LDP Puchong Putrajaya dan kedua ialah persimpangan jalanraya 1 serdangraya dengan ft3215 dan yang ketiga persimpangan jalan ft3215 dengan lebuhraya Besraya Serdang. JKR selanngor telah menjalankan tindakan seperti berikut keatas 3 persimpangan ini ialah pertama persimpangan ft3215 ke Lebuhraya LDP pihak JKR Selangor telah mensyaratkan kepada pemaju Lembah penchala untuk menyediakan jalan susur tambahan dari Ft3215 ke arah Putrajaya dan *flyover* dari ft3215 kearah Puchong. Yang kedua persimpangan jalanraya 1 Serdangraya dengan jalan ft3215 di dalam kawasan serdangraya telah dinaik taraf dan dijadikan jalanselaha dan telah siap 26 September 2016. Dan yang ketiga persimpangan ft3215 dengan lebuhraya Besraya serdang pihak JKR Selangor telah menghantar permohonan projek RP4 tahun 2020 RMK-Ke11 pada pihak Kementerian Kerja Raya pada 21 Februari 2019. Dan telah diangkat kepada Kementerian Kerja Raya 28 Februari 2019 untuk dimohon kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.. Sekian...

TUAN SPEAKER : Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya nombor 83.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB (N18 HULU KELANG)

TAJUK : STRATEGI INSTITUT WANITA BERDAYA MENCAPAI SASARAN 30 PERATUS WANITA DI SEMUA PERINGKAT PEMBUAT DASAR

83. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah strategi yang dirancang oleh kerajaan melalui Institut Wanita Berdaya bagi mencapai sasaran 30 peratus wanita di dalam semua peringkat pembuat dasar dan keputusan di bawah kerajaan?

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Terima kasih Yang Berhormat Hulu Kelang, terima kasih Yang Berhormat Speaker. Mengenai soalan Hulu Kelang ialah mengenai strategi Institut Wanita Berdaya untuk mencapai sasaran 30 peratus wanita di semua peringkat pembuat dasar. Selaras dengan matlamat keempat dalam Pelan Tindakan Dasar Wanita Selangor iaitu mempercepatkan kepimpinan wanita demi visi meningkatkan keupayaan dan sumbangan wanita untuk merealisasikan Selangor yang inklusif, mampan, adil dan makmur, Institut Wanita Berdaya (IWB) Selangor telah melaksanakan beberapa strategi bagi merealisasikan matlamat tersebut menerusi program dan inisiatif yang dijalankan.

25 MAC 2019 (ISNIN)

Antara program yang telah dilaksanakan oleh IWB adalah Persidangan Nasional Gender dan Reformasi Pilihan raya dengan tema ‘*More Women Better Nation*’. Persidangan ini bertujuan untuk mempercepatkan penyertaan wanita sebagai pembuat dasar di peringkat nasional dan juga negeri.

Antara input yang diketengahkan semasa persidangan ini adalah pengenalan kepada Kerusi Tanpa Kawasan (*Non-Constituency Seats* atau NCS) yang mana sistem ini akan memberi peluang untuk lebih ramai wanita dilantik menjadi wakil di peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN). Secara ringkas, Kerusi Tanpa Kawasan adalah sistem di mana calon dipilih tetapi tidak mempunyai kawasan secara spesifik dan menjalankan tugas-tugas sebagai seorang ADUN. Dengan pengenalan kepada sistem Kerusi Tanpa Kawasan ini diharapkan Kerajaan Negeri mampu mencapai 30% minimum kuota wanita menjadi perwakilan.

Memorandum juga telah diberikan kepada wakil di setiap negeri sewaktu persidangan untuk dibawa pulang bagi memberi penerangan, menjalankan advokasi untuk melaksanakan sistem Kerusi Tanpa Kawasan ini.

Selain daripada itu, IWB Selangor telah melakukan penyelidikan mengenai penyertaan dan pemberdayaan wanita dalam politik di Malaysia : kes PRU-14 dan selanjutnya yang mana kajian ini dilakukan di lima (5) buah negeri iaitu Selangor, Perlis, Pulau Pinang, Johor dan Sabah. Hasil penyelidikan ini juga telah dibentangkan melalui Seminar Nasional Wanita dan Politik dengan tema ‘Ke Mana Hala Tuju Politik Negara?’ yang telah diadakan pada Januari 2019 yang lalu.

Hasil utama daripada Seminar Nasional ini adalah satu tindakan untuk mengutarakan syor bagi membincangkan penyertaan wanita dan mempercepatkan lebih banyak kehadiran wanita sebagai pembuat keputusan. Program-program susulan seperti advokasi, pendidikan, latihan dan kesedaran juga akan disusun untuk meningkatkan potensi dan aktiviti bagi memperbanyakkan perwakilan wanita dalam politik dalam masa terdekat.

Selain daripada itu, pihak IWB juga terlibat secara langsung dalam menyediakan Modul Latihan Pembangunan Kapasiti untuk Penyelia-penyelia Pusat Wanita Berdaya dan Program Wanita Berdaya Selangor (WBS). Program WBS ini mensasarkan peserta-peserta terpilih daripada sesi program-program umum dari setiap DUN yang merangkumi modul Kepimpinan, Pengucapan Awam, Pengurusan, Kewangan, Integriti, Latihan Fizikal, Pendidikan Politik dan Pembangunan Sosial. Di akhir program ini, para peserta akan melalui proses penilaian berdasarkan penglibatan mereka sepanjang modul dilaksanakan dan akan dianugerahkan Sijil Wanita Berdaya Selangor daripada Kerajaan Negeri.

25 MAC 2019 (ISNIN)

Kerajaan Negeri Selangor juga melalui Institut Wanita Berdaya Selangor akan sentiasa meneruskan perancangan-perancangan yang substantif untuk memastikan penyertaan wanita sebagai pembuat keputusan dan dasar mampu mencapai 30% minimum pada masa akan datang. Sebagai contoh, IWB dan juga Pimpinan Wanita Negeri Selangor akan terus menggesa supaya sasaran Ahli Majlis sebanyak 30% sekurang-kurangnya kita dapat capai dalam masa penggal ini. Ketua Kampung sekarang kita ada lima orang ahli Ketua Kampung dan kita berhasrat untuk memperbanyak lagi jumlah Ketua Kampung wanita dan juga Ahli-Ahli MPKK di bawah Ketua Kampung, Ahli-Ahli Jawatankuasa Penduduk di bawah Ahli Majlis dan juga PeBT juga kita sasarkan untuk capai minimum 30% di Negeri Selangor ini. Sekian, terima kasih.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Silakan Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat EXCO. Soalan saya adalah berkenaan dengan Kerusi Tanpa Kawasan. Apakah garis panduannya dari segi kuota kerana mungkin ada perbezaan dari segi pengaruh, dari kesan apabila seorang itu mempunyai jawatan di atas kerusi kawasan berbanding dengan yang tidak ada kerusi?

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Untuk makluman Yang Berhormat Hulu Kelang, sebenarnya Kerusi Tanpa Kawasan ini sudah dibincang sebelum daripada PRU14 lagi. Kita semua maklum di Negeri Terengganu sudah terlebih dahulu melantik ADUN Tanpa Kawasan dan memang kita, dan di Sabah pun sudah ada. Memang ia akan melibatkan pindaan di dalam enakmen negeri itu sendiri dan sebenarnya forum-forum ini telah kita perluaskan sebenarnya di peringkat Negeri Pulau Pinang dan sebagainya. Cuma buat masa sekarang ia belum diutarakan secara rasmi kepada kerajaan-kerajaan negeri kerana kita perlu memperhalusi lagi dengan terperinci implikasinya dan juga penerimaan pihak negeri masing-masing. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Bukit Lanjan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PENG : Tuan Speaker, soalan 84.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING (N37 BUKIT LANJAN)

TAJUK : SMART Selangor

25 MAC 2019 (ISNIN)

84. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apa jenis projek Smart Selangor yang dirancang dan dilaksanakan pada tahun 2018 – 2019?
- b) Berapa jumlah peruntukan yang disalurkan kepada SSDU pada tahun 2018 dan 2019?

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Terima kasih Yang Berhormat
Bukit Lanjan. Berikut adalah senarai projek Smart Selangor yang telah dilaksanakan pada tahun 2018 dan sedang dilaksanakan pada tahun 2019. Untuk projek Smart Selangor yang telah melaksanakan pada tahun 2018 :-

- 1) Sistem Parking dan Kompaun Berintegrasi di Negeri Selangor.
- 2) Community Opinion Online and Enhancement (COL)
- 3) Pasar Pintar dan Peladang Pintar
- 4) Intelligent Response Selangor Enhancement
- 5) Feasibility Study Selangor Wide Area Network
- 6) Feasibility Study Smart Selangor Data Centre
- 7) Sistem Pemantauan Aliran Trafik
- 8) System Analytic CCTV
- 9) Smart Selangor Bus Stop
- 10) Smart Selangor Command Centre
- 11) Pemantauan Indeks Kualiti Udara
- 12) Selangor Smart City Conference & Exhibition
- 13) Smart Selangor Accelerator Program
- 14) Smart Selangor Centre of Excellent
- 15) Sukarelawan Smart Selangor
- 16) Smart Selangor Cashless Society

Untuk projek Smart Selangor yang sedang dan akan laksanakan pada tahun 2019 :-

- 1) Sistem Parking dan Kompaun Berintegrasi di Selangor (Enhancement)
- 2) Selangor Wide Area Network
- 3) Smart Selangor Data Centre
- 4) System Analytic CCTV Enhancement
- 5) Big Data Analytics
- 6) Smart Cycling
- 7) A Double S Crowd Start
- 8) Smart Strait Land
- 9) Smart Selangor Command Centre Enhancement
- 10) Smart Selangor Bus Stop Expansion
- 11) Selangor Smart City Conference & Exhibition

25 MAC 2019 (ISNIN)

Untuk menjawab soalan kedua, jumlah peruntukan yang telah disalurkan kepada SSDU iaitu Selangor State Delivery Unit pada tahun 2018 berjumlah RM18 juta. Untuk tahun 2019 adalah sebanyak RM10 juta. Sekian.

TUAN SPEAKER : Dusun Tua, Dusun Tua.
Y.B. TUAN EDNY FAIZAL BIN EDDY YUSOF : Maaf Tuan Speaker. Soalan saya nombor 85.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN EDNY FAIZAL BIN EDDY YUSOF (N23 DUSUN TUA)

TAJUK : PEMBERDAYAAN WARGA MISKIN BANDAR

85. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk memberdayakan warga yang berdepan masalah kemiskinan bandar?

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : Tuan Speaker. Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dan komited dalam mencapai kemiskinan sifar dalam pelbagai dimensi. Pelbagai usaha terus dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam merealisasikan konsep '*Distributive Justice*' kepada rakyat.

Sebagai tanda kepedulian dan keprihatinan berterusan dalam membantu meringankan bebanan rakyat miskin dalam menghadapi tekanan ekonomi yang tidak menentu, Kerajaan Negeri sentiasa mempelbagaikan inisiatif dalam mengupayakan rakyat untuk keluar daripada kitaran kemiskinan. Namun begitu, program-program pembasmian kemiskinan ini adalah bersifat menyeluruh dan meliputi semua golongan miskin dan kurang berkemampuan di Negeri Selangor serta tidak fokus kepada golongan miskin bandar sahaja.

Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) adalah satu agenda yang memberi manfaat kepada golongan miskin bandar dan juga golongan miskin luar bandar. Antara Program-program yang diwujudkan untuk memberdayakan warga miskin adalah seperti seperti Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin, Kasih Ibu Smart Selangor (KISS), Program HIJRAH, Program Bantuan Blueprint Pembasmian Kemiskinan, Skim Peduli Sihat, Program Dialisis Rakyat, Peduli Siswa, IKTISASS serta pelbagai lagi. Semua agenda dan rancangan Kerajaan Negeri ini telah memperlihatkan keberkesanan yang amat positif dalam menjamin kesejahteraan dan kelangsungan hidup rakyat Negeri Selangor.

Ketika ini, Kerajaan Negeri tidak mempunyai perancangan untuk mewujudkan program bantuan khusus untuk memberdayakan warga miskin bandar. Namun yang demikian, Kerajaan Negeri menyambut baik sebarang syor atau cadangan untuk membantu golongan ini untuk keluar dari kitaran kemiskinan.

TUAN SPEAKER : Morib.

Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN : Terima kasih Tuan Speaker.
Soalan saya ke 86.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN
(N53 MORIB)

TAJUK : INISIATIF PEDULI RAKYAT (IPR) NEGERI SELANGOR

86. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah langkah penajaran Kerajaan Negeri berkaitan inisiatif peduli rakyat?

Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Jawab bersekali tadi dalam soalan jawapan...

TUAN SPEAKER : Ya, sudah dijawab. Terima kasih Yang Amat Berhormat. Sungai Panjang, tidak hadir. Bukit Melawati.

Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI : Terima kasih Tuan Speaker.
Soalan saya 88.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI
(N10 BUKIT MELAWATI)

TAJUK : PELABURAN DALAM NEGERI

88. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah bentuk pelaburan baharu dalam negeri yang memberikan impak kepada peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan?

Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih Speaker dan Bukit Melawati yang bertanyakan soalan berkenaan dengan pelaburan dalam Negeri Selangor. Ahli Yang Berhormat sekalian, dalam menarik pelabur-pelabur terus mengunjungi Negeri Selangor dan bertapak di Negeri Selangor, Kerajaan Negeri sejak

25 MAC 2019 (ISNIN)

beberapa tahun yang lalu telah memberikan tumpuan kepada industri-industri berasaskan pengetahuan dan berimpak tinggi dengan objektif utama menggalakkan pemindahan teknologi dan kepakaran dapat disalurkan di semua peringkat dan jawatan. Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor yang giat mempromosikan beberapa industri tumpuan utama berdasarkan potensi yang ada di Negeri Selangor dan kita telah memilih lima kluster sebagai fokus industri-industri utama di Negeri Selangor.

- 1) Elektrik & Elektronik (Electrical & Electronics)
- 2) Peralatan Pengangkutan (Transport Equipments)
- 3) Sains Hayat (Life Sciences)
- 4) Makanan dan Minuman (Food & Beverages Industries)
- 5) Mesin dan Peralatan (Machinery & Equipment)

Daripada beberapa sektor industri utama tersebut, beberapa bidang industri tumpuan telah dikenal pasti berpotensi untuk berkembang dan memberi impak kepada peluang pekerjaan untuk rakyat tempatan di Negeri Selangor seperti :-

- 1) E-Commerce
- 2) Bio-Teknologi
- 3) Aero-Angkasa
- 4) Industri Halal

Industri-industri ini semakin berkembang dan mendapat tempat sejajar dengan arus perkembangan ekonomi dunia yang lebih menjurus kepada perniagaan secara e-dagang, sains dan teknologi bio serta aero angkasa. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Banting.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya yang ke 89.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA

Y.B. TUAN LAU WENG SAN

(N52 BANTING)

TAJUK : CUKAI ATAU FI TERHADAP PUSAT R&R LEBUHRAYA

89. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah cukai atau fi yang boleh dikutip oleh Kerajaan dan PBT terhadap Pusat Rehat & Rawat (R&R) sepanjang lebuhraya bertol tetapi belum dan tidak pernah dikenakan sehingga sekarang?

25 MAC 2019 (ISNIN)

- b) Sekiranya kutipan dikenakan, berapakah jangkaan hasil tambahan yang boleh dikutip oleh kerajaan?

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Terima kasih Banting. Terima kasih Tuan Speaker. Kerajaan Negeri melalui Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) boleh mengenakan cukai tanah terhadap Pusat Rehat & Rawat (R&R) sepanjang lebuhraya bertol. Walau bagaimanapun, beberapa proses perlu dilaksanakan terlebih dahulu iaitu :-

- 1) Semua kawasan Rehat dan Rawat (RnR) dilupuskan secara pemberimilikan tanah di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara (KTN).
- 2) Borang Jadual 1 akan dikemukakan oleh Pihak Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) dan seterusnya penilaian premium tanah akan ditentukan mengikut harga pasaran.
- 3) Setelah premium dijelaskan, hak milik akan didaftarkan
- 4) Pemilik tanah perlu membayar cukai tanah setiap tahun mengikut kadar yang ditetapkan dalam Kaedah Tanah Selangor.

Pada masa ini, Kerajaan Negeri telah mengadakan beberapa sesi perbincangan bersama dengan pihak Kementerian Kerja Raya (KKR) berhubung isu premium bagi tapak-tapak RnR yang telah diluluskan tetapi premium tanah masih belum dijelaskan. Dianggarkan premium tanah yang masih dituntut oleh Kerajaan Negeri berjumlah RM200 juta. Selain itu, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi turut mengadakan satu Mesyuarat Penyelarasana pada 3 Januari 2019 bersama UPEN yang mewakili Kerajaan Negeri, Kementerian Kewangan, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Sumber Asli dan Jabatan Ketua Pangarah Tanah Dan Galian bagi membincangkan isu ini. Dan dalam mesyuarat kewangan negara. Kerajaan negeri akan terus membuat susulan dengan kerajaan persekutuan bagi tuntutan hasil premium hasil tanah tapak-tapak R&R dapat diselesaikan dan seterusnya dapat meningkatkan hasil Kerajaan Negeri. Untuk makluman Yang Berhormat juga selain cukai tanah Kerajaan Negeri, maaf, selain cukai tanah, Kerajaan Negeri melalui PBT Negeri Selangor telah mengenakan cukai taksiran dan 'fee' lesen di tapak R&R seperti 'fee' lesen perniagaan, permit penjaja dan berniaga sementara, permit trak bergerak dan iklan bercahaya serta iklan tidak bercahaya. Terima kasih.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Soalan Tambahan

TUAN SPEAKER: Silakan Banting

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih. Saya nak bertanya kepada Yang Berhormat EXCO, berkenaan dengan RM 200 juta itu yang perlu dikutip itu adakah ia

25 MAC 2019 (ISNIN)

berdasarkan kepada kelulusan yang telah dipersetujui oleh kerajaan persekutuan ataupun ia juga merangkumi merupakan satu anggaran terhadap semua lebuh raya termasuk yang telah pun dipersetujui dan yang belum dan tidak dipersetujui. Saya ingin bertanya.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : RM200 juta itu merupakan satu anggaran yang kita dapat kutip sekiranya proses pemberimilikan dilaksanakan sepenuhnya.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Soalan Tambahan

TUAN SPEAKER: Sila...

Y.B. TUAN NG SZE HAN: tapi ada disebut bahawa sesetengah telah pun diluluskan KKR dan AIM dan bagi yang telah diluluskan sehingga sekarang, berapa telah pun dikutip oleh Kerajaan Negeri Selangor dan sekiranya ada, bolehkan kerajaan memberi pecahan lebuh raya mana satu yang telah siap keseluruhan proses ini dan saya mohon sekiranya diberi jawapan lisan kalau tidak boleh, boleh diberikan jawapan bertulis supaya jawapan bertulis nanti adalah satu jawapan yang lebih lengkap. Sekian.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: seperti yang apa yang dijawab tadi, ini berdasarkan angka itu berdasarkan satu anggaran nilai daripada JPPH maka belum ada satu keputusan muktamad lagi dan kami akan berusaha untuk dapatkan kutipan premium ini daripada syarikat-syarikat konsesi tol.

TUAN SPEAKER: Sungai Burong. Tidak hadir. Permatang.

Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya No. 91

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN (N09 PERMATANG)

TAJUK: BANTUAN WANG TUNAI KEPADA MASJID DAN SURAU SEMPENA BULAN RAMADHAN

91. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) akan menaikkan nilai bantuan tersebut pada tahun ini?
- b) Adakah bantuan ini akan diserahkan melalui ADUN kawasan?

Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Terima kasih atas soalan yang dikemukakan berkenaan dengan bantuan kepada masjid dan surau sempena dengan bulan Ramadhan. Kerajaan Negeri masih lagi mengekalkan jumlah sumbangan moreh bulan

25 MAC 2019 (ISNIN)

Ramadhan setiap tahun pada tahun 2018 seperti pada tahun lepas dan tahun-tahun sebelumnya iaitu RM1250 kepada masjid dan RM1000 kepada surau-surau solat Jumaat dan kariah namun pemberian moreh pada tahun 2019 akan menumpukan kepada masjid dan surau yang kurang mempunyai pendapatan disebabkan peruntukan dana dan jabatan dan pelan yang telah dirangka pada tahun 2019. Untuk jawapan B, penyaluran dan juga program penyerahan, tahun ini kita akan ubah sedikit sebelum ini kita buat secara berpusat di peringkat masjid Negeri Selangor sebelum Ramadhan tetapi setelah berbincang dengan pihak jabatan agama dan setelah bertemu dengan jabatan berkenaan, kita akan agihkan di setiap daerah dan saya berharap ada ahli Dewan negeri akan dapat hadir bersama-sama terutamanya yang Islam untuk meraikan nazir-nazir masjid dan pengurus-pengurus surau dalam penyerahan program sumbangan yang telah diberikan. Kalau Daerah Petaling sahaja ada 86 buah masjid, dan berapa banyak surau dan juga di Daerah Sabak Bernam, Kuala Selangor juga mempunyai jumlah hampir mempunyai 40 buah masjid yang perlu dikongsi sama pada tarikh tersebut.

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI: Soalan Tambahan

TUAN SPEAKER: Taman Medan

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan tambahan saya. Bagaimanakah mekanisme untuk mengenal pasti ketidakupayaan ataupun kekurangan kemampuan seperti yang mana dinyatakan oleh Y.A.B Sungai Tua tadi untuk pemberian bantuan tersebut kerana kita tahu di antara setiap institusi masjid atau surau itu tentulah ada perbezaan dari segi keupayaan kewangan dan capaian kepada perolehan tersebut.

Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Kita mendapatkan laporan-laporan terutamanya masjid-masjid perlu menghantar laporan tahunan mereka kepada pihak Jabatan Agama Islam dan daripada sana kita dapat melihat kedudukan kewangan semasa dan aktiviti-aktiviti semasa di samping itu Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) juga bertugas untuk memantau dan melihat sejauh mana kedudukan dan kesihatan kedudukan kewangan mahupun operasi masjid-masjid dan surau terutamanya surau-surau yang mengendalikan solat Jumaat dan masjid-masjid yang ada di Negeri Selangor. Kalau Ahli-Ahli Dewan negeri ada maklumat lain ‘central point’ nya atau pusat pengumpulan maklumat nya adalah di pejabat-pejabat Islam daerah dan di PAID-PAID ini akan menyampaikan maklumat serta maklum balas kepada pihak jabatan Agama Islam. Terima kasih.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Soalan Tambahan

TUAN SPEAKER: Sijangkang

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Tuan Speaker. Saya dapati ada beberapa buah surau di Negeri Selangor yang mempunyai kekuatan kewangan sehingga RM100 ribu lebih dalam akaun mereka tetapi ia seperti

25 MAC 2019 (ISNIN)

'consolidated fun' ada kewangan dari sumber khairat kematian, ada sumbangan, daripada sudut kewangan tabung anak-anak yatim dan kadang-kadang untuk masjid itu sendiri kurang daripada RM20 ribu. Adakah ini juga boleh dipertimbangkan. Terima kasih.

Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Terima kasih. Kita ambil maklum di atas perkara yang dibangkitkan oleh Sijangkang sebentar tadi dan kita juga ingin melihat bagaimana pengurusan dan juga pentadbiran ini dapat disalurkan dan maklumat itu dapat diketengahkan kepada pihak Kerajaan Negeri bukan menghantar secara terus ataupun menghantar secara fizikal laporan-laporan tersebut kita telah membina sebagai contoh pentadbiran secara elektronik di mana mereka perlu mengisi secara '*online*' kepada Kerajaan Negeri. Tetapi soalan asas yang dibangkitkan oleh Sijangkang iaitu '*consolidated fun*' dan wang-wang lain yang terangkum dalam iaitu kita akan lihat secara terperinci dan '*detail*' malahan saya juga mencadangkan semasa sesi-sesi penyerahan bukan hanya program penyerahan kalau tidak kita mengumpulkan mungkin ratusan di kalangan mereka cuma setengah hari dan tak sampai dan banyak maklumat kita boleh buat. Sebahagiannya adalah untuk mengetengahkan untuk mencadangkan tata kelola dan pentadbiran yang baik termasuk pengurusan masjid dan kewangan masjid dan surau supaya ia boleh ada kredibiliti dan ditadbir dengan baik. Jadi pertemuan itu di samping penyerahan sumbangan juga ada sedikit tambahan pengetahuan khususnya untuk pentadbiran dan juga program dan juga fungsi masjid dan surau sebagai pusat perubahan dalam masyarakat. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Pandamaran

Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE: Terima kasih Tuan Speaker: Soalan saya No. 92.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE (N47 PANDAMARAN)

TAJUK: KILANG PLASTIK HARAM

93. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Senaraikan bilangan kilang plastik haram di Selangor mengikut DUN
- Sila nyatakan tindakan yang telah diambil dan berapakah pengusaha yang telah dikenakan ke mahkamah.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Tuan speaker, bilangan kilang plastik haram yang dikesan buat masa ini adalah sebanyak 107 buah melibatkan 6 PBT sahaja di mana 99 kilang plastik haram tersebut telah diberi notis penutupan. Daripada 99 buah kilang tersebut, sebanyak 48 buah kilang telah ditutup sepenuhnya melalui operasi sepadu. PBT akan sentiasa bekerjasama dengan Jabatan Alam Sekitar Selangor untuk memantau perkara ini bagi tujuan penguatkuasaan. Bagi soalan B, Yang Berhormat Pandamaran bertanya

25 MAC 2019 (ISNIN)

tindakan yang telah diambil dan berapakah pengusaha yang telah dikenakan ke mahkamah. Sebanyak 6 kes telah diambil tindakan mahkamah oleh Jabatan Alam Sekitar Selangor dengan kutipan denda sebanyak RM389 ribu dan hukuman satu hari penjara. Secara keseluruhan jumlah kes yang disiasat oleh JAS bagi tempoh Julai 2018 hingga Februari 2019 adalah sebanyak 127 kes dan syor tindakan mahkamah adalah sebanyak 50 kes.

Tuan Speaker: Pandamaran

Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE: Soalan Tambahan. Yang Berhormat Speaker, kita nak tahu sementara daripada 48 ditutup sepenuhnya dan masih ada 51 beroperasi, belum diambil tindakan, belum ditutup sepenuhnya. Adakah sebab kita tahu ada kilang-kilang seperti ini masih beroperasi selepas diambil tindakan. Adakah operasi bersepadu ini kita perlu bantuan daripada TNB dan Air Selangor untuk memutuskan bekalan mereka. Terima kasih.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: saya telah menjawab soalan yang lebih kurang sama semasa penggulungan saya minggu lepas. Memang tidak dapat dinafikan masih terdapat kilang-kilang yang masih ingkar dan masih meneruskan operasi dan pihak Kerajaan Negeri Selangor perlu bantuan daripada SPAN dan juga Suruhanjaya tenaga untuk memotong bekalan kerana dari pengalaman kita di Kuala Langat potongan bekalan sepenuhnya adalah tindakan yang paling efektif untuk memastikan kilang-kilang tersebut tidak beroperasi lagi. Oleh itu, perbincangan bersama SPAN dan suruhanjaya akan diteruskan dan kami akan pastikan bekalan tersebut dapat di potong.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Pelabuhan Klang

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker tentang jawapan yang diberikan berkenaan isu plastik haram. Cuma saya mohon kepada yang Berhormat Speaker untuk memastikan pihak PBT, mana-mana PBT menghantar laporan kepada TNB dan juga Air Selangor untuk memutuskan bekalan. Adakah perkara ini di buat oleh pihak PBT?

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Saya dimaklumkan oleh suruhanjaya tenaga, apa yang diperlukan oleh Tenaga untuk memotong bekalan adalah surat dari PBT untuk meminta dan memaklumkan TNB bahawa kilang tersebut adalah sebuah kilang yang menjalankan operasi secara haram. Oleh itu bagi tindakan seterusnya kami akan memastikan semua tindakan penguatkuasaan di ikut dengan surat permohonan kepada TNB dan juga Air Selangor.

TUAN SPEAKER: Sijangkang

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya, adakah Kerajaan Negeri akan mengadakan satu jawatankuasa yang sifatnya

25 MAC 2019 (ISNIN)

lebih proaktif sebelum kilang itu beroperasi sebab sebahagian besar isu kilang haram ini kita tidak dapat selesaikan lagi dan jumlahnya begitu besar dan sebahagian daripada mereka ini menjalankan aktiviti yang akhirnya memberikan kesan pada alam sekitar. Soalan saya tadi ialah adakan Kerajaan Negeri ada satu jawatankuasa yang lebih proaktif untuk bertindak untuk sebelum dan kadang-kadang selepas berapa tahun beroperasi, baru kita dapat kilang tersebut. Terima kasih.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Terima kasih Sijangkang. Nama kilang haram itu, kita dah guna perkataan haram bermakna mereka tidak akan memaklumkan kepada kerajaan bahawa mereka akan buka di sini atau buka di sana. Oleh itu memang susah untuk kami mengesan sesbuah kilang haram sekiranya mereka nak beroperasi di manapun tempat pun. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Selangor telah buat satu keputusan bahawa satu ‘task force’ atau satu jawatankuasa tindakan telah ditubuhkan dan diketuai oleh Yang Berhormat Kajang untuk memantau perkara ini.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD: Soalan Tambahan

TUAN SPEAKER: Ijok

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD: Terima kasih Tuan Speaker. Yang saya Ijok nak tahu, adakah perampasan hak milik tanah kalau kita sudah kenal pasti kilang ini memang haram. Saya nak tahu pada Yang Berhormat EXCO.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Notis-notis telah dikeluarkan kepada pemilik-pemilik kilang haram yang salah guna tanah. Di Kuala Langat sehingga setakat ini ada tiga notis telah diberikan salah guna tanah kilang tersebut beroperasi di atas tanah pertanian. Notis 7 telah diberi. Selepas notis 7A kami akan diikuti notis 7B, selepas itu notis 8A akan dikeluarkan sekiranya tuan tanah gagal memulihkan tanah tersebut.

TUAN SPEAKER: Pelabuhan Klang

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Soalan Pelabuhan Klang, soalan No. 93.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI (N46 PELABUHAN KLANG)

TAJUK: BANTUAN RUMAH KERAJAAN PRIHATIN

93. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan bercadang untuk memberi kelonggaran kepada warga emas yang tidak mempunyai tanggungan?

25 MAC 2019 (ISNIN)

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Tuan Speaker. Terima kasih kepada Yang Berhormat Pelabuhan Klang di atas keprihatinan dan kepekaan dalam membantu golongan warga emas bagi mendapatkan bantuan di bawah program bantuan rumah kerajaan prihatin. Sebagaimana yang berhormat sedia maklum, setiap permohonan program bantuan rumah kerajaan prihatin adalah tertakluk kepada syarat-syarat permohonan sedia ada, syarat-syarat yang telah ditetapkan ini turut mengambil kira dan merangkumi golongan warga emas di mana syarat umur telah ditetapkan pada usia 45 sehingga 75 tahun. Merujuk kepada persoalan Yang Berhormat, ketika ini Kerajaan Negeri Selangor tiada cadangan untuk memberikan kelonggaran kepada warga emas yang tidak mempunyai tanggungan untuk memohon bantuan di bawah Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin. Ini adalah selaras dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan di para 4.5 iaitu "*Pemohon yang mempunyai tanggungan sahaja akan dipertimbangkan. Terbukti bahawa rumah berkenaan diduduki pemohon dan tanggungannya*". Penguatkuasaan syarat-syarat ini adalah bagi membantu Kerajaan Negeri mengurangkan bebanan kos sara hidup yang semakin meningkat dan mengenal pasti golongan sasar yang benar-benar layak serta akan mengutamakan permohonan yang mempunyai tanggungan yang ramai dan masih bersekolah serta mempunyai tanggungan yang sedang meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi. Secara tidak langsung, ia akan membantu Kerajaan Negeri dalam memberikan bantuan ini dengan adil dan saksama kepada golongan yang benar-benar layak untuk merangkumi 9 buah daerah dengan peruntukan sebanyak RM1juta sahaja. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri tiada halangan sekiranya warga emas yang tidak mempunyai tanggungan untuk membuat permohonan masing-masing. Untuk makluman Yang Berhormat juga, setiap permohonan akan mendapat ulasan dan syor daripada Pejabat Daerah Dan Tanah berkenan....berkenaan melalui siasatan secara lawatan turun padang herrrrmm...turun padang oleh Penghulu dan wakil Pejabat Daerah Dan Tanah berkenaan yang akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Pemilihan Bantuan Rumah Program Kerajaan Prihatin untuk dipertimbangkan dan diluluskan.

TUAN SPEAKER: Bukit Gasing... Tak hadir... Tanjong Sepat...

Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH: Terima kasih Tuan Speaker...
Soalan... 95...

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH (N54 TANJUNG SEPAT)

TAJUK : STATUS PELAKSANAAN PROJEK JALAN RENTAS KG SG KELAMBU KE BANDAR SERI EHSAN DAERAH KUALA LANGAT

95. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

25 MAC 2019 (ISNIN)

- a) Apakah status pelaksanaan Projek Jalan Rentas Kg Sg Kelambu ke Bandar Seri Ehsan dan bilakah projek tersebut akan dilaksanakan?

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM: Terima kasih eee... Yang Berhormat Tuan Speaker... Yang Berhormat eee.... Tanjong Sepat... Yang Berhormat Tanjong Sepat ingin eee... bertanya... berhubung dengan status pelaksanaan Projek Jalan Rentas Kg Sg Kelambu Ke Bandar Seri Ehsan Daerah Kuala Langat. Untuk makluman Yang Berhormat... Projek membina jalan sambungan Sg. Kelambu ke Genting Sanyen adalah di dalam peringkat reka bentuk terperinci dan penyediaan pelan pengambilan balik tanah. Projek ini melibatkan skop pembinaan jalan baru... yang menghubungkan kawasan Kuala Langat ke Sepang... dengan piawaian U5 iaitu satu lorong dua hala sepanjang 8.9KM. Anggaran kos projek adalah sebanyak RM120JUTA dan dijangka akan di tender ...pada Ogos 2019 dan pembinaan dijangka bermula pada awal Tahun 2020... terima kasih..

TUAN SPEAKER: Sungai Pelek....

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Terima kasih... Sungai Pelek soalannya... Number... ninety-six.... Sungai Kelanang...

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW (N56 SUNGAI PELEK)

TAJUK : RUMAH SELANGORKU

96. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Pada 2018, berapakah jumlah unit rumah Selangorku yang telah siap dibina dan dijual?
b) *Sub-soalan telah di tolak*

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Terima kasih... Sungai Pelek... eee.... terima kasih Tuan Speaker.... aaaa.... Sungai Pelek hanya nak tahu berapa unit RumahSelangorKu yang siap pada Tahun 2018... jadi jawapannya juga ringkas... pada 31 Disember 2018 jumlah unit yang siap dan telah diserahkan adalah 6303 unit, terima kasih...

TUAN SPEAKER: Rawang.....

Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT: Terima kasih Yang Berhormat Speaker.... Soalan saya No.97...

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA

**Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT
(N14 RAWANG)**

TAJUK : PELANCONGAN PEKAN HERITAGE BATU ARANG

97. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Batu Arang telah menjadi tempat kunjungan pelancong untuk berbasikal, apakah perancangan kerajaan untuk menaiktaraf infrastruktur basikal untuk memastikan keselamatan penunggang basikal?

- b) Apakah rancangan baru kerajaan untuk menaiktaraf dan menarik pelancong ke pekan Batu Arang?

Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI: Terima kasih Yang Berhormat Rawang... Yang Berhormat Tuan Speaker ada dua soalan daripada Rawang.... iaitu tentang *infrastructure* basikal di... Pekan Batu Arang dan juga rancangan untuk menarik pelancong ke Pekan Batu Arang.. terima kasih.... Yang Berhormat Tuan Speaker... Kerajaan Negeri... melalui Majlis Perbandaran Selayang... atau MPS sentiasa melihat perkembangan dan keperluan *infrastructure* termasuklah bagi keperluan dan kemudahan aktiviti berbasikal ke Pekan Batu Arang yang semakin popular dan mendapat perhatian penggemar sukan berbasikal pada hari ini. Sebagai tanda kesungguhan dan perhatian tersebut Kerajaan Negeri telah pun melaksanakan beberapa usaha dan kerja bagi menaik taraf kemudahan pelancongan termasuklah bagi aktiviti berbasikal... untuk makluman pada Tahun 2017 Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM85,754.00 kepada Majlis Perbandaran Selayang bagi melaksanakan kerja-kerja menaik taraf *infrastructure* aktiviti berbasikal di Batu Arang. Antara komponen projek yang telah dilaksanakan oleh pihak MPS dengan menggunakan peruntukan tersebut ialah pertama.... eee... menaikkan Papan Tanda Arah... yang kedua papan tanda pemberit.. pemberita... Pemberitahuan Berbasikal... ketiga... Papan Tanda *Infographic*.. keempat Papan Tanda Lokasi... kelima Menaik taraf Arca Batu Arang dan keenam Papan Tanda *Entry Statement*. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri jugak melalui PADAT ataupun Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor telah mengadakan kerjasama dengan Jabatan Warisan Negara dan untuk turut dibantu oleh Majlis Perbandaran Selayang dan Pejabat Tan... Pejabat Daerah Gombak telah mengenal pasti potensi dan senarai tapak dan Bangunan Warisan untuk diwartakan sebagai tapak Warisan Kebangsaan. Buat masa ini, PADAT telah mengenal pasti 11 tapak yang boleh dipertimbangkan untuk disenaraikan sebagai tapak Warisan Kebangsaan di Pekan Batu Arang. Antara tapak-tapak tersebut ialah Bangunan Kelab Sukan Pekerja Lombong kedua Bangunan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina *Chap Khuan* ketiga Terowong Batu Arang keempat Rumah Semboyan kelima *White House* ataupun MES Pegawai Tentera yang keenam Kelab Rumah Eropah ketujuh Pejabat Pos kelapan Sekolah Menengah Tunku Abdul Rahman kesembilan

25 MAC 2019 (ISNIN)

Pejabat Melayan Malay... eee.... *Malayan Coloris* kesepuluh Beret Askar Gurka dan kesebelas Bangunan *Airsharp*. Kerajaan Negeri berpandangan melalui pewartaan Pekan Batu Arang ini sebagai salah satu tapak Warisan Kebangsaan yang baru akan meningkatkan lagi nilai dan kekuatan Pekan Batu Arang sebagai Pekan Warisan dan seterusnya akan menarik lebih ramai pelancong dan pengunjung ke pekan yang bersejarah ini. Terima kasih Yang Berhormat....

Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT: Ada soalan tambahan....

TUAN SPEAKER: Rawang.... silakan...

Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT: Saya nak tanya berkenaan dengan ermmm... mungkin jadual untuk naik taraf untuk seperti contoh tadi yang mengatakan memang ada beberapa inisiatif yang diambil oleh pihak kerajaan... Cuma jangka masa bila kita boleh upgrade untuk keselamatan penunggang dan juga untuk infrastruktur berkenaan dengan *tourism* tersebut.

Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI: Yang Berhormat macam saya kata tadi kita telah pun membaik pulih tempat ini dan sekiranya.. ada apa-apa kerosakan dan sebagainya bolehlah beritahu saya dan..ataupun Majlis Perbandaran Selayang untuk diperbaiki dan kita akan tentukan yang kawasan ini lebih selamat daripada yang asal.. terima kasih...

TUAN SPEAKER: Kampung Tunku....

Y.B. PUAN LIM YI WEI: Terima kasih Tuan Speaker... Soalan saya No.98...

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. PUAN LIM YI WEI (N35 KAMPUNG TUNKU)

TAJUK : PELABURAN LANGSUNG ASING (FDI)

98. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah statistik pelaburan langsung asing (FDI) ke Negeri Selangor pada tahun 2018?
- b) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menarik lebih banyak pelaburan global pada tahun 2019?

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Tuan Speaker.. Sudah jawab soalan itu...

TUAN SPEAKER: Terima kasih..... Sudah dijawab bersekalian tadi.... Ijok....

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD: Terima kasih Tuan Speaker... Soalan Ijok No. 99....

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 IJOK)**

TAJUK : KESELAMATAN JALAN RAYA

99. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) *Sub-soalan telah di tolak*
- b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk memastikan keselamatan pengguna jalan?

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM: Terima kasih. Yang Berhormat Tuan Speaker dan Yang Berhormat Ijok... Berhubung soalan... Yang Berhormat Ijok bertanyakan soalan berhubung dengan isu keselamatan jalan raya di pembinaan Lebuh raya atau pun jalan Assam Jawa ke Desa *Coalfeld*. Jalan Assam Jawa dan ke Desa *Coalfeld* adalah Jalan Persekutuan FT54 Projek Pelebaran jalan ini sedang dalam peringkat pembinaan dan dikawal selia oleh pasukan projek khas Cawangan Jalan Ibu Pejabat JKR Malaysia. Berikut adalah langkah-langkah yang telah diambil bagi memastikan keselamatan pengguna di jalan raya di jalan tersebut... yang pertama mengenal pasti kawasan yang berisiko dan melaksanakan langkah pencegahan seperti papan tanda keselamatan, lampu jalan, pengadang jalan dan lain-lain item pencegahan bagi memastikan jalan lebih selamat. Kedua melaksanakan Audit TMP atau pun *Traffic Management Plan*... bagi memastikan pihak kontraktor mematuhi segala arahan dan penetapan dalam pelaksanaan TMP ini... yang ketiga memastikan segala aduan yang diterima daripada pengguna jalan raya ditutup mengikut piagam pelanggan JKR dan yang keempat melaksanakan rutin *inspection* jalan tersebut dan memastikan *emergency respond team* (ERT) sentiasa ditempatkan di lokasi projek supaya bersedia sekiranya berlaku sebarang kemalangan... Sekian....

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD: Soalan tambahan.....

TUAN SPEAKER: Silakan Ijok....

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD: Terima kasih Tuan Speaker.... itu kawasan saya iaitu jalan raya utama yang saya dapati apa yang Yang Berhormat EXCO kata yang amat sedih amat kekurangan dari segi keselamatan nombor satu lampu malam

25 MAC 2019 (ISNIN)

sebab kawasan tu banyak halangan-halangan jalan dan juga papan-papan tanda haluan perjalanan kereta ada satu hari tu saya nyaris-nyaris berlanggar bertembung satu kereta *come from the opposite direction* dengan izin dan juga jalan pembinaan banya jalan-jalan tu tak sempurna berlubang-lubang jadi saya pun dah bangkitkan masalah ini di Mesyuarat Tindakan Daerah tetapi malangnya satu perubahan tidak berlaku jadi saya harap harapkanlah Yang Berhormat EXCO tengoklah dengan masalah ini dan cuba menyelesaikannya

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Terima kasih Yang Berhormat Ijok... saya sebagaimana yang saya dah jelaskan juga di dalam ucapan perbahasan saya penggulungan saya isu-isu berkaitan dengan jalan-jalan persekutuan ini yang kita sedang ada sedikit masalah dari segi komunikasi kita dan saya akur memang. ada masalah dan dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Negeri pun isu yang sama timbul di jalan berhubung dengan penyeleng pembinaan jalan daripada Tanjung Karang ke Sabak Bernam isu yang sama di mana pihak JKR Negeri di luar kawalan berhubung dengan apa yang berlaku di... *supervision...* atau pun penyeliaan jalan-jalan ini. Jadi saya akan mengambil langkah-langkah seterusnya selepas ini dengan pihak JKR Ibu Pejabat JKR untuk kita pastikan bahawa keselamatan jalan-jalan raya kita ini di Selangor ini dapat dipertingkatkan dan diberi peranan juga pihak JKR Negeri kerana... kita tidak ada hubungan langsung dalam *supervision* ini apabila di... melibatkan Ibu Pejabat JKR.. tapi saya akan mintak bantuan dan juga diselaraskan supaya kerja-kerja bukan sahaja pembinaan, penyeliaan dan juga penyelenggaraan jalan-jalan federal ini dapat dibuat dengan baik di Negeri Selangor itu saya bagi tau pada Yang Berhormat errrrr... Ijok... Terima kasih...

TUAN SPEAKER: Bandar Utama...

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN: Terima kasih Tuan Speaker... soalan saya nombor... 100

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Tuan Speaker menjawab soalan litar lumba di Gombak ini Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri sedang dalam proses meletakkan tanah untuk pembinaan litar lumba dan proses ini dilakukan melalui Pejabat Tanah Daerah Gombak untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat luas litar lumba ini adalah dijangka seluas 20 ekar dan jangkaan siap pembinaan adalah bergantung pada cadangan dan kriteria yang akan dibina yang akan dicadangkan oleh kontraktor yang dilantik kemudian menjawab soalan kedua Kerajaan Negeri memang akan memberi jaminan bahawa kemudahan yang akan kita bina ini akan dijadikan sebagai pusat litar latihan dan terbuka kepada mana-mana individu terutamanya golongan generasi muda dan kegunaan pasukan untuk menggunakan tempat tersebut. Kadar bayaran adalah berpatutan dan akan ditentukan kelak.. Terima kasih...

25 MAC 2019 (ISNIN)

TUAN SPEAKER : Terima kasih Yang Berhormat Paya Jaras.... Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian... masa telah menunjukkan jam 11.30 pagi... dengan ini saya menangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya...

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya sambungan usul menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor...

TUAN SPEAKER : Baik.. Saya mempersilakan Yang Berhormat Kajang untuk teruskan penjelasan dan penggulungan....

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Terima kasih, Tuan Speaker. Untuk menjawab soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Pelabuhan Klang tentang pencemaran alam sekitar. Yang Berhormat Pelabuhan Klang telah membangkitkan isu berkaitan kilang yang melepaskan sisa bahan kimia dan toksik di sungai-sungai serta membuat pembakaran terbuka pada waktu malam di Teluk Gong yang telah mengeluarkan bau dan boleh menjadikan kesihatan terutamanya kanak-kanak. Untuk maklumat Ahli - Ahli Yang Berhormat, Jabatan Alam Sekitar (JASS) dengan kerjasama pihak Majlis Perbandaran Klang telah menjalankan operasi penguatkuasaan secara bersepada ke atas kilang-kilang berkaitan berdasarkan aduan yang diterima daripada orang awam. Semua kilang-kilang didapati melakukan kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 telah dan akan diambil tindakan undang-undang termasuk tindakan mahkamah, operasi kilang akan ditahan sehingga semua kehendak undang-undang dipatuhi. Manakala bagi kilang-kilang yang telah diarah tutup dan ditahan operasi akan dikenakan tindakan undang-undang sekiranya didapati beroperasi semula.

Untuk menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Banting berkenaan dengan perubahan iklim. Yang Berhormat Banting telah membangkitkan isu berkaitan kesan perubahan iklim. Untuk maklumat Ahli-Ahli Yang Berhormat. Berdasarkan laporan *Intergovernmental Panel Climate Change* (IPCC) tahun 2014, fenomena kesan perubahan iklim hanya dapat dikenal pasti melalui kajian sistem cuaca setempat, dengan mengambil kira data cuaca dari 10-30 tahun.

Y.B TUAN LAU WENG SAN : Tuan Speaker

TUAN SPEAKER : Ya, Yang Berhormat Banting.

Y.B TUAN LAU WENG SAN : Saya rasa mungkin bukan saya yang bangkit atau mungkin Kampung Tunku yang bangkit. Bukan saya. Mungkin kampung Tunku.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Kalau dua-dua tak mengaku, saya tak perlu jawab lah (ketawa)

25 MAC 2019 (ISNIN)

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Saya pun tak pasti sebab bukan saya yang bangkit. (ketawa)

TUAN SPEAKER : Kalau tak mengaku tak perlu jawab. Sebab tiada keperluan. (ketawa)

Y.B TUAN HEE LOY SIAN : Terima kasih. Tentang caj 0.20 sen beg plastik. Tahap penerimaan dan sambutan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Sungai Air Tawar. Walaupun Yang Berhormat Sungai Air Tawar tiada dalam dewan, saya perlu jawab kerana ini melibatkan polisi Kerajaan Negeri Selangor. Satu kajian berkaitan sikap penerimaan Kempen Tanpa Beg Plastik di Negeri Selangor, telah dijalankan oleh *Medical Centre* pada November 2018. Kajian tersebut mendapati bahawa kempen yang dilancarkan telah memberikan kesan positif terhadap kesedaran yang baik kepada pengguna. Melalui hasil kajian tersebut sebanyak 93% responden bersetuju dan sedar dengan penyertaan kempen ini akan membantu dan menyelamatkan alam sekitar.

Selain itu, terdapat 79% responden telah membawa beg plastik sendiri ketika membeli belah setelah kempen dilancarkan. Seterusnya, sebanyak 69% responden berpendapat bahawa caj 0.20 sen yang dikenakan kepada pengguna yang menggunakan beg plastik adalah wajar. Ini menunjukkan kesan positif ke atas penerimaan dan kesedaran masyarakat terhadap caj 0.20 sen yang dikenakan. Kerajaan Negeri Selangor telah memperkenalkan hari tanpa beg plastik pada setiap hari Sabtu di semua Pasar raya Utama dan kedai runcit di Selangor supaya langkah permulaan pelaksanaan bebas beg plastik bermula Januari 2010. Program ini mendapat sambutan yang baik di kalangan masyarakat. Dan Kempen Penuh Hari Tanpa Beg Plastik selama 7 hari seminggu telah bermula sejak Januari 2017. Sehingga hari ini Kerajaan Negeri terus aktif mempromosi kempen bebas beg plastik di seluruh Negeri Selangor. Kempen ini berjaya dilaksanakan dan dapat diterima oleh semua masyarakat. Kajian daripada *Medical Centre* yang dijalankan pada November 2018 mendapati, 91% responden sedar akan Kempen Bebas Plastik yang dilancarkan oleh Kerajaan Negeri Selangor oleh pelbagai sumber, seperti pasar raya, surat khabar Internet dan sebagainya. Selain itu, Kerajaan Negeri juga mula memperkenalkan Kempen Bebas Straw Plastik. Di mana straw plastik tidak akan diberi secara automatik dan hanya akan diberikan atas permintaan. Disebabkan oleh masalah teknikal, kempen sepatutnya bermula 1.4. 2019 terpaksa ditangguhkan sehingga ke satu tarikh 1.7.2019. Kempen dijangka akan bermula pada pertengahan tahun ini. Tetapi untuk...

Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE : Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Sentosa.

Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE : Mintak pencerahan. Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO, berkenaan dengan , kami diberitahu 2010 telah dikuatkuasakan semua pasar raya dikehendaki untuk tidak memberikan plastik. Adakah perancangan oleh Kerajaan

25 MAC 2019 (ISNIN)

Negeri kepada pasar raya – pasar raya supaya menyediakan kampit kertas atau selain daripada tu atau adakah insentif-insentif telah diberikan kepada pengguna.

Y.B TUAN HEE LOY SIAN : Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2010, kita mengadakan Kempen Bebas Plastik pada setiap hari Sabtu. Hanya pada, mulai 2017 kita mengadakan 7 hari seminggu. So, buat masa ini kita, kutipan 0.20 sen ini dikutip oleh pasar raya. Dan kita mengharapkan pasar raya boleh menggunakan wang kutipan ini untuk beli, membekalkan beg *recycle* kepada pengguna. Tetapi, ada yang buat ada yang tak buat. So, ada yang gunakan wang ini untuk mengadakan kempen-kempen kesedaran untuk menanam pokok di tempat lain. So, untuk makluman Yang Berhormat ada beberapa premis seperti McDonalds dan Nando's yang telah pun bermula. Mereka telah pun tidak membekalkan straw plastik secara percuma kepada pelanggan. Kalau pelanggan nak menggunakan straw ini, mereka perlu pergi ke kaunter. Kaunter juga tidak lagi bekalkan hanya letak di kaunter, untuk pelanggan ambil sahaja straw plastik in. So, kita memang berhasrat, bermula 1.7.2019 kita akan mula berkempen di Selangor. Saya harap Yang Berhormat boleh bantu kita bersama. Kerana jangan kita pandang ringan hanya 1 straw plastik. Dia akan, kalau dia ni banyak menghala ke sungai dan lautan. Akhirnya dia akan mencemarkan alam sekitar kita.

Rancangan jangka masa panjang Kerajaan Negeri Selangor bagi memberi kesedaran berterusan kepada rakyat berkenaan isu beg plastik adalah selaras dengan pelan tindakan yang digariskan di dalam *Roadmap Towards Zero Single-Use Plastics 2018-2030* yang dilancarkan oleh Kementerian Tenaga Sains, Teknologi Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) 17.10.2018. rasanya menggariskan penggunaan *Single Use Plastic* akan diharamkan sepenuhnya menjelang 2030. Kerajaan Negeri juga akan bekerjasama dengan Kementerian MESTECC, Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi-agensi yang berkaitan bagi menjalankan aktiviti dan program dalam menyokong pelaksanaan dasar ini. Kerajaan negeri turut akan berusaha mengambil langkah awal untuk melaksanakan pengharaman beg plastik ini pada tahun 2025 iaitu 5 tahun lebih awal daripada pusat, bergantung pada kesediaan pihak pembekal seperti kilang-kilang untuk menghasilkan bahan atau medium gantian kepada beg plastik sedia ada kepada pasaran. Cadangan penggantian penggunaan beg plastik ini termasuklah penggunaan bahan biodegradasi plastik beg kitar semula dan juga beg kertas.

Untuk menjawab soalan yang ditimbulkan oleh Sungai Burong. Walaupun Sungai Burong tiada di dalam dewan, saya juga terpaksa menjawab kerana ini melibatkan tentang pembersihan dan pemuliharaan Sungai Klang dan berkaitan dengan *Selangor Maritime Gateway*. Projek permuliharaan dan pembangunan Sungai Klang atau kini dikenali sebagai *Selangor Maritime Gateway* (SMG) merangkumi tiga (3) aktiviti utama yang sedang dan akan dilaksanakan bagi tempoh 15 tahun, bermula tahun 2017. Iaitu :

1. Pembersihan yang melibatkan sungai bertujuan untuk menyekat dan mengeluarkan sampah terapung dari sungai melalui pemasangan 7 perangkap sampah iaitu *Log*-

25 MAC 2019 (ISNIN)

Boom di lokasi strategik berdasarkan kajian hidraulik di sepanjang 56km Sungai Klang dan alirannya. Dalam tempoh 2 tahun semenjak Februari 2017 sehingga Januari 2019, sebanyak 44,078 metrik tan sisa pepejal terapung telah dikeluarkan daripada jajaran sepanjang 56km Sungai Klang bermula di sempadan Kuala Lumpur – Petaling Jaya sehingga ke muara Sungai Klang.

2. Berkenaan pemuliharaan Sungai Klang, melibatkan dua(2) komponen ataupun aktiviti utama:
 - (a) Pemuliharaan bekas tapak pelupusan sampah sisa pepejal di Teluk Kapas, Klang.
 - (b) Pemuliharaan secara komprehensif Sungai Klang. Pemuliharaan Sungai Klang akan dilaksanakan bersama projek pembangunan *River Front* di sepanjang 56km Sungai Klang bagi tujuan pembiayaan kos pemulihan sungai yang besar.
3. Pembangunan fasa pertama SMG yang tertumpu di sepanjang 22km Sungai Klang. Kawasan Klang merupakan projek pembangunan pemangkin iaitu *Catalyst Development* bagi merancakkan pembangunan berdaya impak masa hadapan di dalam fasa 2 dan 3. Tahun 2022 dan seterusnya. 5 projek pembangunan pemangkin di dalam Fasa 1 SMG yang telah dikenal pasti adalah seperti berikut:
 - (i) Cadangan menaik taraf Taman Awam Pengkalan Batu sebanyak 16 ekar. Objektif untuk menaikkan imej Taman Pesisir Sungai supaya dapat menarik masyarakat setempat, memanfaatkan kemudahan rekreasi dan keindahan flora dan fauna di samping menjadi tumpuan pelancong dalam dan luar negara.
 - (ii) Cadangan Taman Pemuliharaan Hutan Bakau atau dikenali sebagai *Mangrove Point* sebanyak keluasan 128.76 ekar. Objektif untuk pemuliharaan Hutan Paya Bakau yang satu-satunya terdapat di sepanjang Sungai Klang dengan menerapkan konsep yang mengetengahkan hubungan manusia dengan alam semula jadi.
 - (iii) Cadangan pembangunan *Community River Park* sebanyak 98 ekar.
 - (iv) Cadangan pembangunan *Grand Bazaar* sebanyak 33.91 ekar.
 - (v) Cadangan pembangunan *Cultural Village* dan *Retreat Park* sebanyak 35.5 ekar.

Kesemua ini berkenaan dengan pembangunan Sungai Klang dan *Selangor Maritime Gateway*. Selepas siap projek ini, Sungai Klang akan bersih tanpa sampah dan akan setanding dengan sungai seperti di China, di Guangzhou, di Zhuhai dan setanding dengan sungai-sungai di Eropah seperti di Perancis. So, bagi kita masa sikit, sekarang kita permulaan kita membersihkan sungai dulu dan selepas ini akan membuat pembangunan di sepanjang Sungai Klang ini.

Untuk menjawab Yang Berhormat Sungai Kandis, berkenaan dengan isu pembakaran, kebakaran hutan dan menekankan agar aspek penguatkuasaan dan pendidikan dipertingkatkan. Pada tahun ini, kebakaran hutan telah mula dikesan pada 11.03.2019 iaitu yang melibatkan *compartiment 13* dan *15 Hutan Simpan Kuala Langat Selatan*

25 MAC 2019 (ISNIN)

seluas 60 hektar. Kawasan terbakar ini merupakan sebahagian kawasan tanaman kontan. Sehingga 22.3.2019 terdapat dua (2) tompokan kawasan kebakaran hutan simpan iaitu di *compartment* 13, 15 dan 17 dan keluasan lebih kurang 80 hektar. Manakala di *compartment* 12 dan telah merebak ke *compartment* 46 dianggarkan sejumlah keluasan bagi kedua-dua kawasan adalah lebih kurang 25 hektar.

Hutan Simpan Raja Musa telah mulai terbakar pada 19.3.2019 berpunca daripada luar kawasan hutan simpan kekal tanah milik dan terus merebak ke kawasan *compartment* 102 dengan keluasan 8 hektar. Kawasan yang terlibat adalah merupakan kawasan lalang dan laporan yang diterima buat masa kini keadaan adalah terkawal. Pihak JPNS sememangnya sering melakukan rondaan, pemantauan, kawalan dan penguatkuasaan hutan menggunakan beberapa kaedah seperti berikut:

1. Rondaan Berkala
2. Pemantauan Melalui Imej Satelit
3. Menggunakan *Drone*
4. Aduan Dari Awam (kita sentiasa menerima aduan daripada awam)
5. Papan Tanda Hutan Simpan Kekal
6. Pengukuran Dan Penandaan Sempadan Hutan Simpan Kekal

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) sentiasa komited dalam memastikan Kawasan Hutan Simpan Kekal di seluruh Negeri Selangor terus di pertahankan dan di pelihara bagi memastikan pengurusan sumber hutan secara berkala dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. JPNS tidak akan berkompromi dengan mana-mana individu ataupun pihak yang didapati telah melakukan kesalah seperti mencerobohi dan membuat pembakaran hutan. Jika terdapat individu yang bersalah melakukan aktiviti seperti ini, maka pihak kerajaan akan mengenakan hukuman dan denda yang berat mengikut mana-mana seksyen yang berkaitan seperti yang diperuntukkan di bawah Enakmen (Pemakaian Akta Perhutanan Negara) 1985 Dan Kaedah - Kaedah Hutan Selangor.

Pada 21.3.2019, pihak penguat kuasa hutan JPNS telah berjaya menangkap dua (2) warga tempatan dan satu (1) warga Indonesia yang berada di dalam Hutan Simpan Kuala Langat Selatan telah ditahan kerana disyaki telah menjalankan pembakaran hutan untuk aktiviti pertanian. Kesemua individu tersebut telah di bawah ke balai polis Kuala Langat dan telah ditahan reman untuk tindakan selanjutnya.

Untuk menjawab soalan selanjutnya yang selalu ditimbulkan oleh Yang Berhormat Banting tentang Sg. Kelambu. Rizab hutan ya. Sehingga kini belum pernah berlaku pewartaan Hutan Simpan Kuala Langat Selatan untuk kegunaan pertanian dan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor tidak pernah sama sekali bersetuju dengan aktiviti penyahwartakan Hutan Simpan kekal termasuk Hutan Simpan Kekal Kuala Langat Selatan dan seluruh Negeri Selangor bagi tujuan pertanian. Bermula dari tahun iaitu 1927, 1934 dan 1940 pewartaan Hutan Simpan Kuala Langat Selatan tambahan dan tambahan 1 jumlah keseluruhan kawasan hutan Kuala Langat Selatan masih kekal sehingga kini iaitu sebanyak 8339.72 hektar.

25 MAC 2019 (ISNIN)

Sebahagian kawasan rizab hutan di Hutan Simpan Kuala Langat Selatan yang mana ianya telah lama dicerobohi oleh Penduduk sekitar untuk aktiviti tanah kontan seperti jagung, halia, kunyit, ubi keledek dan ubi kayu. Jabatan Hutan di Negeri Selangor sedang merangka satu program pemutihan keatas kawasan-kawasan hutan simpan kekal yang telah dicerobohi untuk diberikan permit selaras dengan enakmen (pemakaian Akta Perhutanan Negeri 1985) Maklumat berkenaan sebahagian kawasan yang terlibat telah diperolehi dan dalam peringkat akhir penyediaan kertas ringkasan cadangan pengurusan pemberian penggunaan melalui program pemutihan pencerobohan dan juga penerokaan secara haram di dalam Hutan Simpan Kuala Langat Selatan. Melalui pendekatan perhutanan tani sebelum kertas kerja berkenaan diteliti dan mendapat ulasan daripada saya sebelum kertas-kertas berkenaan diangkat kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor untuk pertimbangan. Itu kita target pada pertengahan tahun ini. Saya harap Yang Berhormat sabar sikit ya, lagi 3 bulan untuk kita melakukan menghantarkan kertas cadangan ini kepada MMKN.

Untuk menjawab soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Bukit Lanjan berkenaan dengan masalah yang ditimbul atau pun kekurangan semasa “public hearing” berkenaan dengan Hutan Simpan Bukit Lagong iaitu Kompartment 19 di mana ada membangkitkan beberapa isu semasa ketika adakan “public hearing” itu. Sesi Town Hall Pemansuhan Hutan simpan kekal sebahagian compartment 19 Hutan Simpan Bukit Lagong seluas lebih kurang 70 ekar ataupun 20.83 hektar adalah salah satu inisiatif pihak Kerajaan Negeri Selangor melalui Jabatan Hutan Negeri Selangor dengan beberapa agensi berkepentingan dan berkaitan untuk mendekati dan mendengar keluhan serta kebimbangan masyarakat sekitar tentang pemansuhan kawasan Hutan Simpan Kekal yang terlibat. Sesi Town Hall ini turut diseliakan oleh agensi-agensi kerajaan lain seperti Pejabat Daerah dan Tanah Gombak, PDT, Majlis Daerah Jabatan Alam Sekitar Selangor (JAS), Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Selangor PLAN Malaysia @ Selangor, Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) dan Jabatan Kerja Raya. Bagi memberi penjelasan terperinci setiap soalan dan pandangan yang diutarakan. Sesi tersebut telah dipengerusikan oleh saya sebagai Pengurus Jabatan Tetap Alam Sekitar Teknologi Hijau, Sains Teknologi dan Inovasi dan Hal Ehwal Pengguna berlangsung pada 18 Februari di Dewan Seri Kayangan, Kompleks Kediaman Pegawai Daerah Gombak pada jam 9.30 pagi hingga 4.30 petang. Sesi Town Hall ini adalah bagi mendengar bantahan dan pandangan yang dikemukakan oleh semua pengadu dan masyarakat yang terlibat di kawasan sekitar cadangan pemansuhan Hutan Simpan Kekal. Sesi ini diadakan secara 2 bahagian iaitu pada sesi pagi bersama dengan masyarakat penduduk sekitar kawasan cadangan pemansuhan dan pada sebelah petang bersama dengan pihak badan bukan kerajaan (NGO) organisasi bebas dan wakil-wakil rakyat. Walaupun dimaklumkan bahawa oleh Pengacara Majlis bahawa setiap peserta hanya boleh menjawab 2 soalan sahaja namun kelonggaran diberikan kepada peserta dan boleh bertanyakan lebih 2 soalan. Berapa orang peserta yang hadir pada sesi pagi juga dibenarkan untuk hadir ke sesi pada sebelah petang. Dan peserta juga dibenarkan dan diberi peluang untuk mengemukakan soalan. Pihak urusetia juga memberi peluang wakil pihak FRIM dan juga jawapan kepada pertanyaan oleh pihak FRIM telah diberikan jawapan oleh Yang Berhormat Dato' Pengarah Perhutanan Negeri Selangor. Terdapat juga satu soalan daripada pihak FRIM yang tidak dijawab kerana penerangan tidak sesuai diberikan

25 MAC 2019 (ISNIN)

semasa di masa tersebut. Selepas daripada itu pihak JPNS telah melakukan kunjungan hormat berjumpa dengan Ketua Pengarah FRIM dan pegawai-pegawai FRIM pada 7 Mac 2019 untuk mengadakan perbincangan mengenai jawapan soalan itu iaitu Sesi Town Hall. Dan tindakan-tindakan yang diperlukan selanjutnya.

Pihak JPS yang bertanggungjawab ke atas prosedur dan tatacara penyiasatan awam akan mengambil langkah membuat penambahbaikan ke atas sebarang cadangan mengenai tatacara dari mula proses penyiasatan awam dilaksanakan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Puan Speaker

PUAN SPEAKER: Silakan Bukit Lanjan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Kajang atas penerangan tersebut. Cuma saya ingin mungkin tanya ataupun bincang dengan Kajang bahawa apa yang telah berlaku semasa apa yang digelar oleh Kajang iaitu satu sesi "Town Hall hearing", pendengaran Town Hall dengan tadi, ianya tidak menepati apa yang sepertutnya berlaku kalau ada proses untuk menyahwarta mana-mana hutan simpan di Negeri Selangor. Kerana kalau kita mengikut Enakmen ataupun Akta, yang kita telah luluskan dalam Dewan Yang Mulia ini, ianya ditulis Pendengaran Awam Pendengaran Awam adalah beza daripada sesi Town Hall. Jadi apa yang telah berlaku kalau pada masa itu sesi Town Hall maka saya rasa itu proses itu betul la, ada had pada soalan, ada had kepada pendapat yang dikeluarkan oleh peserta-peserta. Tetapi kalau ada keperluan untuk menyahwartakan hutan simpan di Negeri Selangor ianya mesti menerusi satu proses iaitu proses Pendengaran Awam. Dan proses Pendengaran Awam ini digariskan dalam sebagai contohnya dalam, dengan izin, Town and Country Planning Act 1976 iaitu ianya ada satu proses ada satu sistem, dan sebagainya. Saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Kajang adakah satu Pendengaran Awam akan diadakan selepas sesi Town Hall tersebut.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Lanjan. Tentang cadangan yang telah disebut tadi. Kita menerima

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Kajang, saya bukan sebut cadangan. Ini dimaktub dalam enakmen yang kita pakai untuk Akta Perhutanan Negara ini.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN: Terima kasih. Kita akan mengadakan sesi yang kedua penerangan kepada "public" tidak lama lagi. So saya harap Yang Berhormat Bukit Lanjan sabar sikit. Ini memang kita ikut proses. Untuk makluman Yang Berhormat dan yang lain-lain Yang Berhormat ini Selangor merupakan hanya satu negeri yang mengamalkan sesi Town Hall dengan semua penduduk dan juga agensi NGO yang terlibat. Di mana tidak berlaku di negeri lain. Kalau kita nak tukarkan status Hutan Simpan Kekal kepada untuk kegunaan komersial ataupun yang lain kita perlu mengadakan public hearing sesi Town Hall ini. Saya memang terima kasih lah kepada Yang Berhormat yang hadir Pada sesi itu juga tanya banyak soalan tentang apa yang berlaku tentang Bukit Tisu Hutan Simpan Bukit Lagong ini dan kita akan benarkan satu sesi penerangan akan datang.

25 MAC 2019 (ISNIN)

Untuk menjawab soalan satu soalan yang sikit sahaja untuk, saya rasa Yang Berhormat Hulu Klang telah pun tertunggu-tunggu ya tentang aktiviti operator A TV di Kampung Kemensah di kawasan beliau. So kawasan yang dimaksudkan adalah di Kompartment 37 Hutan Simpan Hulu Gombak, Daerah Gombak. Operasi ini telah mendapat permit penggunaan. Pada masa kini pihak Jabatan Perhutanan Negeri Selangor juga sering membuat pemantauan agar aktiviti ini tidak menyebabkan kerosakan deretan pokok di tepi-tepi jalan atau disekitar permit penggunaan. Di samping itu juga pihak PKNS juga akan mengadakan perbincangan dan khidmat nasihat serta menyalurkan maklumat berkenaan dengan peraturan-peraturan syarat-syarat selaku pemegang permit penggunaan utama dengan penggunaan jalan-jalan hutan dan perkara-perkara yang dilarang apabila berada di dalam kawasan hutan simpanan kekal ya. Itu saja dan juga yang last tentang Wifi ini.

Banyak Yang Berhormat tanya tentang status wifi percuma, masalah dan apakah perancangan untuk membaiki, untuk membekalkan lebih banyak hot sport wifi ini. Kerajaan Negeri melalui Inisiatif Menteri Besar Selangor Perbadanan, MBI di bawah pelaksanaan wifi SMART Selangor telah memperluaskan capaian internet secara percuma di kawasan-kawasan bandar kecil termasuk penduduk di Sepang, Sabak Bernam dan Hulu Selangor. Kerajaan Negeri dengan kerjasama dengan pihak TELEKOM Malaysia dalam mendapatkan dana Network Service Provider NEUSP FUND, daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bagi memperluaskan lagi projek Sub Urban Broad Band (SUBB) di seluruh kawasan Negeri Selangor. Selain daripada itu penubuhan SMART SEL pada tahun 2017 adalah untuk membangunkan rangkaian digital dan memberi perkhidmatan jalur lebar kepada kawasan-kawasan luar bandar kepada rakyat berpendapatan rendah B40. Inisiatif yang dijalankan oleh SMART SEL adalah membangunkan rangkaian teras “core network” sendiri serta note untuk setiap daerah mengikut fasa yang telah ditetapkan. Pada 15 Mac 2019 iaitu baru-baru ini SMART SEL telah berjaya membangunkan mengaktifkan rangkaian teras seperti yang dirancang. SMART SEL kini sudah mempunyai rangkaian penyambungan sendiri ke internet melalui pencawang internet tempatan (“local internet exchange” with myix dan pencawang internet antarabangsa (international internet exchange). Dengan adanya penyambungan ini SMART SEL telah bersedia untuk menawarkan perkhidmatan jalur lebar kepada pengguna-pengguna di Selangor. Bagi meningkatkan kawasan liputan rangkaian jalur lebar SMART SEL perancangan membina note di setiap daerah mengikut fasa telah disiapkan. Untuk daerah Sabak Bernam dan Sepang pembinaan note di sasarkan akan siap beroperasi pada tahun 2020. Manakala untuk Daerah Hulu Selangor ianya disasarkan siap dan operasi pada tahun 2021. Di samping itu, pembangunan rangkaian jalur lebar sendiri, SMARTSEL juga sedang berbincang bersama-sama penyedia perkhidmatan sedia ada seperti TM, TIME, CELCOM, Alur Anak Syarikat TNB untuk bekerjasama demi meningkatkan perkhidmatan jaringan jalur lebar dan jalur lebar mudah alih untuk kemudahan rakyat di seluruh Negeri Selangor. Bagi perkhidmatan wifi SmartSelangor, setakat Januari 2019 terdapat sejumlah 3,911 unit access point atau AP di kawasan hotspot telah pun dipasang di tempat yang memenuhi kriteria di seluruh Selangor. Perkhidmatan wifi SmartSelangor memberikan perkhidmatan secara percuma kepada lebih sejuta pengguna mengikut perancangan bagi tahun 2019, pihak SMARTSEL telah memperuntukkan sebanyak 500 unit AP dan di kawasan hotspot baru

25 MAC 2019 (ISNIN)

bagi menaikkan taraf kawasan liputan *wifi* SmartSelangor. 500 AP dan juga kawasan *hotspot* baru ini akan ditumpukan kepada kawasan-kawasan di luar bandar dan tumpuan umum seperti mana objektif asas saranan perkhidmatan. Sebagai agensi yang dipertanggungjawabkan sebagai untuk mengawal selia perkhidmatan ini SMARTSEL akan memastikan kawasan liputan 500 unit AP dan kawasan *hotspot* untuk tahun 2019 memenuhi objektif yang ditetapkan. Berada di kawasan luar bandar Sabak Bernam, Hulu Selangor akan diberi keutamaan.

Terdapat untuk berkenaan dengan kelajuan Internet di DUN Banting dan usaha mempertingkatkan perkhidmatan Internet antara lain untuk menaik pelaburan. Terdapat sejumlah 5 access point di kawasan *hotspot* baharu yang dipasang di kawasan DUN Banting setakat Februari 2019. Penambahan ini menjadikan sejumlah AP di kawasan *hotspot* kepada 68 jumlah dipasang dan daripada 63 jumlah pada akhir Disember 2018. SMARTSEL telah menjalankan beberapa sesi perbincangan bersama pihak pembekal dan hasilnya pada awal bulan Mac 2019, pihak kami berjaya menaik taraf mutu perkhidmatan *wifi* SmartSelangor tanpa sebarang kos tambahan. Kelajuan jaringan *back hole* yang berdasarkan gantian optik berjaya ditingkatkan daripada 35MB kepada 50MB dan 100MB. Kelajuan capaian access speed juga berjaya ditingkatkan daripada 1MB untuk setiap pengguna kepada 4MB untuk setiap penggunaan. Dengan penambah baikan ini pengguna *wifi* SmartSelangor akan dapat menikmati perkhidmatan yang lebih laju. Walau bagaimanapun, bagi kawasan sekitar Kuala Langat, Jenjarom dan Sijangkang, pihak kami masih lagi berusaha bersama-sama pihak pembekal sedia ada untuk menambah jumlah AP. Ketiadaan rangkaian infrastruktur teras yang mencukupi daripada pihak pembekal perkhidmatan TM adalah masalah utama untuk kami menyediakan perkhidmatan *wifi* yang diperlukan di tempat yang disasarkan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Minta penjelasan.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN: Ya.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO berkenaan dengan kekangan yang disebabkan oleh Telekom Malaysia ini khususnya di kawasan Kuala Langat. Sebab ini bukan sesuatu yang baharu bagi kami di Kuala Langat. Saya ingin bertanya apakah langkah-langkah atau pun strategi yang akan diambil atau pun diguna oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk berunding dengan Telekom supaya mereka boleh memperuntukkan wang yang *substantial* untuk menaik taraf infrastruktur Internet di daerah Kuala Langat khususnya di kawasan jajaran sepanjang Jalan Persekutuan 5 ini. Di mana terdapat banyak pejabat-pejabat kerajaan yang terletak di sepanjang tempat ini dan pembangunan di sekitar Kuala Langat juga akan jadi semakin rancak selepas ini dan sekiranya ada lagi *blindspot* di Kuala Langat khususnya di kawasan-kawasan yang dekat dengan jalan utama ini saya kira ia adalah satu kekangan terhadap pembangunan Kuala Langat. Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat EXCO.

25 MAC 2019 (ISNIN)

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN: Terima kasih Yang Berhormat Banting. Sepatutnya untuk Internet ini infra bukan di bawah portfolio saya di bawah EXCO yang lain. Saya hanya memberikan *wifi* percuma, so kita sangat bergantung pada TM. Kalau di mana sekarang kita MBI telah menubuhkan SMARTSEL pada tahun 2017, kita sedang untuk membangunkan aktifkan rangkaian teras kita sendiri. So, kita harap bagi kita masa sikit dan kita akan menumpukan. Sekarang kita bagi keutamaan kepada di mana luar bandar dulu. Kita bagi keutamaan kepada Sepang, Sabak Bernam, Hulu Selangor kerana sebelum itu kita memang telah pun dikatakan kurang memberi tumpuan kepada tempat. So, bagi pada tahun ini kita akan bagi tumpuan kepada tiga tempat ini dan selepas ini kita akan pergi tempat lainlah untuk kita memastikan semua kawasan di kawal oleh Internet ini. Tapi untuk *free wifi* ini kita, Kerajaan Negeri Selangor, kita telah membelanjakan sebanyak RM12 juta setiap tahun untuk *free wifi*. Walaupun dia *free wifi* tapi Kerajaan Negeri yang menanggung kos ini so, bukan *free* sepautunya. Dan untuk menjawab soalan-soalan yang timbul oleh Yang Berhormat Bukit Gasing, saya rasa saya telah pun menjawab soalan ini dan saya rasa itu sahaja jawapan-jawapan saya.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Minta penjelasan, minta penjelasan. Sebenarnya perkara tentang *free wifi* ini memang kita menghargai usaha Kerajaan untuk mempertingkatkan *hotspot-hotspot* yang ada termasuk kelajuannya. Tetapi sebenarnya di kawasan Kuala Langat, jajaran-jajaran sepanjang Jalan Persekutuan 5 ini sebenarnya banyak kampung-kampung tradisi dan kampung-kampung baharu yang terletak di sepanjang jalan ini termasuklah Sijangkang, dari Teluk Panglima Garang ke Jenjarom, ke Sungai Rampai, ke Seri Cheeding, Sungai Manggis, ke Banting, Kanchong Kelanang ini adalah semua tempat ini sebenarnya terletak bersebelahan dengan Jalan Persekutuan 5 ini. Dan saya memohon sangat supaya Telekom ini boleh menambah baik perkhidmatan mereka di situ kerana tempat-tempat yang akan dibangunkan juga terletak di kawasan-kawasan ini. Dan saya rasa adalah baik sekiranya kerajaan boleh mengambil kesempatan ini untuk meneruskan *engagement* dengan Telekom dan memastikan pelaburan-pelaburan kepada infrastruktur di kawasan-kawasan ini boleh di rancakkan. Lebih-lebih lagi banyak kampung yang terletak di kawasan Kuala Langat, sekian.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN: Sebelum itu walaupun ada 68 kita tambah 5 lagi sebab ada masa kita akan tambah lagi. Dan untuk makluman Yang Berhormat sebelum itu banyak Ahli Yang Berhormat complain tentang kelajuan Internet ini. So slow, tak boleh masuk saya rasa keadaan ini sudah pun berubah. So, mengikut data yang saya ada sekarang kita telah pun berusaha untuk mencepatkan kelajuan Internet. So, daripada apa yang kita access point ya, jumlah yang kita bekalkan sekarang ada 59% kelajuannya 100MB, 59%. So yang kedua, adalah 80% yang ada 50MB kelajuan. Yang ketiga 30MB merangkumi 80% dan 8MB 9% dan 5MB kurang 5MB masih ada 6% kerana TM masih ada *streamyx* lagi so masalah itu kitalah untuk tingkatkan kelajuan Internet yang sedia ada. So, saya harap dengan membaiki keadaan sekarang, sekarang kita boleh gunakan *wifi* bukan setakat percuma tapi juga kelajuan ini setanding dengan yang apa yang sedia ada di tempat-tempat lain iaitu kelajuan 100MB, sekian terima kasih.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Seterusnya Paya Jaras.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Terima kasih Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker. Penggulungan terakhir mungkin daripada EXCO-EXCO. Berkaitan dengan portfolio Generasi Muda Sukan dan Pembudayaan Insan. Tidak ramai Yang Berhormat-yang berhormat membangkitkan tentang isu secara spesifik tetapi saya suka menjawab beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh sebahagian daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat. Di antara perkara yang dibangkitkan awal adalah daripada Yang Berhormat Ketua Pembangkang iaitu Sungai Air Tawar yang nampak begitu panik tentang skim-skim kita seolah-olah kerajaan menarik banyak skim-skim yang telah kita tawarkan. Khususnya tentang insentif perkahwinan belia, kita tawarkan jadi saya hendak jawab hari ini Yang Berhormat Ketua Pembangkang pun tidak ada tetapi di luar nampak terlalu panik macam Kerajaan Negeri tidak berbuat apa-apa. Tetapi saya suka menyatakan bahawa skim insentif perkahwinan belia ini adalah kesinambungan daripada insentif skim perkahwinan belia ini adalah bukan satu program dibuat di bawah IPR dahulu. Dan untuk rekod Yang Berhormat sekalian insentif perkahwinan belia yang telah kita laksanakan dahulu telah mencapai jumlah peruntukan sebanyak RM29,950,900.00 yang telah kita berikan pada lebih 63,000 pemohon. Jadi daripada situ kalau kita merasakan kita perlu masuk kepada fasa yang kedua iaitu telah berkahwin kita masuk pula kepada fasa kekeluargaan. Maka dengan itu Kerajaan telah bersetuju agar perjanjian IPR dilaksanakan. Perjanjian ini adalah pendekatan dari pemberian kepada pemberdayaan. Yang Berhormat sekalian, penerima manfaat yang akan kita laksanakan ini adalah penerima yang diberi peluang mengikuti program Smart Parenting. Dan berbentuk pendidikan, pembangunan kapasiti dalam bidang kekeluargaan dan kerohanian. Ia seterusnya akan memberi impak yang berterusan untuk jangka yang panjang. Dalam erti kata lain program Smart Parenting ini merupakan kesinambungan daripada program Insentif Perkahwinan Belia yang telah kita laksanakan dahulu.

Program ini merupakan satu platform untuk golongan belia memperkasakan institusi kekeluargaan. Sebagai permulaan peserta program akan diberikan manfaat tambahan iaitu diberikan keutamaan mereka yang terlibat dengan insentif perkahwinan diberikan keutamaan. Apabila mereka memohon Skim Bantuan Tadika Selangor iaitu TUNAS dan Skim Bantuan Asuhan Anakku Pintar. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, program-program ini akan diberikan secara percuma oleh Kerajaan Negeri Selangor. Program TUNAS menyediakan bantuan yuran tambahan sebanyak RM50.00 setiap bulan kepada anak yang belajar di Tadika yang berdaftar dengan Majlis Permuafakatan Tadika Selangor. Manakala program Asuh Pintar pula adalah ibu bapa yang layak dan memenuhi syarat akan menerima bantuan yuran taska atau nurseri. Program ini khusus bagi anak-anak yang berusia empat tahun ke bawah dan akan menerima bantuan sebanyak RM100.00 setiap bulan.

Buat masa ini Program Smart Parenting akan menyasarkan golongan-golongan belia yang terdiri daripada penerima IPB yang berdaftar di antara tahun 2014 hingga tahun 2018. Namun begitu, pada masa akan datang program ini akan dibuka kepada semua

25 MAC 2019 (ISNIN)

pasangan generasi muda yang berkahwin di Negeri Selangor. Ini menunjukkan bahawa usaha Kerajaan Negeri dalam memartabatkan dan memantapkan institusi kekeluargaan adalah diutamakan. Pendaftaran peserta akan bermula pada 1 Mei 2019 dan dijangkakan program ini akan bermula pada seawal Julai 2019. Jadi dengan kata lain Yang Berhormat sekalian, kalau dahulu kita bagi RM500.00 pada satu pasangan sekarang kita bagi RM6,200.00 setahun kepada keluarga itu. Jadi antara RM500.00 kepada RM6,200.00 selepas perjanjian yang telah kita laksanakan iaitu Program Tunas, Program Asuh Pintar dan Program Smart Parenting, kesemuanya berjumlah RM6,200.00. Kalau dahulu berbentuk *one off*, kahwin dapat RM500.00 sekarang sepanjang dua tahun program tersebut orang yang terlibat berhak menerima program yang disebutkan Program Smart Parenting.

Saya pergi kepada isu yang kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sijangkang yang berkaitan dengan hala tuju tenaga kerja kita khususnya mereka lepasan daripada SPM. Untuk makluman Yang Berhormat Sijangkang, Selangor mencatatkan kadar pengangguran sebanyak 3.2% pada tahun 2016. Manakala pada tahun 2017 kadar pengangguran di Selangor telah turun kepada 2.8% iaitu penurunan sebanyak 0.4%. Di antara program-program yang kita laksanakan untuk membantu mereka-mereka yang lepasan SPM adalah kita komited terus menganjurkan program *Selangor Job Fair* dengan penglibatan banyak pihak dan sebagaimana yang telah kita sebut dalam soalan sesi soal jawab kelmarin, bahawa kita baru saja selesai mengadakan *Selangor Job Fair* dengan kehadiran 180 syarikat dengan penglibatan Angkatan Tentera, pasukan beruniform dengan 20 syarikat yang menawarkan pekerjaan untuk golongan-golongan OKU. Jadi program *Selangor Job Fair* ini adalah kerjasama dengan Jabatan Tenaga Kerja Selangor dan Job Malaysia. Iaitu sebuah program yang memberi peluang kepada rakyat Selangor untuk mendapatkan pekerjaan. Program ini telah diperkenalkan sejak 2014 dan telah dilaksanakan sebanyak dua kali, dua siri pada tahun 2018. Iaitu *Selangor Job Fair* siri 1 yang telah diadakan pada 4 Ogos 2018 bertempat di Shah Alam Convention Center, Shah Alam.

Seramai 5359 pencari kerja berdaftar telah hadir. Dan daripada jumlah tersebut seramai 3177 calon telah berjaya mendapat pekerjaan daripada majikan yang terlibat. Iaitu 59 peratus daripada orang yang hadir telah berjaya mendapat peluang-peluang pekerjaan.

Manakala *Selangor Job Fair* Siri Kedua telah diadakan di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) pada 15 Disember 2018. Yang mencatatkan kehadiran seramai 1695 pencari kerja berdaftar. Dan daripada jumlah tersebut 309 calon telah mendapat tawaran pekerjaan daripada program tersebut. Antara usaha kita untuk membantu lepasan SPM dan graduan-graduan khususnya mereka yang tinggal di Negeri Selangor kita.

Selain daripada itu, program latihan rangsangan kerjaya rakyat Selangor iaitu Program Latihan Keusahawanan dalam bentuk kursus telah kita laksanakan. Di antara bidang-bidang yang telah kita anjurkan iaitu Kursus Keusahawanan Penternakan, Kursus Pemantapan, Kursus Percetakan, Pentaulahan Sijil SKM Tahap 3, Kursus Keusahawanan Penternakan, iaitu makanan ternakan dan rancangan perniagaan,

25 MAC 2019 (ISNIN)

Kursus *Soft Skill*, Usahawan, Penternakan, Kursus Keusahawanan Penternakan, *Mobile Service Air Cond*, Cuci Kasut, *Mobile Barber*, Ayam Gunting, Terapi Bekam, *Bakery*, *Mobile Spa*, Dekorasi Pelamin dan Kiosk Sate. Yang telah kita laksanakan bagi membantu. Daripada jumlah-jumlah ini seramai 2436 orang peserta telah berjaya menjana pendapatan daripada program tersebut. Purata pendapatan bulanan mereka ini mencatat jumlah tertinggi bagi purata pendapatan berjumlah di antara RM500.00 hingga RM2,000.00 sebulan melalui 1712 orang peserta.

Dan program yang ketiga, iaitu Program Iktisas yang telah dilaksanakan pada tahun 2018 melalui pengumuman oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang sebelum daripada ini melalui Belanjawan 2018. Pada tahun 2019, Kerajaan Negeri Selangor akan memberi pembiayaan kepada 1000 belia Selangor dalam pelbagai bidang kemahiran berimpak tinggi. Program kemahiran ini menawarkan pelbagai latihan teknikal dan vokasional yang memberi fokus kepada 15 bidang utama dalam industri iaitu Sains Hayat, Elektrik dan Elektronik, Jentera dan Peralatan, Makanan dan Minuman serta Aeroangkasa. Program ini ditawarkan kepada belia Selangor dalam tempoh tertentu di mana setelah tamat program kemahiran ini, belia-belia ini akan diserapkan sebagai tenaga mahir di dalam pasaran industri-industri di Negeri Selangor.

Jadi, Yang Berhormat Sijangkang, untuk makluman kita memang Kerajaan Negeri berusaha keras untuk memastikan kadar pengangguran kita di tahap yang rendah dan kita akan pastikan tahun ini kita akan sedaya upaya menyasarkan bahawa kadar pengangguran kita jatuh kepada 2.5 peratus kadar pengangguran. Jadi, usaha-usaha kita adalah untuk memastikan terutamanya anak Selangor mendapat pekerjaan di Negeri Selangor ini.

Saya pergi kepada ucapan perbahasan oleh Yang Amat Berhormat Jeram yang menjadi tular begitu banyak baru-baru ini dengan cadangan menjadikan Selangor industri tanaman ganja. Dan sudah tentu perbahasan itu telah menimbulkan kegelisahan di dalam portfolio-portfolio saya yang bekerjasama dengan AADK, Anggota Polis, Pendidikan, yang melihat sebagai satu perkara yang sangat tidak relevan dan telah disebut oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor untuk mencadangkan program tanaman ganja, saya lebih lebih gembira sekiranya Jeram, Yang Amat Berhormat Jeram, mencadangkan tanah itu digunakan sebagai mungkin tanaman sawit untuk belia, tanaman cili ataupun pelbagai yang berbentuk industri. Kenapa kita nak pergi kepada ganja dalam banyak-banyak industri yang kita laksanakan.

Jadi, komitmen kita adalah kita akan pastikan belia kita tidak terlibat dengan masalah penggunaan ganja. Apalagi Selangor dan Malaysia ini rakyatnya terlalu kreatif. Orang bagi mercun buat main bunga api Hari Raya, dia buat meriam sampai putus jari.

Y.B. TUAN SAARI BIN SUNGIB : Penjelasan. Semalam ada EXCO, minggu lepas, hari Jumaat. Penjelasan perbezaan antara yang dikatakan ganja dan sebagainya. Itu umum. Tapi, kategorinya adalah *cannabis*. *Cannabis* itu terbahagi kepada *marijuana* dan kepada *hams*. *Marijuana* ada kandungan *addictive* yang *hams* tidak ada. Isunya adalah yang nak dimajukan adalah *hams*. Itu pandangan beliau. Adakah apa respond.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Membangkitkan maksud dia ada tanaman-tanaman yang berfaedah. Begitu? Saya suka mengambil apa yang disebut Yang Berhormat Ijok yang dalam soalan atau pun dalam perbahasan saya ada terdengar beliau mengatakan bahawa dadah atau pun ini satu masa dahulu digunakan sebagai perubatan tetapi masa kini kata Yang Berhormat Ijok telah disalahgunakan. Dan saya nak bagi tahu pada Yang Berhormat- Yang Berhormat sekalian bahawa Yang Berhormat hidup di zaman kini. Bukan di zaman dahulu. Zaman kini, di zaman yang banyak sangat kreativiti yang menjadi *law fessor*.

Saya tidak nafikan sebagaimana yang disebut ada ada perkara baik yang ada dalam tanaman ganja itu. Tetapi saya juga ingin menyebut peruntukan undang-undang di bawah Kanun Akta Dadah Merbahaya yang menyebut secara jelas bahawa di bawah Seksyen 66B menyebut menanam pokok ganja atau mengusaha penanaman sebarang pokok yang boleh menghasilkan candu mentah iaitu penjara seumur hidup dan sebatan tidak kurang daripada enam kali. *This is the law. It doesn't matter* apa yang kita fikir tentang ada kebaikan pada ganja tersebut. Tapi *our law says no. No is no.* So, modal insan kita komited, dan *our agency* di bawah AADK kita telah berbincang secara panjang lebar dan kita berbelanja banyak untuk program-program mengatasi masalah dadah terutama di kalangan anak-anak Melayu yang begitu tinggi bilangan penggunaan dadah dia. Jadi, apa lagi kita nak dengar masalah penanaman ganja tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, di antara perbincangan kami atau pun portfolio saya dengan AADK adalah termasuk mengkaji untuk mengadakan program RnR iaitu Reward and Report. This is di peringkat kajian lagi. Cadangan maknanya kita nak bahawa maklumat sampai kepada kita dan ada tindakan tegas di kalangan penagih-penagih dadah ini atau pun pengusaha-pengusaha ganja ini. Sebab itulah di peringkat kajian kita mengkaji apakah sesuai untuk daerah kita laksanakan program RnR itu. You report, we give you award, reward. Sampai ke peringkat kalau peringkat kes itu sampai ke peringkat Mahkamah. Kita dalam peringkat kajian. Untuk maklumat Yang Berhormat, memang Selangor dari segi penggunaan, penagih-penagih kita masih di bawah kawalan. Iaitu kita mempunyai 2375 pada tahun 2017 masih di dalam nombor yang boleh kita kawalkan. Jadi kita ingin kekal dalam nombor dalam nombor yang kita boleh kawal dan kita tidak ingin melihat ada nya unsur-unsur yang boleh merebakkan anak-anak belia kita kepada masalah dadah dan sebagainya.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Dalam perbahasan saya, Puan Timbalan Speaker, saya ada menyebut tentang *harm reduction*. Atau pun secara khususnya apa yang diketahui ialah penggunaan *methamphetamine* untuk mengurangkan ketagihan dan seterusnya menyelamatkan penagih-penagih dadah ini daripada gejala dadah ini. Saya ingin bertanya apakah rancangan atau pun strategi yang akan diterima pakai oleh AADK dalam usaha ini. Khususnya di kawasan saya di mana gejala penyalahgunaan dadah ini, walaupun terkawal tetapi sekali sekala pun ada kedengaran di kawasan Kampung Baru Sungai Jarum. Begitu juga dengan penyalahgunaan syabu di kawasan Banting dan sebagainya. Pun ada kedengaran. Dan saya kira ini adalah sesuatu perkara yang harus diberi perhatian, selain daripada tindakan undang-undang dan penguatkuasaan yang pada pendapat saya kurang berkesan dalam mengekang aktiviti penyalahgunaan dadah ini. Dan saya juga ada menyebut selepas penagih-penagih

25 MAC 2019 (ISNIN)

dadah ini diselamatkan daripada gejala penyalahgunaan dadah ini apakah program pemulihan yang ada pada Kerajaan untuk membantu mereka. Contohnya bagi orang muda kita ada PeBT. Bagi golongan wanita kita ada PWB. Kita ada rancangan penstruktur yang pelbagai untuk membantu mereka. Tetapi bagi orang-orang yang bekas penagih ini, kita nampaknya belum ada lagi satu program yang besar yang rancak untuk membantu mereka. Mungkin ada satu dua secara kecil-kecilan. Tetapi ia tidak melihat satu kesinambungan di situ untuk membantu mereka. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat apakah cadangan atau pun rancangan yang ada pada kita pada Kerajaan Negeri untuk melakukan sesuatu. *At least baby step* pun memadailah untuk membantu mereka. Sekian.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Terima kasih Yang Berhormat Banting. Tentang soalan spesifik apakah kaedah rawatan itu saya akan bagi secara bertulis. Tetapi pendirian Kerajaan Negeri adalah tidak menutup pintu kepada bekas-bekas penagih ini. Dan saya kira saya menerima cadangan yang baik daripada Yang Berhormat Banting supaya kita rangkakan satu program khusus kepada mereka-mereka bekas-bekas penagih ini. Secara spesifiknya kalau kita lihat banyak program yang kita buat untuk kita membanteras masalah dadah ini termasuk kita mengadakan Kem Motivasi Pemantapan Jati Diri, Program Ujian Saringan Air Kencing Kepada Semua Pelajar-pelajar, kita mengadakan Larian Komuniti Sejahtera Tanpa Dadah, kita mengadakan Program Penerangan Kempen Antidadah, kita adakah Program Gegar Dadah, kita adakan Program Jelajah Dekati Orang Yang Kena Pengawasan atau pun OKP di seluruh 9 Daerah Selangor. Kita juga ada Program Kemahiran Kelestarian Keluarga Bahagia dan Program Operasi Anti dadah dan Masalah Sosial di setiap daerah.

Jadi, tentang *this is to* kita untuk bendung masalah penggunaan dadah atau pun daripada Banting tadi, kita akan melihat apakah program sesuai, dan kita tidak meninggalkan mereka yang telah insaf daripada penyalahgunaan dadah ini dan kita akan dekati dengan program-program yang bersesuaian nanti. *Insha-Allah.*

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOHKTAR : Terus saya nak pergi kepada perkara yang dibangkitkan oleh Taman Templer berhubung kait dengan projek infrastruktur sukan. Betul? Yang Berhormat Taman Templer? Yang Berhormat, permohonan peruntukan penambah baik padang di Kampung Melayu Rawang sebanyak RM141,000.00. Kerajaan memang kita memang dalam fokus kita kali ini untuk memperbanyakkan kemudahan-kemudahan *facility* sukan di Selangor. Kemudahan yang baik untuk kita adakan khusus untuk kita nak menggalakkan program-program sukan. Dengan itu, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM3.24 juta bukan kepada Taman Templer, tetapi kepada seluruh ADUN-ADUN untuk kita bina kemudahan-kemudahan yang melalui sebagaimana yang saya sebut dengan usaha sama kita melihat bersama dengan peruntukan ADUN untuk kita baik pulih kemudahan sukan di peringkat DUN.

Kerajaan Negeri telah menerima permohonan bagi cadangan Projek Menaik taraf Padang Bola Kampung Melayu Batu 16 Rawang. Jumlah peruntukan yang dimohon

25 MAC 2019 (ISNIN)

adalah sebanyak RM171,520.00. Dan untuk itu, untuk makluman Yang Berhormat Taman Templer, memang Majlis Perbandaran Selayang telah menghantar surat kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri melalui surat bertarikh 26 Februari, yang membawa permohonan daripada Yang Berhormat Taman Templer. Kita akan lihat program ini dan kita akan berbincang bagaimana cara yang lebih sesuai untuk kita bangunkan padang ini. Bagi meningkatkan tahap fasiliti kualiti sukan ini saya suka mencadangkan *joint venture*. Taman Templer pun terlibat sama. Kita pun terlibat juga untuk membantu sebagai tujuan perkongsian kos untuk kita meringankan beban di semua pihak. Justeru itu, Kerajaan meneliti permohonan ini dan kita akan adakan perbincangan *detail* bersama dengan Yang Berhormat kelak.

Yang terakhir, berkenaan dengan lumba haram daripada Bandar Utama. Saya ingat saya telah menjawab isu ini dalam soal jawab tadi. Cuma untuk lebih *detail* lagi, Majlis Sukan Negeri fungsi dia adalah mengadakan program. Tanah dikenal pastikan oleh Pejabat Daerah. Jadi untuk mengadakan litar yang kita akan wujudkan tadi. Jadi isu lumba haram ini memang kita kerajaan memandang serius remaja-remaja yang terlibat dalam lumba haram ini dan kita melihat, kita merasakan bahawa kita perlu adakan sesuatu yang kita perlu tangani dengan masalah ini. Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Selangor kini dalam proses mencari tanah sebagaimana yang disebut tadi. Malah kita telah menggariskan beberapa fungsi utama litar ini untuk menyediakan prasarana yang bersesuaian dan selamat. Selain daripada itu, ia bakal menjadi pentas utama untuk penganjuran program pemotoran di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Kerajaan Negeri juga turut memberi jaminan bahawa kemudahan yang akan kita bina ini akan menjadi litar latihan dan terbuka kepada mana-mana individu. Ini adalah sebahagian mana yang saya jawab dalam soalan tadi. Seterusnya Kerajaan Negeri juga dengan kerjasama Petronas Cubprix akan menganjurkan kejohanan Petronas Cubprix (AAM Malaysian Cubprix Championship) dan program ini bertujuan untuk menggalakkan penglibatan golongan remaja dalam aktiviti sukan. Selain daripada itu saya juga menyeru kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian agar kita boleh memfokuskan program pemotoran di peringkat DUN masing-masing. Dan saya kira Yang Berhormat adalah mereka ikon yang boleh turun bersama-sama mereka saya ingat itu adalah lebih baik untuk kita mendekati remaja-remaja kita. Jadi itu saja Yang Berhormat Timbalan Puan Speaker.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR: Saya hendak tanya sikit kepada Yang Berhormat EXCO.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Ya silakan.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR: Macam mana ada bantuan khusus tak untuk atlet-atlet pemotoran ini yang berjaya mungkin sampai ke peringkat antarabangsa untuk kita bantu perbelanjaan mereka dan sebagainya.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Saya ingat bantuan khusus itu ada dalam poket Yang Berhormat di Dewan Undangan Negeri. Kita bersama-sama, Kerajaan Negeri menyokong, ada yang datang berjumpa dengan kita atlet-atlet atau pun mereka yang terlibat dengan pemotoran, ya kita bantu, kita bantu tetapi kita tidak

25 MAC 2019 (ISNIN)

spesifik berapa banyak. Bergantung pada keperluan-keperluan mereka ini, jadi yang penting sokongan daripada Kerajaan terhadap semua sukan pemotoran ini adalah kita sentiasa menyokong tetapi bagaimana bentuk bantuan, itu bergantung pada apa yang mereka hendak dari segi bantuan daripada Kerajaan.

Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH: Sedikit untuk Yang Berhormat EXCO. Saya ingin memaklumkan saya tertarik dengan saranan daripada EXCO mengenai penglibatan Adun-Adun untuk menarik anak-anak muda. Untuk makluman pihak EXCO, di Dengkil saya telah bersama dengan satu persatuan MUSC telah mengadakan Drack Race yang mana kita menghimpunkan sukan industri pemain-pemain sukan pemotoran di seluruh negara. Dan pada malam tadi juga saya telah merasmikan penutup acara Drack Race yang penglibatan daripada negara Thailand, Vietnam, Indonesia. Dan ini adalah satu cara yang bagaimana saya boleh kongsikan kepada Kerajaan Negeri dan EXCO bagaimana program-program yang begini dapat menarik golongan-golongan anak muda. Secara tidak langsung dapat memberi ruang, peluang pekerjaan di mana *workshop-workshop* yang sebelum ini kembali mendapat perhatian. Kita ada peringkat kereta, kita ada motor dan alhamdulillah selama 2 kali penganjuran kita dapat sambutan yang amat baik. Ini dibuat di jalan biasa, saya dapat kerjasama penuh daripada Jabatan Agensi di Sepang melalui Majlis Perbandaran Sepang, daripada Pejabat Daerah, daripada JKR dengan membantu dari segi pelancaran program tersebut. Dan saya boleh kongsikan bagaimana pengendalian pelaksanaan program amat baik.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Berapa ramai penyertaan?

Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH: Kehadiran *crowd* yang kita anggarkan setiap kali event 10,000 setiap Sabtu dan Ahad. Itulah yang saya nampak macam yang Yang Berhormat EXCO cakap, satu tarikan yang mana sampai malam. Malam tadi saya sampaikan hadiah pukul 5 pagi, 5 pagi ujian masa dia siang, dia punya *battle* setiap kategori itu makan masa sampai pukul 3 pagi, 4 pagi, pun ramai orang lagi. Saya rasa *drack race* ini dia industri permotoran ini besar. Dia ada *drack*, dia ada yang *corner*, ada motor cross, ada *drift*, so kita kena lebih khusus untuk macam mana kita hendak bantu. Kalau sebelum ini *player-player* industri motor ini adalah ibarat naga buaya di peringkat atas mereka hanya menggunakan dana kerajaan. Dan akhirnya peringkat pembangunan akar umbi ini tak pergi mana. Saya boleh buktikan, saya boleh ajak saya akan jemput Yang Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat EXCO-EXCO yang lain, Adun yang lain boleh lihat bagaimana anak-anak muda kita ini yang berumur belasan tahun menunggang motosikal dalam 200 meter boleh cecah 170 kilometer sejam. Ini adalah salah satu cara bagaimana kita hendak menarik tarikan anak muda. Saya rasa cukup setakat itu saja saya kongsikan untuk dijadikan panduan untuk pihak EXCO dapat melihat pembangunan yang sedang dilakukan oleh anak-anak muda, sekian terima kasih.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Baik terima kasih Yang Berhormat Dengkil dan kita bersedia belajar daripada Yang Berhormat tentang bagaimana Yang Berhormat boleh kumpulkan 10,000 orang sehingga 3 pagi dan 4 pagi. Cuba

25 MAC 2019 (ISNIN)

bayangkan kalau Yang Berhormat Permatang duduk *drack* atas motosikal atau pun Bukit Melawatikan, itu *very rare* Yang Berhormat lain tak buatkan jangan terbang atas motor itu sudahlah Yang Berhormat. Jadi saya menunggu-nunggu cadangan daripada Yang Berhormat Dengkil dan *insyaAllah* kita akan cuba laksanakan di semua DUN yang kita ada, terima kasih.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Silakan Yang Amat Berhormat Sungai Tua.

Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : *Bismillahhirrahmannirrahim*, terima kasih Timbalan Speaker dan Ahli-Ahli Dewan sekalian. Ahli-Ahli Dewan Negeri Selangor sekian, selesai perbahasan atau pun penggulungan kita bermakna kita telah selesai membahaskan sempena dengan usul menjunjung kasih titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor sempena dengan Pembukaan Sidang kali ini. Dan saya ingin mengucapkan terima kasih kepada 23 Ahli-Ahli Dewan Negeri yang telah membahaskan titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor pada kali ini. Dan ini telah membuktikan komitmen kepada kita semua baik yang berada di pihak lapisan kerajaan mahupun pihak Pembangkang terhadap amalan demokrasi berparlimen. Sungguh pun Persidangan Dewan Negeri Yang Ke-14 menzahirkan sokongan yang begitu besar kepada Barisan Pihak Kerajaan dengan kemenangan majoriti yang besar namun ia bukan bermakna satu istilahnya atau yang dipanggil sebagai *cardlang* dalam bahasa Perancis atau pun carta *blangka* dalam bahasa Latin iaitu kekuasaan dan autoriti bulat atau pun *white card* kepada Kerajaan untuk membuat sesuka hati tanpa membenarkan semak dan periksa daripada Ahli-Ahli Dewan terutamanya daripada Ahli-ahli Pembangkang.

Dan kita menghormati suara perbahasan pihak Pembangkang terutamanya apa yang telah dikemukakan sedikit sebanyak oleh barisan Pembangkang nanti dan tidak ketinggalan daripada *backbenchers* atau pun Ahli-Ahli Dewan yang saya kasih sekalian. Justeru pada hari ini saya ingin memberikan sedikit kesimpulan dan juga rumusan terhadap persoalan-persoalan yang dibangkitkan terutamanya yang menjurus kepada program-program pembangunan dan perancangan Kerajaan Negeri.

Ahli-Ahli Dewan yang saya kasih sekalian, setelah 10 tahun Kerajaan Negeri Selangor ditadbir oleh Pakatan Rakyat dan kemudiannya Pakatan Harapan. Kita telah merubah paradigma kepimpinan sebelum ini yang cuba sedaya upaya pada waktu sekarang dan sebelum ini dalam tempoh 10 tahun menimbulkan apa yang dikatakan keseimbangan dan keserasian dalam pembangunan dan pentadbiran Kerajaan Negeri. Di saat Kerajaan Negeri mengimpikan kemodenan, kemajuan dan kepesatan pembangunan sehingga Selangor diiktiraf sebagai negeri paling maju mencatatkan pelaburan paling besar, menumbuhkan pertumbuhan yang paling signifikan dalam negara kita tapi dalam masa yang sama kita menyesuaikan pula dengan program-program agar tidak ada sesiapa yang tertinggal di dalam arus pembangunan dan kemajuan dalam negeri kita.

Namun setelah 10 tahun kita berjalan kita masih meneruskan agenda dan usaha-usaha untuk merancakkan pembangunan dan juga usaha-usaha untuk mengerakkan kemajuan dalam negeri kita dan negara kita. Tapi dalam masa yang sama kita melihat

25 MAC 2019 (ISNIN)

kembali apakah yang dikatakan *people centric programme*. Dan sebab itu kita laksanakan penyejajaran yang saya kira telah menimbulkan beberapa persoalan-persoalan dan sebagainya telah dijawab oleh EXCO dan juga dijawab di dalam soalan-soalan yang dibangkitkan. Perlu diingatkan penyejajaran bukan bererti kita ingin memotong subsidi sahaja tetapi penyejajaran juga adalah berusaha untuk memastikan segala program yang kita laksanakan bermanfaat sampai kepada sasaran dan menjadi satu unsur yang memperdayakan atau pun *empower* kepada kelompok-kelompok yang kita perkasakan. Dalam masa yang sama kita berusaha untuk mencari dana-dana dan juga sumbangan-sumbangan baru hasil-hasil baru daripada Kerajaan Negeri supaya Kerajaan Negeri mampu *still* dengan izin atau pun mampu berupaya untuk melaksanakan program ini dalam tempoh jangka masa panjang dan bukan hanya dalam sikap atau pun dalam tempoh yang pendek yang menggembirakan tetapi gagal untuk secara konsisten di masa-masa depan.

Dan saya suka ingin melaporkan pada pembentangan Belanjawan yang lepas, kita telah menyasarkan sumbangan atau pun dividen daripada anak-anak syarikat Kerajaan Negeri sebanyak RM50 juta satu sumbangan yang kita mulakan satu angka yang sangat konservatif kita letakkan dan sampai ke bulan Mac kali ini. Kita telah berjaya mengumpulkan RM35 juta daripada sumbangan dan dividen-dividen anak-anak syarikat Kerajaan Negeri. Dan ini membuktikan bahawa selepas ini ada sumber-sumber lain yang boleh kita garap dan hasil daripada keuntungan dan jugakekayaan dan juga kemajuan yang diperoleh daripada anak-anak syarikat Kerajaan Negeri ini akan disalurkan balik ke dalam tabung-tabung pelaksanaan program *People Centric* atau pun Penumpuan Keprihatinan dan Kepedulian Rakyat dalam program-program inisiatif Peduli Rakyat.

Ahli-Ahli Dewan sekalian dalam masa yang sama Kerajaan Negeri terus rancak, rancak memastikan negeri kita kekal stabil dan juga mampu untuk menarik pelabur-pelabur. Alhamdulillah 2018, telah mencatatkan satu angka yang sangat signifikan kepada Kerajaan Negeri dengan pencapaian daripada RM5.29 kepada RM18.9 bilion dalam sektor pembuatan atau pun perkilangan. Kalau kita tambah dengan RM5 juta daripada sektor perkhidmatan yang merupakan Selangor tetap yang paling tinggi di Malaysia, kita telah berjaya mengamit RM24 bilion dalam tahun 2018 daripada kelulusan-kelulusan pelaburan yang dibuat.

Ahli-ahli Yang Berhormat saya jelaskan ini supaya kita lebih jelas dengan RM24 bilion ini sebenarnya belum semuanya *landing* dengan izin atau pun bertapak di Negeri Selangor. Ialah kelulusan-kelulusan yang telah dikeluarkan oleh pihak Kementerian dan Kerajaan Pusat dan pada waktu inilah mereka akan bergerak di Pihak-pihak Berkusa Tempatan mendapatkan kebenaran-kebenaran merancang, membayar premium-premium tanah dan saya jangka dengan potensi ini Kerajaan Negeri mampu mendapatkan hasil yang lebih baik dan kutipan hasil yang lebih signifikan yang lebih memberangsangkan pada tahun 2019 ini. Jadi *insyaAllah* Kerajaan Negeri berada dalam *track* dan juga landasan yang betul saya boleh katakan dalam masa yang sama kita berada dalam usaha untuk melihat bagaimana penyejajaran ini dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, justeru selepas itu saya ingin terus kepada isu-isu yang dibangkitkan secara spesifik dan kalau tidak berkesempatan mungkin saya boleh jawab nanti secara bertulis kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Pertama berkenaan dengan gugusan ekonomi dan gugusan ekonomi ini merupakan satu pendekatan baharu yang diperkenalkan oleh pentadbiran Kerajaan Negeri dalam perancangan Belanjawan kita. Kalau sebelum ini kita merancang Belanjawan dalam tempoh satu tahun, kita mempunyai rancangan Malaysia Ke-11. Rancangan Malaysia Ke-10 yang telah dirangka dan dikoordinasi oleh pihak Kementerian dan Kerajaan Pusat. Namun Kerajaan Negeri meletakkan kembali gugusan-gugusan ini supaya dalam rancangan-rancangan selepas ini ada fokus-fokus yang lebih jelas. Ada fokus-fokus yang lebih terperinci dan ini disambut baik oleh Pelan Malaysia Selangor atau pun dikenal sebagai JPBD iaitu Jabatan Perancang Bandar dan Desa yang melihat bagaimana kita melihat pembangunan dan perancangan pembangunan di setiap negeri dan kawasan lokaliti kita itu berada dalam keadaan *sustainable* atau pun lestari dan mampu untuk dihuni atau pun menjadi tempat yang mempunyai daya huni di huni dengan selesa oleh rakyat dan masyarakat dalam negara kita.

Untuk makluman Yang Berhormat, 10 gugusan atau klaster telah dikenal pasti berteraskan kepada potensi dan daerah-daerah di Negeri Selangor. Bagi menjana pertumbuhan ekonomi setempat yang berkualiti dan seterusnya turut menjana ekonomi pertumbuhan negeri yang mampan berdasarkan potensi sedia ada di daerah-daerah. Kerajaan Negeri telah mengorak langkah dalam menyatukan atau pun *recoselection* kekuatan-kekuatan kawasan supaya daerah-daerah tersebut dapat diberi nilai tambah atau pun *value added* dan akhirnya dapat diterjemahkan kepada cita-cita *Smart State* menjelang tahun 2025. Pelaksanaan klusterisasi juga dijangka mampu meningkatkan daya saing di negeri Selangor di peringkat nasional dan global bagi menarik pelaburan domestik dan asing yang berkualiti tinggi. Bagi merealisasikan hasrat ini Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi telah mengumpulkan data di peringkat negeri, nasional dan dunia bagi kekuatan sedia ada serta sasaran fokus *cluster-cluster* yang terlibat untuk membolehkan satu mekanisme ukuran atau *objective setting* terhadap pencapaian *cluster*. Seterusnya pelan tindakan turut dirangka bagi tempoh jangka pendek iaitu 2019 hingga 2020, 2 tahun dan jangka panjang, 2021 hingga 2025 iaitu dalam tempoh 5 tahun dan pemantauan kepada pelan tindakan atau *action plan* dan aktiviti yang akan dibuat oleh Kerajaan Negeri 4 bulan sekali melalui pembentangan di dalam Mesyuarat Tindakan Ekonomi Negeri. Bagi *cluster* industri aeropolis dan aeroangkasa, sebanyak 62% industri berasaskan aeroangkasa berasaskan aeroangkasa berada di negeri Selangor dan Subang merupakan fomen utama yang telah menyumbang 34% dengan jumlah syarikat sebanyak 70 berbanding 200 syarikat di Malaysia. Sebanyak RM1.7 bilion pendapatan dan 55,000 pekerjaan dijana setiap tahun dan Kerajaan Negeri mensasarkan sebanyak RM2 bilion pendapatan serta 75,000 pekerjaan setahun dijana menjelang tahun 2025. Buat masa ini jumlah pengendalian penumpang adalah sebanyak 3 juta setahun dan dijangka sebanyak 5 juta penumpang akan menggunakan perkhidmatan penerbangan di Lapangan Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah, Subang, Kompleks A di Subang juga merupakan *hub* MRO pertama di Malaysia yang satu-satunya dilengkapi kemudahan

25 MAC 2019 (ISNIN)

aerodrome di rantau Asia dengan proses rejuvenasi di dalam *cluster* ini maka kemudahan dan perkhidmatan akan dapat ditambah baik dan Subang bakal menjadi *hub* serantau bagi *business aviation* dan hub MRO di Asia Tenggara bertaraf dunia.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita telah melancar pelan tindakan. Ada lebih kurang 20 atau 33 tindakan yang perlu dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Negeri dan juga ada 7 strategi yang harus diberikan penumpuan dalam Pelan Tindakan Aeroangkasa Negeri dan kita telah bentangkan dan dilantik *France and Sullivan* dalam berapa tahun yang lepas dan telah dibentangkan dalam Kerajaan Negeri dan seterusnya Kerajaan Negeri sudah mempunyai cara-cara dan langkah-langkah tertentu untuk memastikan industri aeroangkasa kekal bertapak berdaya maju dan mampu memberikan sumbangan yang besar kepada Kerajaan Negeri. Di samping itu Kerajaan Negeri telah memilih PNSB, kenapa kita memilih, kita ambil PNSB kerana PNSB merupakan anak syarikat yang mempunyai tanah dan beberapa aset di kawasan Subang untuk melihat kemungkinan bagaimana partisipasi anak-anak syarikat Kerajaan Negeri di dalam aeroangkasa ini, industri aeroangkasa ini sebahagian daripadanya akan turut dipamerkan di pasaran LIMA pada esok dan beberapa hari yang akan datang dan pihak Kerajaan Negeri juga akan menandatangani MoU, *Memorandum of Understanding* dengan beberapa pihak dalam persempahan ataupun dalam event LIMA yang akan datang untuk menjana dan menggerakkan industri aeroangkasa.

Selain itu Kerajaan Negeri akan memberi tumpuan kepada *cluster* pertanian dan industri asas tani memandangkan pertanian merupakan sektor yang penting dan menjamin bekalan makanan ataupun *food security* di negeri Selangor. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) 2017 adalah sebanyak 1.5% dengan nilai sebanyak RM3.98 bilion. Dijangkakan pada tahun 2026, KDNK pertanian negeri Selangor dari segi nilai akan meningkat kepada RM6 bilion. Peningkatan ini akan disokong oleh pengeluaran hasil produk pertanian yang berteraskan penggunaan teknologi-teknologi moden. Selain itu penekanan terhadap prinsip *rescission agriculture* termasuk *Good Agriculture Practice* (GAP) serta pembukaan kawasan-kawasan pertanian baru dengan penanaman produk pertanian bernilai tinggi (*high value agriculture product*) akan turut diberikan. Sebagai contoh, projek penanaman *golden melon* di *Selangor Food Valley* 3 ekar yang sedang dalam menyediakan tapak dan akan bermula tahun ini di mana tempoh pengeluaran hasil akan mula diperoleh dalam tempoh 3 bulan. Pengeluaran hasil dijangka meningkat dijangka bernilai RM150,000 penuaian dengan harga jualan di pasaran adalah sebanyak RM10 hingga RM 12 bagi setiap kilo. Dalam tempoh yang singkat dengan pengeluaran yang minimum namun hasil yang bakal diperoleh oleh pengusaha boleh mencecah sehingga RM600 ribu setahun nilai jualan.

Oleh yang demikian, saya percaya sektor pertanian selepas ini bukan sekadar meraih pendapatan sampingan malah ia boleh dijadikan sebagai sumber pendapatan utama dan mengurangkan berketergantungan kerajaan kepada bidang perniagaan yang semakin mengecil khususnya kepada generasi muda. Begitu juga dengan *cluster-cluster* yang lain tumpuan akan diberikan oleh Kerajaan Negeri memastikan *cluster-cluster* tersebut berkembang dan menjana ekonomi setempat. Ingin saya menjelaskan bahawa semua projek-projek dan program-program pembangunan serta industri ini

25 MAC 2019 (ISNIN)

telah pun berjalan. Namun begitu dengan adanya klusterisasi ia nya akan memberi impak yang lebih besar dan cepat serta lebih terancang bagi menjana ekonomi yang mampan, dinamik dan inovatif. Akhirnya kesan ini akan dapat dinikmati oleh seluruh rakyat di negeri ini. Dalam pada itu sesi *engagement* ataupun pertemuan dan komunikasi bersama dengan agensi, pemain industri dan pihak berkepentingan akan diadakan pada 28 dan 29 Mac ini supaya semua pihak dapat memahir hala tuju serta masa yang sama mereka juga mampu terlibat secara langsung dan tidak langsung terhadap klusterisasi yang akan dilaksanakan ataupun yang sedang dibentuk oleh pihak Kerajaan Negeri. Buat masa ini klusterisasi tidak melibatkan sebarang projek atau pelantikan kontraktor namun begitu sekiranya pada masa akan datang Kerajaan Negeri akan memastikan ia berdasarkan prinsip dan tatacara perolehan yang telus serta pemantauan yang dibuat daripada masa ke semasa dan ini saya nak sebutkan bahawa tahap ini sekarang ini klusterisasi dalam tempoh dua tiga bulan pertama kita masih lagi dalam *process set up* dengan izin ataupun proses perancangan yang melibatkan bagaimana pembentukan klusterisasi itu dibuat. Berbeza dengan zaman-zaman waktu-waktu sebelum ini di mana kita hanya mengelaskan sesuatu zon dan kawasan itu berdasarkan kawasan industri, kawasan komersial, komersial pertanian dan juga pembangunan. Sebaliknya kali ini dalam klusterisasi kita pergi semakin *rinch* dengan izin ataupun kita pergi semakin *detail* ke bawah untuk melihat apakah potensinya, kalau pertanian bidang apa, sama ada penternakan, sama ada pelancongan, bidang apa, aset apa dan sebagainya dan ia bukan hanya digerakkan secara *natural* ataupun bergerak tanpa ada perancangan daripada Kerajaan Negeri. Bezanya klusterisasi ini ialah apabila Kerajaan Negeri sendiri terlibat secara langsung. Kalau dulu mungkin sebahagiannya digerakkan oleh anak-anak syarikat, digerakkan oleh pihak swasta dan sebagainya tetapi kali ini Kerajaan Negeri, *participate* sendiri terutamanya di Pihak Berkuasa Tempatan untuk melihat setiap perancangan dan pembangunan dan ini bukanlah bererti kita tidak boleh menerima idea-idea baru bagi satu *locality* atau kawasan tetapi ia harus bergerak di dalam *cluster-cluster* yang telah ditetapkan dan juga dibangkitkan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dalam Perbahasan, Ketua Pembangkang beliau menyebutkan tentang prestasi projek dan juga prestasi program yang telah berjalan dengan mencubit daripada laporan Audit Negara bagi tahun kedua Rancangan Malaysia Ke 11. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2017 melaporkan sebanyak 38 projek ataupun 11.4% telah disiapkan, 127 projek ataupun 37.7% sedang dalam pelaksanaan dan 173 projek ataupun 52% projek belum dimulakan atau dalam perancangan. Untuk makluman pelaksanaan sesebuah projek pembangunan terutamanya projek jangka panjang seperti projek di bawah RMK ia perlu melalui beberapa proses seperti pengambilan balik tanah, penyediaan reka bentuk, penyediaan kerja-kerja bangunan haram, penguatkuasaan perobohan bangunan-bangunan haram di atas tapak projek. Bagi memastikan projek dapat dilaksanakan mengikut jadual, Kerajaan Negeri telah mewajibkan agensi pelaksana projek untuk memastikan proses kawalan ini, proses awalan dilaksanakan sebelum sesebuah projek dilaksanakan kerana ia nya jika sesebuah projek tidak dilaksanakan masalah kenaikan kos projek akan timbul dan memberi impak kewangan kepada Kerajaan Negeri. Jadi beberapa kerja-kerja awalan perobohan bangunan serta premis-premis yang tidak

25 MAC 2019 (ISNIN)

berdaftar, penyelesaian isu-isu tanah dan sebagainya itu harus kita laksanakan. Sebahagian daripadanya itu melibatkan hal tersebut dan sebab itu ada beberapa projek berjalan dengan agak perlahan permulaannya kerana apabila projek telah berjalan ada masalah-masalah sehiliran ataupun masalah-masalah lain yang mengganggu projek akhirnya *holding cost* bagi satu-satu projek itu akan meningkat dan memberi kesan langsung kepada penyediaan dan masa projek dan kos projek pada akhir projek itu disiapkan. Projek RMK Ke 11 adalah merupakan projek jangka panjang yang dilaksanakan dalam tempoh 5 tahun. Justeru penilaian yang dibuat pada tahun kedua pelaksanaan tidaklah menggambarkan prestasi sebenar pelaksanaan projek malah Laporan Ketua Audit Negara juga merumuskan bahawa prestasi perbelanjaan peruntukan pembangunan RMK Ke 11 Negeri Selangor pada tahun 2017 adalah sangat baik dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM1.631 juta ataupun 90.7% daripada peruntukan tahun 2017. Prestasi semasa pelaksanaan RMK Ke 11 Negeri Selangor sehingga Februari 2019 adalah projek siap meningkat kepada 82 projek berbanding 38 projek pada tahun 2017. Projek dalam pelaksanaan menurun daripada 91 projek berbanding 127 projek pada tahun 2017 dan projek belum mula dalam perancangan telah menurun daripada 173 projek kepada hanya 55 projek pada tahun 2017. Keseluruhan prestasi perbelanjaan projek RMK Ke 11 sehingga 29 Februari 2019 adalah sebanyak RM4.423 bilion ataupun RM4 bilion, RM434,219,916.63. Kalau nak dapat angka yang jelas bersamaan dengan 52.24% daripada kos keseluruhan projek RMK Ke 11. Cubaan yang baik Ketua Pembangkang tapi kurang tepat dan tersasar daripada realiti sebenar kerana realitinya Kerajaan Negeri dan agensi-agensi yang berkaitan telah cuba untuk melaksanakan dengan terbaik dan angka yang ditunjukkan dalam Laporan Audit ialah laporan 2 tahun setelah RMK 11 dilaksanakan dan di atas teguran-teguran Audit itu kita telah berjaya meningkatkan, yang pertama projek siap, yang kedua, mengurangkan projek-projek yang sedang dalam pelaksanaan disiapkan dan juga projek-projek yang dalam perancangan.

Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHRUDDIN : Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan Morib.

Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHRUDDIN : Terima kasih. Tuan Timbalan Speaker. Dalam Perbahasan, Ketua Pembangkang jelas memberikan fakta-fakta yang saya rasa begitu lari daripada penjelasan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Jadi apakah pandangan Yang Amat Berhormat adakah Ketua Pembangkang berbohong dalam Dewan ini dengan mengatakan kita gagal melaksanakan projek tersebut.

Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Saya tidak mahu memberikan tuduhan yang besar untuk Pembangkang berbohong kerana Pembangkang mengambil data yang tidak luput tarikh, dah *obsolete* dengan izin ataupun mengambil data pada capaian mereka. Biasalah Pembangkang belum ada data terkini namun saya nak sebutkan di sini ini adalah fakta terkini yang kita telah dapat hasil dan ini lah tujuan Audit sebenarnya apabila Audit ada tujuannya untuk memperbetulkan kesilapan-kesilapan ataupun prestasi-prestasi semasa dan juga yang mungkin boleh dibuatkan ialah kesimpulannya yang silap dengan tugas sebagai Ketua Pembangkang dalam katanya

25 MAC 2019 (ISNIN)

agak silap ialah kesimpulan yang diberikan kerana pada tahun 2017 laporan Audit itu telah membuktikan bahawa Kerajaan Negeri ataupun semua projek telah berbelanja 90.7% daripada keseluruhan yang sepatutnya dilaksanakan pada tahun 2017. Tapi kalau kita melihat projek tu dalam tempoh rangka 5 tahun nak selesai dalam tempoh 2 tahun ia boleh sama ada kita menjemput jin-jin Nabi Sulaiman atau pun kita menyiapkan projek dalam angka dan juga pertumbuhan ataupun menggunakan bahan-bahan yang kurang sempurna, nanti berlaku lah roboh dan sebagainya macam yang berlaku di keliling kita. Terima kasih.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Hulu Kelang, mohon duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 1 tengah hari, dengan ini saya menangguhkan Sesi Penggulungan ke pukul 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari)

(DEWAN DISAMBUNG SEMULA)

(TUAN SPEAKER MEMPENGERUSIKAN)

TUAN SPEAKER : Silakan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Sungai Tua.

Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih Speaker. Saya sambung balik dan nak ke simpulkan tadi sebelum sesi rehat sebentar tadi. Kita telah berjaya meningkatkan sejumlah 82 projek berbanding 38 projek sebagaimana yang dilaporkan oleh Jabatan Audit as pada tahun 1st Februari 2019. Kita telah menurunkan jumlah projek yang sedang berlaku ataupun berlangsung daripada 127 kepada 91 projek. Dan kita juga telah mengurangkan jumlah projek-projek yang dalam perancangan sebagaimana laporan audit tersebut pada 173 projek kepada 55 projek pada tahun 2019. Dan keseluruhan 4.4 bilion telah kita belanjakan dan bersamaan dengan 52.24% pada tahun ketiga ataupun masuk di tahun ketiga rancangan Malaysia ke-11 dan saya kira di pertengahan rancangan Malaysia ke-11 kita telah berbelanja 52% dan saya kira itu merupakan satu prestasi semasa yang boleh dianggap dan boleh diberikan pujian di atas perkhidmatan dan juga apa yang telah dilaksanakan. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Air Tawar juga membangkitkan dengan pendirian kerajaan berhubung dengan semakan takrif air yang dicadangkan oleh Kementerian Air Tanah Dan Sumber Asli. Berapakah kadar kenaikan yang perlu ditanggung? Berapakah perbandingan keluarga

25 MAC 2019 (ISNIN)

menerima air percuma berbanding tahun-tahun dahulu? Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian saya menjawab yang di bawah dahulu. Sebagaimana yang dinyatakan oleh EXCO yang berkenaan dan juga beberapa kali dalam sesi jawapan pensejajaran IPR ada beberapa elemen yang sedang kita perhatikan dan kita teliti. Salah satu perkara yang kita teliti ialah penerima-penerimanya. Apakah landasan dan asas kita buat sudah pasti kita berdasarkan kajian terkini yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri. Kajian terakhir Kerajaan Negeri ialah pada tahun 2017. Kalau pada tahun 2008 asas penerima-penerima IPR ialah mereka-mereka yang berpendapatan isi rumah RM1500 dan ke bawah. Namun daripada masa ke semasa kita telah meningkatkan dan kajian akhir yang dibuat pada tahun 2017 menganggap bahawa pada CAPS 1997 ataupun secara pukalnya boleh dibundarkan kepada RM2000 dan ke bawah. Dan asas itulah yang sedang kita cuba lihat keluarga-keluarga yang bakal menerima ataupun bakal menerima sumbangan daripada program IPR termasuk air percuma. Namun begitu kita sedang menilai yang lain. Sebab kalau diikut B40 di Negeri Selangor, B40 di Negeri Selangor ialah RM6,000 isi rumah dan ke bawah. Adakah kita nak ambil maksimum 6,000? Adakah kita nak ambil CAPS terakhir yang pernah dibuat sebelum ini RM2,000? Kerajaan Negeri sedang menentukan dan ia akan bergantung dengan dana yang kita ada, kemampuan yang kita ada dan juga apa yang kemampuan yang kita laksanakan. Ahli Yang Berhormat sekalian, berkenaan dengan kadar pula, saya nak sebutkan di sini sejak daripada tahun 2005 sehingga tahun 2030 sebenarnya Kerajaan Negeri sebelum ada penstrukturran dan perubahan kerajaan sepatutnya pada tahun 2018 kadar air semasa yang dinikmati oleh rakyat Negeri Selangor ialah pada kadar RM3.15 setiap meter padu ataupun RM3.15 setiap meter padu. Dan disebabkan oleh perubahan yang telah dijana pada tahun 2008 kita mengekalkan kadar RM1.39 bagi setiap meter padu dan inilah yang telah dilaksanakan oleh kerajaan ini yang sentiasa prihatin dengan rakyat. Justeru setelah beberapa tahun, kita sedang melihat kembali cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh Pihak Kementerian termasuk kepada kelompok-kelompok tertentu dan juga mereka yang di bawah kelompok B40 supaya mereka tidak terbeban dengan kadar yang telah ditetapkan. Melalui, dengan mengambil kira lima kali kenaikan takrif yang dilalui sebelum ini perjanjian Konsesi Syabas, rakyat sepatutnya dibebani dengan kadar takrif yang bernilai 227% lebih tinggi daripada nilai yang kita nikmati ataupun yang kita berikan sekarang iaitu pada kadar RM139. Apa yang perlu kerajaan buat pada waktu ini ialah melihat kadar asas ataupun modal ataupun *value* dan juga nilai setiap meter padu yang digunakan untuk pemprosesan pembersihan air dan kita akan pastikan nilai itu tidak terlalu besar dan tidak terlalu kecil kalau tidak silap saya kadar sekarang untuk pembersihan ataupun membersihkan air ialah di bawah RM2 bagi setiap meter padu. Jadi saya akan cuba memastikan dan kita akan cuba pastikan dia lebih kurang supaya ia tidak membebankan rakyat. yang kedua, air percuma. Kita sedang meneliti sama ada adakah pensejajaran air percuma ini boleh dilakukan kalau kita menaikkan takrif?

25 MAC 2019 (ISNIN)

Sudah pasti kerajaan tidak mahu menekan rakyat yang ada di dalam negeri kita dan kita akan membuat kepastian sama ada kita menahan kenaikan takrif ataupun kita mensejajarkan IPR. Kalau kita sejajarkan IPR kemungkinan kita akan kurangkan ataupun kita tahan kenaikan takrif. Kalau kita naikkan takrif, kemungkinan kita akan teruskan IPR sebagaimana yang berlaku sekarang. Ini pendirian dan pertimbangan kerajaan pada hari ini sebelum kita mendengar laporan terperinci daripada air Selangor yang sudah pasti perlu merangka pelan-pelan mereka sesuai untuk melunaskan setiap pinjaman-pinjaman dalam penstrukturran air yang telah dilakukan untuk penstrukturran air yang telah bertahan sekian lama. Dalam cadangan yang telah dikemukakan oleh Kementerian Air Tanah Dan Sumber Asli, pelarasan takrif dicadangkan agak tinggi iaitu pada kadar 50% daripada kadar sekarang. 50% daripada kadar sekarang. Dan pendirian Kerajaan Negeri menganggap ia adalah sangat tinggi dan kita sedang memberikan cadangan-cadangan baru dan juga mengemukakan takrif-takrif baru termasuk memastikan kelompok B40 tidak akan terbeban daripada penaikan takrif yang telah dicadangkan oleh Kementerian Air Tanah Dan Sumber Asli. Dan ini adalah pendirian terkini oleh Kerajaan Negeri berkenaan dengan kadar takrif dan pencejajaran air sebagaimana yang ditanyakan oleh Sungai Air Tawar. Ahli Yang Berhormat sekalian, saya juga ingin meneruskan tentang Air Tawar yang berkenaan dengan penjajaran Program TAWAS, Tabung Anak Warisan Selangor yang pada sehingga 2018 kita mempunyai 362,130 orang yang masih hidup yang masih di bawah program TAWAS. Ahli TAWAS akan menerima manfaat skim TAWAS pada umur 18 tahun dan kelompok pertama akan menerima pada tahun 2026 kerana kita mengambil pelaksanaannya pada tahun 2018. Dan mereka akan menerima 1500 dan pada waktu ini Kerajaan Negeri sedang menabung untuk memastikan 10 *batch* dalam tempoh 10 tahun itu akan menerima jumlah yang kita janjikan dan ini adalah janji yang kita akan laksanakan. Namun begitu Kerajaan Negeri sedang memikirkan bagaimana menggabungkannya dengan hadiah masuk universiti. Dalam masa yang sama Kerajaan Negeri juga sedang melihat bagaimana Ikhtisas boleh juga diberikan peluang. Kalau orang tanya kenapa masuk universiti sahaja? Kita juga ada tabung untuk Ikhtisas. Kemungkinan wang tabung yang peserta-peserta TAWAS boleh salurkan untuk dalam tempoh dua, tiga tahun sebelum kita memuktamadkan ataupun kita membuat keputusan yang sempurna terhadap perjanjian dan pertemuan kita dengan Permodalan Nasional Berhad yang dilaksanakan oleh YAWAS satu agensi dan **ARAI NSB** ataupun **RANTAIAN MSB** yang bergabung sekarang di bawah YAWAS untuk pelaksanaan program-program TAWAS supaya anak-anak Negeri Selangor terbela dan apa yang kita janjikan pada tahun 2018 dahulu dapat dilaksanakan. TAWAS kita akan tetap laksanakan dan tunaikan setakat ini yang telah berdaftar sehingga kita dapat formula baru dan formula itu sedang dirangka oleh YAWAS dengan PNB dan paling tidak pada waktu ini cadangan kita yang belum dimuktamadkan ialah selaraskan dengan tabung dan hadiah masuk universiti RM1,000 ataupun dengan hadiah daripada

25 MAC 2019 (ISNIN)

Ikhtisas yang kita boleh rangkakan untuk pendidikan dan pelajaran mereka dimasa depan. Ahli Yang Berhormat sekalian berkenaan dengan air sebentar tadi selain daripada Sungai Air Tawar, Sungai Pelek juga membangkitkan bahawa subsidi air percuma 20 meter padu sebanyak RM11.40 wajar juga diberikan dan dilebarkan kepada kelompok M40. Dan sebenarnya Kerajaan Negeri merancang dalam perancangan kita ingin memberikan kepada 25 meter padu dan sebagaimana yang saya sebut dalam ucapan belanjawan yang lepas 25 meter padu ini bukan angka yang kita petik dari langit ia adalah angka purata penggunaan setiap isi rumah di Negeri Selangor. Maknanya keluarga yang bersaiz sederhana dan saiz kecil biasanya akan menggunakan di bawah 25 meter padu. Dan sebab itu kita nak membantu kelompok B40 itu dengan memberikan 25 meter padu. Jadi mereka tidak perlu membayar satu sen pun di atas penggunaan mereka. Pada waktu ini nilai RM11.40 telah berkembang menjadi RM16.55 satu bulan disebabkan oleh beberapa, erm tak 25meter padu berbanding kita akan berbelanja sorry! RM16.55 satu bulan. Golongan M40 di Negeri Selangor adalah terdiri daripada rakyat yang berpendapatan daripada RM6,180 sehingga RM12,469 satu bulan. Dan dengan cara tersebut saya kira untuk membiayai RM15–RM16 satu bulan adalah kurang bermakna kepada kelompok M40 dan sebab itu saya sebutkan daripada awal lagi ini bahawa pencejajaran ini kita tambah beberapa perkara *same power man* sebagai contoh pinjaman Hijrah yang berkembang dan sekarang mereka ada koperasi bidang pendidikan kita tambah dan RM11.40 ini akan dinikmati oleh kelompok M40 dan sebab tu, eh B40 sebab itu Kerajaan Negeri beranggapan masih lagi sesuai kelompok M40 diberikan suntikan berbeda daripada air percuma yang kita anggap boleh dibiayai oleh mereka berdasarkan kos-kos lain. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang dan juga saya nak tegaskan kembali kenapa kita perlu merujuk IPR dengan beberapa agensi-agensi yang lain sebab yang penting bagi kita adalah isi rumah. Sebelum ini sebelum tahun 2018 kita berhadapan dengan sedikit kekangan untuk akses kepada maklumat-maklum baik e-Kasih, Lembaga Hasil dan sebagainya. Kerana yang paling penting bagi kita ialah isi rumah. Bagaimana kita meneliti isi rumah? Sebelum ini penapisan dibuat oleh ketua-ketua kampung, oleh wakil-wakil rakyat dan sebagainya yang mungkin berdepan dengan akses terhad maklumat-maklumat tertentu tetapi dengan data e-Kasih yang diberikan berdasarkan kajian, pegawai-pegawai daripada ICU sendiri turun ke rumah-rumah dan premis berkenaan menilai situasi permohonan-permohonan, jadi kita mempunyai verifikasi yang lebih *accurate* ataupun lebih *detail* kepada penerima-penerima. Begitu juga dengan Lembaga Hasil. Lembaga Hasil bukan melihat gaji suami ataupun gaji isteri tapi kelihatan anak-anak yang tinggal sekali dan data-data itu juga secara tidak langsung akan membantu kita untuk memberi kepada keluarga yang memerlukan dan tidak diberikan kepada mereka yang saya rasa tidak layak menerima IPR yang sewajarnya membantu kepada kelompok-kelompok yang miskin ataupun mereka-mereka yang memerlukan sumbangan serta perkara-perkara lain. Ahli-Ahli Yang

25 MAC 2019 (ISNIN)

Berhormat sekalian. Saya ingin beralih kepada Yang Berhormat, saya ingin beralih kepada Yang Berhormat Taman Templer..

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Speaker.

TUAN SPEAKER : Sijangkag, ada sikit..

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Tuan Speaker. Sebelum Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar beralih kepada topik lain, saya nak tanya Yang Berhormat, apakah perancangan Kerajaan Negeri daripada titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang saya anggap sebagai satu teguran apabila melihat kadar penggunaan air rakyat di Negeri Selangor ini lebih tinggi daripada negeri, penggunaan oleh rakyat di negeri-negeri yang lain. Terima kasih.

Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih Yang Berhormat Sijangkang. Saya kira ini adalah perkara yang sangat panjang kita bincangkan. Sebelum ini pun ketika Sijangkang dalam Kerajaan dan sebagainya bagaimana berdepan dengan pembaziran air dan yang kedua bagaimana mengatasi isu seperti *non-revenue water*. Untuk *non-revenue water* ataupun angka air yang tidak terhitung kita telah mempunyai perancangan melalui air Selangor untuk menukar paip-paip. Tetapi untuk penggunaan dan pembaziran air, saya kira kita perlu merangka program-program kempen yang lebih bersepada. Sebelum ini kempen jimat air telah dilaksanakan namun kesannya masih lagi tidak, tidak memberi kesan dan sebahagian daripadanya adalah kerana adanya program-program seperti air percuma yang orang anggap ia diberikan secara percuma dan orang kurang menghargai dan mungkin sebab takrif juga yang tidak begitu tinggi. Ya, kita sedang menilai bukan bererti kita nak naikkan takrif ini akan sekali gus mendidik mereka ya. Itu bukan sikap Kerajaan tetapi Kerajaan juga akan menyalurkan terhadap maklumat-maklumat dan kempen yang lebih tegas kepada masyarakat dan kepada rakyat di dalam negeri supaya mereka dapat menggunakan air dengan cara berhemah dan tadi pun pertemuan himpunan pagi kita, kita bercakap tentang air untuk semua. Bukan bererti kita boleh bagikan kepada semua dengan kos yang tidak tertahan dan tertanggung dengan kos yang besar dan sebagainya tetapi bagaimana kita menjaga air sungai kita. Bagaimana bekalan-bekalan air ini dapat kita elakkan daripada dicemari dan sebagainya yang sekali gus saya percaya mampu untuk mengatasi berkenaan tentang isu air dan pembaziran air.

Kadar penggunaan kita adalah lebih tinggi daripada Singapura. 250 meter padu sehari berbanding dengan Singapura 226 sebagai contohnya dan ini adalah usaha-usaha berterusan yang perlu dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Negeri bagi memastikan penggunaan air dapat menepati kepada mereka yang memerlukan dan sekali gus dapat mengelakkan pembaziran air yang berleluasa.

Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian. Kita mengambil maklum cadangan yang telah dikemukakan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Minta penjelasan.

TUAN SPEAKER : Banting.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Berkenaan dengan takrif air ini, saya, kami mengambil langkah, kami menyambut baik bahawa ini adalah salah satu strategi yang penting untuk mengurangkan pembaziran air di mana ianya hanya boleh kadangkala hanya boleh ataupun boleh di kawal dengan memastikan orang ramai akan merasa lebih menghargai air ini sebagai satu sumber semula jadi cuma apa yang kita rasa selalu terkilan ialah bila di dalam Dewan ini ada cadangan untuk bersetuju bahawa takrif air ini perlu di selaras kerana mungkin ia terlalu murah dan kita hendak mengurangkan pembaziran dan mereka nampaknya ada puak-puak yang bersetuju tapi di luar Dewan semasa Pilihan raya semasa kempen-kempen dan sebagainya perkara ini pula di politikkan, dijadikan isu oleh orang yang bersetuju untuk menyerang balik Kerajaan, kononnya kita tidak prihatin dan kita tidak menjaga kebijakan rakyat. Jadi apakah strategi yang ada pada ataupun *message* daripada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk membala hujah-hujah yang pada pendapat saya merupakan satu hujah hipokrit.

Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih, saya kira Dewan ini merupakan platform terbaik untuk kita bincangkan secara rasional dan ia menjadi tugas pulak Kerajaan untuk menjelaskan kepada Dewan dan malahan sebahagian daripada argumentasi mereka itu adalah argumentasi daripada senior-senior mereka sebelum ini. Air percuma galakan pembaziran dan bila kita dapat ada kebenaran kita sedang pinda dan rangka balik. So hipokrasi politik ini saya tidak perlu risau yang pentingnya kita istiqamah menjelaskan kepada rakyat dan insyaAllah istiqamah itu akan diberikan ganjaran yang baik dan juga diberikan kemenangan yang berterusan kepada usaha Pakatan Harapan, In syaa Allah di negeri Selangor. Banting.

Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian. Saya ingin memberikan maklum balas ya tadi selain daripada Sijangkang, Sungai Panjang juga membangkitkan tentang penggunaan air. Faktanya penggunaan domestik di negeri Selangor dianggarkan kira-kira 250 liter per orang per hari. Sebagaimana saya sebut tadi. 250 liter ya dan kadar per kapita nasional sebanyak 226 liter per orang per hari dan jauh lebih rendah, lebih tinggi daripada kadar purata penggunaan air di Singapura iaitu 170 liter per orang per hari dan usaha-usaha yang boleh dijalankan bagi mengurangkannya sehingga sekiranya jumlah ini dapat diturunkan sekitar 20 peratus ia boleh menyumbang kepada penjimatan air bersih yang dianggarkan sebanyak 850 juta liter per hari pada tahun 2020 daripada jumlah permintaan air sedia ada. Penekanan supaya rakyat sebagai pengguna air di Selangor, Wilayah Persekutuan dan Kuala Lumpur cermat dalam menggunakan air bukanlah untuk menyekat kebebasan rakyat dalam menggunakan air tetapi ia adalah bertujuan untuk memupuk sifat jimat cermat memandangkan setiap sen yang dibelanjakan dalam usaha untuk mempertingkatkan industri perkhidmatan air ini

25 MAC 2019 (ISNIN)

akhirnya akan diterjemahkan dalam bentuk takrif yang akan dibayar oleh rakyat jelata di dalam bil-bil bulanan mereka.

Kerajaan Negeri bersama Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. akan meneruskan kempen-kempen bagi memberi kesedaran kepada pengguna agar menggunakan air secara berhemah dan memastikan tiada unsur pembaziran dalam penggunaan harian. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri Selangor menggalakkan penggunaan pengguna melaksanakan pemasangan alat-alat penjimatan air ataupun *Water Saving Devices* yang dapat mengurangkan penggunaan air secara automatik. *Water Saving Devices* adalah termasuk dalam sistem penjimatan pancuran air, peralatan paip, sistem tandas, tangki curahan serta mesin basuh dan mesin membasuh pinggan.

Selain daripada penjimatan penggunaan air oleh pengguna, Kerajaan Negeri juga menekankan penjimatan air melalui langkah-langkah penurunan air tidak terhasil atau tidak terhitung tadi. *Non Revenue Water* yang dilaksanakan oleh Air Selangor. Kadar NRW telah dirancang untuk diturunkan ke tahap 28 peratus pada tahun 2020 dan seterusnya ke tahap 20 peratus pada tahun 2035. Daripada tahap sekarang iaitu pada kadar 31 peratus pada tahun 2017 dan sebelum tahun 2017 kadarnya ialah pada sekitar 34 sehingga 36 peratus.

Antara program NRW dan inisiatif yang dilaksanakan adalah program pengesanan kebocoran. Pengesanan kebocoran paip utama, pengawasan dan amaran awal, pembentukan zon pemeteran daerah, pembentukan kawasan imbang air, imbang air dan pengurusan tekanan air, penukaran paip komunikasi yang berselerak dan lama. Penukaran meter loji rawatan air. Pelaksanaan program pengurusan tekanan air yang sistematik. Program penukaran meter air pengguna yang lama dan rosak. Pensaizan semua meter air pengguna dan penggunaan meter mekanikal kepada meter elektromagnet.

Dan ini saya percaya isu ini memang saya setuju dengan Banting agak sensitif untuk kita bincangkan tapi demi menjamin bekalan air yang sempurna, bekalan air yang bersih. Kita terpaksa menyusun kembali subsidi air percuma, memikirkan kembali takrif dan dalam masa yang sama meneruskan program-program kempen-kempen perkhidmatan penggunaan air di samping menukar infrastruktur dan mengalih infrastruktur-infrastruktur supaya bekalan air lebih tepat dan kemas dapat disampaikan kepada rakyat di samping kita juga menawarkan beberapa perkhidmatan-perkhidmatan air kepada sektor perkilangan. Ada sebahagian sektor perkilangan memerlukan air dan bagi mereka yang berdekatan dengan sungai kita membenarkan untuk mengalirkan terus daripada sungai kepada perkilangan mereka dengan sistem rawatan dan dengan takrif dan kos yang tertentu yang akan ditetapkan oleh LUAS dan Air Selangor dan ini semua adalah usaha kita untuk memastikan air terawat itu digunakan dengan cara yang betul dan tepat yang tidak digunakan pembaziran dan tidak sepatutnya.

Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE : Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Silakan Sentosa.

Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE : Terima kasih, Tuan Speaker. Itu adalah berita baik daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk sektor perkilangan dan sebagainya. Terdapat juga kalau boleh Kerajaan Negeri boleh membuat perancangan untuk pemberian air percuma kepada rumah-rumah ibadat, masjid, surau, gereja dan kuil. Kalau boleh, bolehkah Kerajaan Negeri boleh memikirkan sesuatu perancangan untuk golongan ini, kalau boleh Yang Amat Berhormat boleh memberikan berita yang baik inilah kepada semua. Terima kasih. Sekian.

Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih. Saya mengambil maklum atas cadangan tersebut yang saya rasa telah dikemukakan oleh Sentosa ketika Belanjawan yang lepas dan ia adalah sebahagian daripada pertimbangan-pertimbangan yang kita akan letakkan dengan pencejajaran air percuma dalam program pencejajaran IPR kelak, in syaa Allah. Kalau ada lebih, ada hasil, saya percaya ia akan dapat memberikan kita boleh berikan kepada mereka yang memerlukan sebagai contoh rumah ibadat, berbanding daripada meter-meter individu yang mungkin penggunaannya sedikit sebanyak akan memberi kesan kepada masyarakat dan rakyat dan bekalan air dalam jangka panjang kepada negeri dan negara kita.

Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian. Saya ingin memberikan maklum balas kepada Taman Templer ya seterusnya berkenaan dengan status bangunan Mahkamah Rendah Syariah daerah Gombak yang masih tidak digunakan walaupun telah siap. Yang Berhormat Taman Templer ada membangkitkan tentang status bangunan Mahkamah Rendah Syariah daerah Gombak yang masih tidak digunakan sedangkan telah siap hampir setahun. Untuk makluman Yang Berhormat, bangunan Mahkamah Rendah Syariah daerah Gombak telah dibina pada 7 Julai 2011 dan telah siap pada 12 Disember 2017. Namun sebelum proses penyerahan dibuat kepada Kerajaan Negeri maka satu lawatan pemeriksaan dan penilaian kerosakan bagi bangunan Mahkamah Rendah Syariah daerah Gombak oleh JKR telah diadakan pada 10 Oktober 2018 yang turut dihadiri oleh Unit Perancang Ekonomi sebagai wakil Kerajaan Negeri bagi tujuan penerimaan bangunan Mahkamah Rendah Syariah Gombak. Hasil pemeriksaan mendapati pembinaan paip air dan paip air bekalan utama Air Selangor belum dibina. Justeru UPEN pada 21 November 2018 telah mengadakan satu mesyuarat bagi membincangkan isu berkenaan dengan pihak pemaju. Mesyuarat telah memutuskan supaya pihak Amanah Raya Development Sdn. Bhd., ARDSB selaku pemaju mematuhi arahan yang telah dikeluarkan oleh pihak Air Selangor iaitu membina paip sejaух 1,200 meter dari bangunan MRS Gombak. Dalam hal ini, Amanah Raya Development Sdn. Bhd., menerusi surat yang diterima pada 14 Februari 2019, telah memaklumkan persetujuan untuk membina saluran paip di *tapping point* seperti yang diarahkan oleh Air Selangor.

Pada ketika ini, Amanah Raya Development Sdn. Bhd., sedang dalam proses penyediaan dokumen untuk dikemukakan kepada Air Selangor akan disusuli dengan pelantikan kontraktor bagi maksud pembinaan saluran paip berkenaan dan memastikan

25 MAC 2019 (ISNIN)

bekalan air juga dapat disalurkan kepada pihak Mahkamah Rendah Syariah daerah Gombak.

Selain itu, ada maklumat tambahan yang ingin saya kongsikan di sini bangunan itu terdiri daripada satu blok bangunan dan dua tingkat yang mengandungi bilik dewan bicara, bilik hadanah, bilik mesyuarat, perbincangan awam dan sebagainya. Sebab masih belum diduduki ialah kerana bangunan Mahkamah Rendah Syariah daerah Gombak ini bersebelahan dengan Kompleks Islam di bawah Jabatan Agama Islam yang merupakan projek seliaan JKR. Pada awalnya Amanah Raya Development Sdn. Bhd., dimaklumkan oleh pihak Selangor bahawa *tapping point* boleh dibuat terus kepada paip retikulasi bahagian Kompleks Islam yang bersebelahan di mana jaraknya adalah kurang daripada 50 meter. Namun begitu bagi mengelakkan isu tekanan air yang rendah di Mahkamah Rendah pihak Air Selangor telah mengeluarkan arahan supaya *tapping* itu dibuat pada jarak 1,200 dan ini adalah untuk memastikan bekalan air yang lebih sempurna dapat disalurkan di Mahkamah Rendah Syariah Gombak.

Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian. Saya juga ingin memberikan maklum balas kepada isu yang telah dibangkitkan oleh, isu yang telah dibangkitkan oleh banyak sangat ni ya (ketawa). Isu yang telah dibangkitkan oleh Bukit Gasing ya berkenaan dengan cukai petak bagi kediaman strata *Service Apartment* yang lebih tinggi.

Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Gasing, mengikut garis Panduan Perancangan Pembangunan Pangsapuri Perkhidmatan *Service Apartment* yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Bilangan 30/2010 yang telah disahkan oleh MMKN pada Bilangan Ke 31/2010 dan Mesyuarat Perancangan Negeri Bilangan 3/2010 iaitu pada 22 Jun 2010 menjelaskan konsep pembinaan *Service Apartment* adalah merupakan kediaman yang disediakan untuk disewa oleh pelancong dan expertariat bagi tempoh jangka masa yang pendek dan sebagai alternatif kepada hotel. Garis panduan ini juga mendefinisikan pangsapuri perkhidmatan or *Service Apartment* adalah satu konsep pembangunan komersial yang bercirikan kediaman yang disediakan dengan pakej-pakej perkhidmatan tertentu bagi setiap unit. Ini jelas menunjukkan bahawa pembangunan ini adalah menjurus kepada komersial dan perniagaan dan bagi meningkatkan keuntungan.

Bagi cukai petak pangsapuri perkhidmatan, hak milik yang dikeluarkan adalah berdasarkan syarat nyata tanah perniagaan. Semua permohonan pembangunan berstrata bagi pangsapuri perkhidmatan adalah di bawah syarat nyata tanah perniagaan. Oleh yang demikian, cukai petak yang dikenakan haruslah mengikut syarat nyata tanah Pekeliling PTGS Bilangan 4/98 iaitu Penyeragaman Syarat Nyata Tanah dan Sekatan Kepentingan yang terkandung dalam dokumen hak milik yang menyatakan pembangunan pangsapuri perkhidmatan adalah di bawah tujuan perniagaan ataupun komersial. Ini berbeza dengan pembangunan di bawah tujuan rumah pangsa, *apartment* ataupun pangsapuri yang sebahagian besar dimiliki oleh

25 MAC 2019 (ISNIN)

golongan B40 di mana cukai yang dikenakan adalah di bawah syarat kategori kediaman dan lebih murah berbanding syarat nyata tanah perniagaan. Pembangunan seperti ini adalah 100 peratus kediaman dan tiada tujuan perniagaan ataupun komersial wujud di dalam pembangunan sedemikian.

Berkenaan cukai petak hak milik strata di Negeri Selangor dilaksanakan adalah secara jelas merujuk kepada Perenggan 8 Seksyen 23(c) Akta Hak milik Strata 2016. Akta 1518 di mana cukai bagi petak hak milik strata atau blok sementara hak milik strata hendaklah dikira berdasarkan kadar meter persegi bagi setiap petak atau petak dalam petak aksesori atau blok sementara. Berdasarkan seksyen tersebut Kerajaan Negeri telah mengenal pasti wujud peningkatan cukai yang amat mendadak sekiranya cukai petak ini dilaksanakan. Justeru Kerajaan Negeri telah bersetuju melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, 7 Februari 2018 dengan menetapkan bagi Pembangunan Skim Strata berstatus kos rendah kadar cukai petaknya adalah 70% daripada kadar cukai tanah mengikut kaedah-kaedah tanah Selangor 2003 dengan bayaran kadar minimum tertentu. Sebagai contoh bagi Daerah Petaling, kadar minimum ialah RM16.00 bagi kategori kediaman dan RM32.00 bagi kategori perniagaan. Bagi pembangunan berstrata kos rendah, kadar cukai petak adalah 25% daripada kadar cukai tanah mengikut kaedah-kaedah tanah Selangor 2003 dengan bayaran kadar minimum tertentu. Contohnya Daerah Petaling ialah RM40.00 bagi kategori kediaman dan RM80.00 bagi kategori perniagaan. Jadi status dan juga kondisi kawasan itu sedikit sebanyak telah memberikan kesan langsung terhadap nilai cukai petak yang dibangkitkan oleh Bukit Gasing.

TUAN SPEAKER: Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Terima kasih Speaker.

Yang Amat Berhormat, saya rasa penjelasan ini tidak sesuai pada tahun 2019. *It do respect*, ini adalah kerana pangsapuri servis telah menjadi *mainstream* jenis perniagaan, bukan macam yang disebutkan tadi untuk tujuan penggantian hotel. Kita juga telah membuat Pangsapuri Servis Selangorku di mana pemaju kena membuat 30% rumah mampu milik untuk pangsapuri servis. Ini jelas menunjukkan pangsapuri servis menjadi *component* kediaman yang cukup penting. Jadi saya harap, kadar yang dikenakan RM3.30 setiap meter persegi untuk pangsapuri servis yang 10 kali ganda lebih tinggi daripada rumah banglo. Rumah banglo hanya RM0.33 satu meter persegi. Saya harap kadar untuk servis apartmen ini dapat dikaji semula. Sistem cukai petak cukup cantik, itu memang satu pendekatan yang cukup bagus tetapi kadar dia RM3.30 satu meter persegi berbanding rumah banglo RM0.33 saya rasa cukup tidak adil. Rumah RM2 juta di Petaling Jaya hanya bayar mengikut kadar RM0.33 satu meter

persegi. Tapi rumah pangsapuri servis yang bernilai RM500,000.00 dia kena bayar mengikut kadar RM3.30 satu meter persegi.

Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Ikut jawapan Pegawai Kewangan, kita naikkan cukai rumah banglo. Jadi kadar sewanya (gelak).

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Kalau Kerajaan Negeri buat cara itu, satu hal. Tapi janji kena adillah. Saya rasa naik cukai kurang cukai tu, Kerajaan Negeri boleh cadangkan. Itu terpulang, kita boleh lihat apa yang Kerajaan Negeri cadangkan tetapi kalau kadar banglo 10 kali lebih rendah daripada kadar pangsapuri servis. Saya rasa itu satu ketidakadilan dan kita mesti membangunkan negeri ini dengan cara yang adil. Saya tau duit tu perlu. Dengan cara adil.

Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Terima kasih Bukit Gasing atas ingatan itu, sudah pasti kita akan menilai. Baiklah kita akan cari titik tengahnya nanti, membandingkan dikotomi yang terlalu besar ataupun jurang yang agak besar di antara apartmen dan servis apartmen dengan rumah-rumah *landed property* ataupun bangunan seperti kediaman semi-d ataupun *detach house* ataupun banglo yang telah ada di Negeri Selangor selama ini. Mungkin ada kenaikan mungkin ada pengurangan, saya serahkan kepada pihak Kerajaan Negeri supaya dikotomi atau jurang yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi itu tidak terlalu tinggi dan ada unsur ketidakadilan dan saya kira ini adalah sebahagian daripada realiti kehidupan bandar yang kita kena terima dan Kerajaan Negeri bersedia untuk merangka dan membuat keputusan yang terbaik termasuk apabila Sungai Pelek mencadangkan agar kita menurunkan syiling untuk pemilikan rumah bagi warga asing dalam Negeri Selangor. Dan ini juga memang rungutan-rungutan normal yang saya hadapi di bawah. Tetapi pada pertimbangan Kerajaan Negeri sebagai contoh, bila kita lihat kadar tukaran *exchange* yang ada dalam negeri kita dan negara kita dengan pemilik-pemilik asing. Nilai ringgit dan *dollar* yang agak tinggi, nilai ringgit dengan euro dan juga *pound* yang agak tinggi dan nilai yang kita letakkan syiling RM2 juta itu sebenarnya masih lagi munasabah untuk pemilikan asing dan bagi kita ia belum lagi sesuai untuk kita pertimbangkan untuk penilaian kerana paling tidak kerajaan berpendirian untuk *protect* kepentingan-kepentingan rakyat dan juga pastikan rakyat tidak terbeban ataupun rakyat, rumah-rumah yang dimiliki ini akhirnya akan dimiliki oleh bukan warganegara dan menimbulkan keresahan-keresahan normal yang berlaku melibatkan imigran ataupun warga asing, bukannya imigran. Mereka ini berdaftar, mereka ini mungkin peniaga, mereka ini mungkin ekspatriat, sebab itu kerajaan sentiasa mempertahankan nasib warga dan rakyatnya dan sebarang polisi yang dibuat itu melihat kepada keadaan dan kedudukan struktur ekonomi. Sebab itu Selangor sebagai sebuah negeri paling maju meletakkan RM2 juta, berdasarkan keadaan kondisi ekonomi, berdasarkan daripada *exchange* dan tukaran *rate* yang ada

dan yang kedua pastinya yang paling utama adalah untuk *protect* kepentingan dan juga keutamaan masyarakat dan pasti boleh dijual.

Ahli Yang Berhormat sekalian, saya nak bergerak kepada Ahli Dewan Negeri Gombak Setia yang membangkitkan tentang isu pelupusan sampah, apakah status tindakan terkini di atas tapak yang dijadikan pusat pelupusan sampah.

1. Tapak pelupusan sampah haram di sekitar Sungai Pusu
2. Tapak pelupusan sampah haram di sekitar belakang Masjid Zakaria.

Untuk makluman, pihak Pejabat Tanah dan Daerah Gombak ada menerima aduan yang berkaitan tanah-tanah individu yang dijadikan tapak pelupusan sampah yang beroperasi secara tidak sah. Pejabat Tanah Daerah Gombak sentiasa bersama-sama pihak berkuasa tempatan bagi memastikan tindakan dan pemantauan berterusan diambil ke atas isu ini. Bagi pertanyaan tersebut, antara langkah yang diambil oleh Pejabat Daerah dan Tanah Gombak adalah: -

1. Bagi isu tapak pelupusan sampah haram di sekitar Sungai Pusu, Unit Penguat Kuasa Pejabat Daerah dan Tanah Gombak mengenal pasti beberapa lot-lot tanah individu yang dijadikan tapak pelupusan sampah. Unit Penguat Kuasa Pejabat Tanah telah mengeluarkan notis 7(a) atau notis berhubung pelanggaran syarat tanah yang diperuntukkan di bawah Seksyen 128 Kanun Tanah Negara dan semakan mendapati tempoh notis yang diberikan untuk memulihara semula tanah tersebut telah tamat. Seterusnya Unit Penguat Kuasa Pejabat Tanah akan meneruskan tindakan dengan mengeluarkan notis 7(b) seperti yang diperuntukkan mengikut Seksyen 129 Kanun Tanah Negara di mana pemilik-pemilik tanah akan dipanggil untuk siasatan menjelaskan sebab musabab tanah-tanah tersebut tidak boleh dirampas dan dilucutkan hak seterusnya menjadi hak kerajaan. Maknanya kita daripada 7(a) dah bergerak ke 7(b) dan selepas ini kalau penjelasan mereka tidak jelas ataupun gagal memberikan penjelasan yang munasabah, tujuan terakhirnya adalah rampasan tanah-tanah yang telah melanggar syarat-syarat yang telah ditetapkan.
2. Bagi tapak pelupusan sampah di kawasan belakang Masjid Zakaria, Unit Penguat Kuasa Pejabat Tanah Daerah sentiasa mengadakan rondaan berkala dan sedang mengenal pasti pemilik-pemilik tanah bagi tujuan pengeluaran notis 7(e) kepada pemilik tanah. Tujuan notis 7(e) dikeluarkan adalah supaya pemilik tanah menunjukkan sebab mengapa suatu denda tidak dikenakan berkenaan dengan pelanggaran-pelanggaran syarat tanah. Ia masih lagi dalam perhatian dan juga di dalam tindakan seterusnya oleh pihak pejabat tanah, jadi kalau ada maklumat-maklumat terkini khususnya oleh Yang Berhormat ADUN dan juga masyarakat persekitaran, saya harap ia boleh disampaikan dan diangkat

ataupun dibawa kepada pengetahuan Pejabat Tanah dan Daerah Gombak dan memang isu pembuangan sampah haram ini antara kawasan yang kritikalnya adalah di kawasan Gombak termasuk di kawasan saya sendiri dan kita akan terus berdepan dan melawan dengan batas-batas undang-undang yang sedia ada dan saya kira aplikasi yang sama juga digunakan untuk mengatasi plastik-plastik haram ataupun tinggalan-tinggalan kilang haram ini yang kita gunakan. Namun, Kerajaan Negeri berdasarkan pengalaman yang lepas kita perlu memberikan masa dan tempoh yang bersesuaian kerana ada kes-kes tadi ataupun kes-kes yang pernah kita lalui sebelum ini, kita kalah di mahkamah kerana masa yang diberikan itu terlalu pendek tetapi kali ini kita akan bagikan masa yang secukupnya tetapi *ultimate* apabila mereka gagal ialah rampasan tanah dan sebagainya. Itu tidak termasuk memulihkan tanah terutama apabila rampasan-rampasan dibuat, Kerajaan Negeri sudah pasti akan meminta pihak-pihak berkuasa tempatan untuk memulihkan tanah yang pasti akan memakan kos tertentu ataupun melibatkan pihak Worldwide Holding yang terlibat secara langsung dengan pengurusan kawasan pelupusan sampah sebelum ini untuk membantu proses-proses remedai tanah dan sebagainya.

Ahli Yang Berhormat sekalian, sudah pasti dalam Dewan ini kita menjunjung kasih di atas titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku terhadap pembinaan serta keadaan maahad-maahad dan sekolah-sekolah tahfiz di Negeri Selangor. Sebenarnya dalam tempoh dua tahun kebelakangan, sebelum tahun 2019 bermula daripada tahun 2017 Kerajaan Negeri sememangnya telah berusaha untuk mendaftarkan sekolah-sekolah tahfiz khususnya tahfiz-tahfiz swasta ataupun tahfiz-tahfiz bukan milik kerajaan yang berada di Negeri Selangor supaya berdaftar dan dipertingkatkan kualiti dan kehidupan mereka. Sebab itu pada waktu ini Kerajaan Negeri telah mendaftarkan lebih daripada 200 maahad-maahad tahfiz dan juga kita daripada senarai 300 dan daripada rekod kita setakat ini hanya 14 buah tahfiz telah dikenal pasti tidak berdaftar dengan Jabatan Agama Islam. Jadi kalau nak dapat angkanya 14 inilah yang berdepan risiko penutupan kerana mereka telah diberikan ruang secukupnya, malahan Kerajaan negeri telah berkomunikasi bekerjasama rapat dengan Persatuan Maahad-maahad Tahfiz Negeri Selangor di bawah PITAS di bawah PU Hafiz untuk sama-sama mendaftarkan maahad-maahad tahfiz ini. Bukan itu saja, kita juga bekerjasama dengan Jabatan Kesihatan, kita bekerjasama dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat, kita juga bekerjasama dengan pihak-pihak berkuasa tempatan. Untuk apa, untuk memastikan premis dan bangunan maahad-maahad tahfiz ini berada dalam keadaan dan kondisi yang sesuai dan apabila ia sesuai, selamat, ada tempat retifikasi pembakaran, ada tempat untuk mengelakkan masalah-masalahnya, kita dapat benarkan mereka beroperasi dengan baik.

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN: Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar, cuma kalau boleh kita nak tahu apa punca sebabnya maahad-maahad tahfiz yang disebutkan tadi oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tak muh berdaftar

25 MAC 2019 (ISNIN)

dengan Jabatan Agama Islam Negeri Selangor ataupun berdaftar dengan Kerajaan Negeri, mesti ada sebab ataupun punca mereka ini tidak mahu berdaftar dengan pihak Kerajaan Negeri. Terima kasih.

Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Kurang pasti, namun kalau daripada *track* rekod yang kita ada banyak peraturan-peraturan yang mereka gagal untuk penuhi. Ada sebahagian daripada mereka itu beroperasi di bangunan-bangunan di tanah dan di premis yang tidak sah dan sebagainya dan pihak Kerajaan Negeri dah bagi ruang 2 tahun, kita bagi ruang bukan pendek dan kita benarkan melalui mereka yang terlibat langsung dengan maahad-maahad tahfiz ini dan secara tidak langsung kita dah bagi kesempatan malahan pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat, pihak berkuasa tempatan di dalam Negeri Selangor memberikan kerjasama yang sepenuhnya dalam mesyuarat penyelaras-an penyelaras-an yang dilakukan. Mungkin mereka bimbang kerana ada sebahagian daripada tenaga-tenaga pengajar yang dibawa itu, adalah warga bukan warganegara ada keterlibatan mungkin imigresen dan sebagainya dan inilah yang kita bimbang dan takuti kerana kita mahu anak-anak kita menjadi *huffaz*, sudah pasti dan Negeri Selangor merupakan antara negeri yang paling ramai pelajar-pelajar *huffaz* ataupun tahfiz tapi kita nak juga jaga standard dan kualiti supaya mereka dapat diberikan suasana pembelajaran yang baik.

Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM: Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Sila Gombak Setia.

Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM: Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar di atas jawapan itu tadi. Saya tertarik dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Taman Templer dan juga jawapan yang diberikan oleh Dato' Menteri Besar, yang mana antara sebab lain mereka tak mahu berdaftar dengan JAIS ini adalah kerana mereka menduduki kawasan tersebut secara haram termasuk tidak *comply* dengan beberapa undang-undang yang kita sediakan. Ini juga yang saya ingin bangkitkan sebab tadi saya ingat Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar tertinggal untuk menjawab satu persoalan yang saya bangkitkan berhubung tanah haram tadi, sampah haram iaitu soal penguatkuasaan. Sebab saya ingat penguatkuasaan di Negeri Selangor ini, kita sering diberikan gambaran bahawa ada kelemahan yang sangat besar dalam soal penguatkuasaan yang kita nak lakukan dan kadangkala kita tidak dilihat tegas dalam usaha untuk memastikan kejadian-kejadian ini tidak berlaku. Sebab itu saya beri contoh yang begitu jelas dalam perbahasan saya sebelum ini, misalnya dalam soal penguatkuasaan tanah-tanah haram ini di Pejabat Daerah Gombak, kita punya penguat kuasa hanya ada 29 orang untuk menjaga kawasan yang begitu besar dan ini juga yang saya ingat berlaku juga dalam isu-isu seperti maahad tahfiz ini, di mana ada banyak bangunan-bangunan maahad tahfiz yang juga dibina di atas kawasan-kawasan tanah haram dan juga tanah-tanah kerajaan tetapi mereka tidak

25 MAC 2019 (ISNIN)

memberikan maklum yang jelas kepada kerajaan ataupun memohon izin daripada kerajaan untuk membangunkan pembangunan tersebut. Terima kasih.

Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih. Berkenaan dengan penguatkuasaan sudah pasti kita perlukan kerjasama sebab itu di antara mesej penting saya ketika bertemu dengan penjawat awam pagi tadi dalam Perhimpunan Penjawat Awam ialah bagaimana komunikasi antara jabatan dan agensi. Kita mempunyai agensi seperti penguatkuasaan tanah tetapi banyak juga urusan-urusan yang melibatkan tanah, perlanggaran syarat itu melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan dan ada sebahagiannya bila melibatkan jenayah kriminal sudah pastinya melibatkan Polis. Kalau ia melibatkan warga asing, ia akan melibatkan pihak Imigresen. Dengan jabatan-jabatan bersepada ini saya percaya kita boleh mengatasi persoalan ini. Namun begitu, kita juga sedang fikirkan bagaimana cara dan kaedah supaya Unit Khas yang akan dapat dibentuk, kita lihat kesesuaianya dan juga jaraknya, dekat mana lokasinya dia hendak duduk, di mana Unit Khas Kawalan Negeri ini akan berupaya mengatasi dan juga membuat proses-proses penguatkuasaan terhadap salah laku dan tindakan-tindakan di luar batas-batas peraturan dan undang-undang sedia ada di bawah kelolaan hal kuasa Kerajaan Negeri sama ada melibatkan agama ataupun ia melibatkan urusan-urusan tanah dan Pihak Berkuasa Tempatan. Kita cuba menyelaraskan dan mengelolakan mungkin ada beberapa cadangan-cadangan yang sebelum ini ditimbulkan antaranya mendaftarkan pihak penguat kuasa-penguat kuasa di pihak majlis tempatan kita sebagai polis bantuan. Itu pernah kita cadangkan sebelum ini untuk menangani masalah bersama jenayah dan ada sedikit kuasa. Itu pernah kita cadangkan pada tahun 2009 – 2010 tapi pada waktu itu langsung tidak dipandang mungkin kerana perbezaan kerajaan dan saya rasa kita boleh kemukakan semula cadangan tersebut di mana ada kuasa yang lebih di pihak penguat kuasa kita untuk mengambil tindakan-tindakan selanjutnya termasuk di LUAS, di Lembaga Urus Air Selangor, permohonan mereka tapi batas-batas tertentu kita terpaksa berikan ruanglah. Mereka tidak boleh memegang senjata walaupun ada baju penguat kuasa dan sebagainya, mereka ada kad kuasa sebab ada batas-batas undang-undang yang terpaksa kita patuhi selaku penjawat awam dalam negeri kita. Batas-batas ini saya kira tidak menghalang tapi memang jelas penguatkuasaan berada dalam keadaan yang kurang gigi dan taring dan saya percaya kita perlu membuat sedikit perubahan dari segi ini untuk memastikan kita dapat menangani masalah-masalah seperti pencemaran, perlanggaran-perlanggaran status yang berkaitan dengan Kerajaan Negeri Selangor. Kita sedang merancang malahan ini adalah sebahagian saya boleh katakan titah dan cadangan daripada Duli Yang Maha Mulia Tuanku di dalam pertemuan-pertemuan untuk memastikan penguatkuasaan-penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan di Negeri Selangor. Terima kasih, kita ambil maklum cadangan daripada pihak Gombak Setia sebentar tadi.

Ahli Yang Berhormat sekalian, dalam rekod kita pada tahun 2018 kita sudah menutup satu maahad tahliz, kita sudah menutup kerana mereka tidak dapat memenuhi syarat. Berapa orang yang terlibat? Sebanyak 25 orang murid sahaja terlibat dan ada dua orang guru pula yang telah terlibat, setakat ini yang kita tutup. Jadi, kalau saya dengar daripada Hlu Bernam, saya dengar pandangan Ketua Pembangkang di luar sepatutnya

25 MAC 2019 (ISNIN)

Kerajaan Negeri membantu, sudah banyak kita bantu, kita selaraskan semenjak daripada 2017 dan sudah banyak kita bantu bagi ruangan dan Kerajaan Negeri menyokong aktiviti dan program-program tahniz dalam Negeri Selangor. Dan, *Alhamdulillah* buktinya sudah ada. Semalam ataupun berapa hari lepas ketika Majlis Tilawah Al-Quran Negeri Selangor...Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan, Negeri Selangor telah diumumkan sebagai juara keseluruhan Tilawah Al-Quran dan Hafazan Peringkat Kebangsaan kerana kita telah memenangi bagi kategori Qari dan juga kita telah memenangi tempat kedua bagi kategori Qariah dan orangnya daripada Kuala Langat. Dan, malahan juara yang menang itu juga berasal daripada Kuala Langat cuma beliau belajar di Negeri Sembilan dan mewakili Negeri Sembilan. Walaupun dia menang Negeri Sembilan tapi sebenarnya datang daripada Negeri Selangor. Bagi hafazan pula, untuk kategori 1 hingga 10 juzuk, untuk kategori Qari kita telah menang sebagai juara bagi kategori laki-laki. Untuk 1 hingga 20 kategori laki-laki kalau tidak silap saya kita juga telah menang tapi 1 hingga 30 kita tidak menang apa-apa. Bagi kategori Qariah, 1 hingga 20 juzuk juga dimenangi oleh Negeri Selangor dan 1 hingga 20 juzuk kita mendapat naib johan. Dan keseluruhan bagi kategori hafaz dan tilawah, Negeri Selangor menjadi juara keseluruhan bagi Tilawah Al-Quran. Ini saya sebutkan bahawa Negeri Selangor cuba ingin menuju kepada keseimbangan di mana di saat kita mencapai kejayaan dan kegemilangan dan kejayaan yang besar dalam bidang pelaburan, mencatatkan keputusan yang memberangsangkan dalam bidang sukan, dalam bidang perkhidmatan dan sebagainya, kita masih lagi menjadi juara juga dalam bidang Tilawah Al-Quran dan Pembangunan Islam. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Silakan Yang Berhormat Sijangkang.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Tuan Speaker. Pertamanya saya hendak ucapkan terima kasih dan tahniah kepada Kerajaan Negeri yang selalu berada di hadapan kalau hendak dibandingkan dengan negeri lain dalam soal pembangunan termasuklah soal pembangunan pendidikan. Kalau sebelum ini Negeri Selangor juga dibandingkan dengan negeri yang lain KAFA juga kalau di negeri lain secara tradisinya KAFA hanya dua atau tiga hari seminggu, Selangor macam sekolah rendah agama. Kemudian KAFA menengah yang saya kira dibincangkan di peringkat pusat dan Negeri Selangor turut memulakan. Dalam isu berkaitan dengan sekolah tahniz ini, adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membangunkan Maahad Tahfiz Vokasional yang saya kira dibincangkan di peringkat pusat juga dan saya kira mungkin boleh diisi di atas kelompongan penutupan sekolah-sekolah tahniz yang sedia ada yang mungkin ini yang antara anak-anak kita yang tidak mungkin baik pada sudut akademiknya tetapi mereka atau ibu bapa mereka minat dalam bidang tahniz dan anak-anak ini juga mempunyai keupayaan untuk keterampilan dalam bidang vokasional. Terima kasih.

Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih daripada Yang Berhormat Sijangkang sebentar tadi yang saya kira kita telah buktikan beberapa perkembangan itu dan saya sedia mengambil maklum dan mencatatkan di sini cadangan yang telah dikemukakan oleh pihak Sijangkang sebentar tadi kerana ia juga menepati dengan cita-cita dan hasrat Kerajaan Negeri untuk memperkasakan khususnya bahagian ataupun

25 MAC 2019 (ISNIN)

bidang latihan teknikal dan vokasional dan dalam masa yang sama sebenarnya memang ini cadangan Kerajaan Negeri melaksanakan program-program tambahan kepada graduan-graduan tahniz ataupun kepada para hufaz ini. Di antara yang kita akan laksanakan bermula daripada Mac ini, bermula daripada tanggal Mac ini apa yang kita buat ialah kita akan membuat program *Fast Track SPM* kepada pelajar-pelajar graduan tahniz dan kita anggarkan sekitar 245 hingga 300 orang yang akan terlibat dengan program ini dan ia melibatkan 56 guru dan ia melibatkan peruntukan berjumlah RM1.94 juta untuk pelajar-pelajar tahniz yang dikelolakan oleh Jabatan Agama Islam dan kita akan laksanakan di sekolah-sekolah agama milik Kerajaan Negeri sebagai contoh di Sungai Manggis, di Sungai Kantan, di Taman Keramat, di Saujana Utama, di Batu Belah, di Bandar Kinrara dan Seksyen 7 dan kita akan menawarkan pendidikan Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Sejarah, Pendidikan Islam, Bahasa Arab dan Tasawuf Islam kepada graduan-graduan tahniz untuk mereka memperoleh SPM dan dengan SPM yang mereka perolehi ini mereka boleh melanjutkan pendidikan dalam bidang lain sebagai contoh teknikal dan vokasional yang dicadangkan tadi dan juga termasuk dalam memasuki universiti ataupun pengajian-pengajian lain. Dan inilah menunjukkan bagaimana komitmen yang jelas pihak Kerajaan Pakatan Harapan terhadap pembangunan masyarakat Islam dalam negeri kita bukan hanya soal membina masjid, mengimarahkan masjid, melaksanakan program-program pengimarahsan masjid tetapi turut memastikan bidang pendidikan Islam sebagai contoh maahad tahniz juga dikelola dan kita sedia untuk mempertimbangkan tentang cadangan maahad tahniz teknikal dan vokasional di masa depan kerana kita menganggap biarlah hufaz-hufaz ini tidak hanya tersangkut menjadi seorang hufaz ataupun tahniz tetapi dalam masa yang sama mereka mampu untuk memasuki bidang lain dan bidang-bidang yang tersebut. Dan ini juga yang kita telah kita ketengahkan kepada pelajar-pelajar timur tengah. Bila kita sampai bertemu dengan pelajar-pelajar timur tengah, kita juga beritahu ‘tolong fikirkan dan lebarkan pemikiran mereka tidak hanya menjadi pendakwah sahaja, sebaliknya mereka boleh menjadi memasuki bidang-bidang tertentu. Misalnya dalam bidang industri halal, dalam lawatan terakhir saya bersama dengan pihak Kerajaan Negeri bertemu dengan pelajar timur tengah kita membawa juga Halal International Selangor dan Central Spectrum di mana kita mendedahkan kepada mereka apakah program-program dan juga kerjaya dalam bidang halal yang diperlukan di beberapa buah negara Eropah dan negara-negara Asia yang memerlukan industri halal dan mereka yang mempunyai kredibiliti dan integriti dalam institusi dan juga pensijilan halal dalam negara kita.

Ahli Yang Berhormat sekalian, saya juga dalam masa yang sama sebenarnya telah menjawab apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuang berkenaan dengan sejauh mana keselamatan dan juga apakah yang dilibatkan tentang sekolah-sekolah tahniz dan pendidikan dalam negeri kita. Ahli Yang Berhormat sekalian, seterusnya saya ingin memberi maklum balas berkenaan dengan keadaan sekolah yang padat yang dibangkitkan oleh pihak Ketua Pembangkang ataupun Sungai Air Tawar. Jawatankuasa Tetap Pendidikan telah menerima maklum balas daripada pihak Jabatan Pendidikan Negeri Selangor berkaitan isu ini. Bagi menangani isu ini, sekolah padat juga Jabatan Pendidikan telah mengambil tindakan seperti berikut. Pertama, pihak sekolah mempunyai bilik darjah yang masih boleh digunakan penambahan anggaran

25 MAC 2019 (ISNIN)

bajet mengurus diberikan kepada sekolah untuk menampung keperluan penambahan bilangan kelas dan guru. Yang kedua, permohonan masuk ke sekolah padat akan disurakan ke sekolah berhampiran mengikut lokaliti murid bagi mengimbangi keperluan dan keupayaan sekolah. Ketiga, memohon penambahan bilik darjah bagi sekolah yang masih mempunyai kawasan yang belum mencapai kapasiti maksima beroperasi. Yang keempat, memohon pembinaan sekolah baru bagi sekolah yang telah mencapai kapasiti maksima daripada beroperasi. Semua tindakan yang diambil adalah berdasarkan enrolmen murid, permohonan masuk murid tahun satu dan tingkatan satu, projek pembangunan perumahan dan kawasan setempat. Tatacara permohonan pembinaan bangunan tambahan atau sekolah baru adalah seperti berikut. Yang pertama, permohonan sekolah baru atau bangunan tambahan disalurkan kepada Kementerian dan yang kedua permohonan akan diterima oleh PPD, JPN akan membentangkan di KPN berdasarkan permohonan diterima dan Kementerian Pendidikan akan membuat keputusan bilangan sekolah baru atau bangunan tambahan untuk sebagainya. Untuk maksud tersebut juga, kita sedang memohon sebenarnya bagi pihak Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Pusat untuk melupuskan hutang-hutang kita. Hutang-hutang kita tidak banyak ada sekitar tiap-tiap tahun kita bayar RM6 juta, RM6 hingga RM7 juta, lebih kurang tetapi sebagaimana yang dibuat oleh...kebenaran yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Sarawak mereka menggunakan tambahan-tambahan wang itu ataupun wang membayar hutang itu untuk membaiki sekolah dan sebenarnya kita mempunyai senarai panjang sekolah-sekolah di Negeri Selangor yang memerlukan penambahbaikan, yang memerlukan pengubahsuaian ataupun meningkatkan keselesaan dan kalau kita dibenarkan tahun ini atau tahun hadapan kita ada RM6 – RM7 juta yang sepatutnya kita bayar hutang ia boleh diswap, dengan izin ataupun menggantikan hutang yang kita bayar dengan Kerajaan Pusat itu RM6 – RM7 juta tiap-tiap tahun. Hutang kita RM60 lebih kurang ya? RM48 juta sahaja tinggal sebenarnya dengan Kerajaan Pusat tapi RM6 juta tiap-tiap tahun kita bayar, kita boleh salurkan untuk menangani sekolah, membesarkan sekolah atau menyediakan ruang yang lebih selesa untuk sekolah-sekolah.

Ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian, saya juga tertarik dengan beberapa cadangan yang telah dikemukakan Ahli-Ahli Dewan antaranya adalah daripada Gombak Setia untuk memastikan penggunaan yang optimum sumber dan juga keupayaan yang kita ada. Antara yang dibangkitkan adalah berkenaan dengan, dua perkara iaitu Caj Pembangunan dan yang kedua berkenaan dengan rizab yang ada di Pihak-Pihak Berkusa Tempatan. Oleh itu, pihak Kerajaan Negeri selepas ini akan cuba melihat kembali berapakah rizab yang ada di Pihak-Pihak Berkusa Tempatan kerana bagi kami, bagi saya amat tidak bermakna rizab yang besar sebaliknya perkhidmatan Pihak Berkusa Tempatan selalu dipertikaikan. Persoalan tentang jalan, kemudahan rekreasi, dewan, kemudahan sukan boleh dipenuhi dengan wang-wang rizab yang saya anggap ada sebahagian yang agak besar. Jadi, selepas habis Jelajah Maju Bersama saya turun ke daerah-daerah bertemu dengan Pejabat Daerah selepas ini kita akan turun pula Jelajah Maju Bersama 2.0 akan menuju kepada Pihak-Pihak Berkusa Tempatan. Di antara perkara dan juga KPI yang kita letakkan ialah sejauh mana rizab mereka digunakan untuk pembangunan dan keselesaan pembayaran-pembayar cukai di tempat tersebut ataupun di Pihak Berkusa Tempatan kerana

akhirnya Pihak Berkuasa Tempatan bukan tugas mereka menyimpan aset yang banyak atau besar ataupun menyimpan simpanan yang dibangga-banggakan tetapi bagaimana mereka menggunakan untuk memenuhi *stakeholders and the stakeholders* adalah pembayar-pembayar cukai iaitu rakyat yang tinggal di sana. Jadi, kita akan menyambut baik, *I mean*, tak lah boleh guna semua, tak lah sampai 50% kita sebutkan di sini. Mungkin, kita letakkan angka, saya rasa pihak kewangan dan pihak pentadbiran, pihak SS dan Pejabat Kewangan Negeri boleh letakkan satu formula penggunaan-penggunaannya. Bahagian apa yang boleh dibuat, bangunan apa yang kita boleh bangunkan, bangunan, kemudahan apa yang boleh kita lengkapkan, dan ia sekali gus akan menepati ciri-ciri bandar yang mempunyai daya huni ataupun *liveable* dan bandar yang selesa sebagaimana bandar yang ada dan setakat ini, boleh saya katakan antara dua (2) bandar ataupun Pihak Berkuasa Tempatan yang kerap menggunakan wang-wang simpanan mereka ataupun *reserve* mereka dengan *significant* dan juga menggunakan caj pembangunan yang sedia ada untuk kemudahan-kemudahan serta program, akhirnya sebagai contoh, ini yang paling banyak yang saya dapat kesan ialah di Majlis Bandar raya Petaling Jaya, dan Majlis Perbandaran Petaling Jaya telah dianggap sebagai bandar kedua paling gembira rakyatnya tinggal walaupun cukai dia agak tinggi, Bukit Gasing.

Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian, akhirnya, dengan perbahasan yang telah ditimbulkan dan sudah pasti perkara-perkara yang dibangkitkan khususnya berkenaan dengan portfolio-portfolio di bawah EXCO Kerajaan Negeri dan juga di bawah Pejabat Menteri Besar, saya kira kita telah menjawab secara keseluruhan dan kita telah menjawab secara jelas bagaimanakah pentadbiran ini sedang merangka berbagai-bagi perubahan dan pelbagai transformasi daripada masa ke semasa. Inilah tujuan Islah ataupun tujuan *reform* yang kita nak buat iaitu memperbaiki kesilapan-kesilapan di samping memperkenalkan beberapa pengenalan, cara-cara dan kaedah baru untuk mengatasi kesilapan-kesilapan yang dilakukan. Mengenai kemenangan pihak lawan, saya ucapkan tahniah namun pengalaman kita sepanjang berpolitik, 10, 20 tahun kemenangan pilihan raya-pilihan raya kecil ini, biasanya bukanlah kemenangan yang berpanjangan. Kita pernah menang selaku pembangkang di Lunas, tahun 2004 kita kalah balik di Lunas. Pembangkang masa tu Barisan Nasional pernah menang di Permatang Pasir, tahun 2000, saya tak ingat, 2006, 2007. 2008 mereka kalah balik di Permatang Pasir. Ada juga yang kita menang, kita kalah di Hulu Selangor dan akhirnya kita menang di Hulu Selangor. Dan ada kalanya kita kalah. Kita kalah di Ijok pada tahun 2007 tapi 2008 bukan sahaja kita menang Ijok, kita menang seluruh Selangor dan menjadi Kerajaan Pakatan Harapan Negeri Selangor. Jadi, kemenangan kita, kekalahan kita, kita kena terima dengan ayat Allah (*Baca Surah Al-Fath*), Allah suruh kemenangan, ayat yang membawa kepada fathu Mekah itu iaitu, dengan berastaghfir, beristighfar dan mengingati Allah dan *InshaAllah* dengan istighfarnya kita ingat kepada kemenangan dan kejayaan, akhirnya kita boleh bawa kepada kemenangan. Dalam Sirah Rasulullah SAW, ada ketikanya mereka berada dalam keadaan yang dianggap tewas. Tengoklah bagaimana perjanjian Hudaibiah yang menyaksikan kesabaran Rasulullah diuji dengan begitu tinggi hingga dalam perjanjian Hudaibiah yang ditandatangani itu meninggalkan dan membuang nama Muhammad SAW sebagai pesuruh Allah semata-mata dalam perjanjian tersebut. Tetapi, kerana kita sabar, kerana kita istiqomah dan yakin dengan perjuangan kita, khususnya rakan-rakan di

25 MAC 2019 (ISNIN)

pihak Kerajaan, bagi kita yang pentingnya selepas ini, menang, yang lepas kita menang di Sri Setia, kita menang di Balakong, kita menang di Sg. Kandis mahupun kita kalah di Semenyih. Ia sebenarnya akan menguji, apakah kesabaran kita, fokus kita dan bagaimana kita melaksanakan tugas kita untuk melaksanakan reform. Badai yang melanda, hujah politik, pertembungan politik, propaganda politik, permainan isu-isu yang melibatkan agama dan bangsa, sentimen yang dibangkitkan, *fake news*, fitnah yang tersebar, ini semua boleh dilawan dengan kecekalan hati dan keutuhan kita melaksanakan tugas. Tangan di tangan kita, tenaga di tangan kita, kuasa ada di tangan kita, marilah kita teruskan apa yang dirancang oleh Pakatan Harapan, meneruskan legasi dan kepercayaan majoriti, *super majority* yang telah diberikan oleh rakyat pada Pilihan raya Ke-14 lalu. Terima kasih, saya mohon untuk menggulung usul daripada pihak Kerajaan.

TUAN SPEAKER : Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Sg. Tua. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun di hadapan Dewan ini, ialah satu usul yang berbunyi seperti berikut : Ampun Tuanku, patik sekalian iaitu Speaker, dan Ahli-Ahli Dewan Negeri Selangor yang berhimpun di Dewan ini memohon sembah terima kasih serta menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor bagi membuka dengan rasminya Mesyuarat Pertama Pembukaan Penggal Kedua Persidangan Dewan Negeri Selangor Yang Keempat Belas. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul ini dipersetujui. Sebelum saya mempersilakan Setiausaha Dewan untuk urusan seterusnya, untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan pada petang ini telah menerima kunjungan daripada sekumpulan delegasi anak muda daripada Suara Anak Malaysia dari Pulau Pinang seramai 30 orang. Selamat Datang ke Dewan Negeri Selangor. Silakan Setiausaha Dewan.

SETIAUSAHA DEWAN : Usul seterusnya, Usul Nombor 1 Tahun 2019. Usul Penggantian Ahli Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pejabat Daerah dan Tanah JP-Padat.

Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Berhormat sekalian bahawasanya menurut Peraturan 68A(2) dan 68(2), Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini membuat ketetapan bahawa Yang Berhormat Tuan Lau Weng San, Ahli Dewan Negeri kawasan Banting dilantik menjadi Pengurus Jawatankuasa menggantikan Yang Berhormat Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman, Ahli Dewan Negeri kawasan Paya Jaras. Yang kedua, Yang Berhormat Puan Wong Siew Ki, Ahli Dewan Negeri kawasan Balakong dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa menggantikan Yang Berhormat Tuan Lau Weng San, Ahli Dewan Negeri kawasan Banting dalam Jawatankuasa Pilihan mengenai Pejabat Daerah dan Tanah ataupun JP-Padat.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong, saya buka usul ini untuk dibahaskan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu usul yang berbunyi bahawasanya menurut Peraturan 68A(2), 68(2) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan

25 MAC 2019 (ISNIN)

yang mulia ini membuat ketetapan bahawa satu, Yang Berhormat Tuan Lau Weng San, Ahli Dewan Negeri kawasan Banting dilantik menjadi Pengerusi Jawatankuasa menggantikan Yang Berhormat Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman, Ahli Dewan Negeri kawasan Paya Jaras dan yang kedua, Yang Berhormat Puan Wong Siew Ki, Ahli Dewan Negeri kawasan Balakong dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa menggantikan Yang Berhormat Tuan Lau Weng San, Ahli Dewan Negeri kawasan Banting di dalam Jawatankuasa Pilihan mengenai Pejabat Daerah dan Tanah, JP-Padat.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. (Ahli Dewan kata ya) Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul ini dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Usul seterusnya, Usul Nombor 2 Tahun 2019, Usul Penggantian Ahli Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan JP-PBT.

Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian bahwasanya menurut Peraturan 68B(2) dan 68(2), Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini membuat ketetapan bahawa Yang Berhormat Puan Jamaliah Binti Jamaluddin, Ahli Dewan Negeri kawasan Bandar Utama dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa menggantikan Yang Berhormat Tuan Mohd Bakhtiar Bin Mohd Nor, Ahli Dewan Negeri kawasan Semenyih dan yang kedua, Yang Berhormat Tuan Zakaria Bin Hanafi, Ahli Dewan Negeri kawasan Semenyih dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa menggantikan Yang Berhormat Dato' Rosni Binti Sohar, Ahli Dewan Negeri kawasan Hulu Bernam. Oh salah, salah, sorry, sorry, maafkan saya.

TUAN SPEAKER : Ya, baca semula.

Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Bahwasanya, maafkan saya, oh tersilap. Ini dah ada ralat. Yang ralat datang pun silap juga. Maafkan saya, bahwasanya menurut Peraturan 68B(2) dan 68(2), Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini membuat ketetapan bahawa Yang Berhormat Tuan Halimi Bin Abu Bakar, Ahli Dewan Negeri kawasan Seri Setia dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa menggantikan Yang Berhormat Tuan Mohd Bakhtiar Bin Mohd Nor, Ahli Dewan Negeri kawasan Semenyih. Dan yang kedua, Yang Berhormat Tuan Zakaria Bin Hanafi, Ahli Dewan Negeri kawasan Semenyih dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa menggantikan Yang Berhormat Dato' Rosni Binti Sohar, Ahli Dewan Negeri kawasan Hulu Bernam. Dan di dalam Jawatankuasa Pilihan mengenai Pihak Berkuasa Tempatan, JP-PBT.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong, saya buka usul ini untuk dibahaskan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu usul yang berbunyi bahwasanya menurut Peraturan 68B(2) dan 68(2) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini membuat ketetapan bahawa, Yang Berhormat Tuan Halimi Bin Abu Bakar, Ahli Dewan Negeri kawasan Seri Setia dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa menggantikan Yang Berhormat Tuan Mohd Bakhtiar Bin Mohd Nor, Ahli Dewan Negeri kawasan Semenyih. Dan Yang Berhormat Tuan Zakaria Bin Hanafi, Ahli Dewan Negeri

25 MAC 2019 (ISNIN)

kawasan Semenyih dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa menggantikan Yang Berhormat Dato' Rosni Binti Sohar, Ahli Dewan Negeri kawasan Hulu Bernam. Di dalam Jawatankuasa Pilihan mengenai Pihak Berkuasa Tempatan, JP-PBT.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. (Ahli Dewan kata ya) Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul ini dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Usul seterusnya, Usul Nombor 3 Tahun 2019, Usul Penggantian Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Dewan.

Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Dewan yang saya kasihi sekalian, bahawasanya menurut Peraturan 71, Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini membuat ketetapan, pertama, Yang Berhormat Puan Daroyah Binti Alwi, Ahli Dewan Negeri kawasan Sementa dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa menggantikan Yang Berhormat Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman, Ahli Dewan Negeri kawasan Paya Jaras di dalam Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Dewan.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong, saya buka usul ini untuk dibahaskan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu usul yang berbunyi bahawasanya menurut Peraturan Tetap 71, Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini membuat ketetapan bahawa, satu, Yang Berhormat Puan Dr. Daroyah Binti Alwi, Ahli Dewan Negeri kawasan Sementa dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa menggantikan Yang Berhormat Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman, Ahli Dewan Negeri kawasan Paya Jaras di dalam Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Dewan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. (Ahli Dewan kata ya) Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul ini dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Usul seterusnya, Usul Nombor 4 Tahun 2019, Usul Penggantian Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Keber tanggungjawaban dan Ketelusan, *Special Select Committee On Competence, Accountability And Transparency (SELCAT)*.

Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, dan Tuan Speaker bahawasanya bahawasanya menurut Peraturan Tetap 71, Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini membuat ketetapan bahawa Yang Berhormat Tuan Halimi Bin Abu Bakar, Ahli Dewan Negeri kawasan Seri Setia, salah ya? Kenapa terbalik ya? *Confused* lah. Yang Berhormat Puan Jamaliah Binti Jamaluddin, Ahli Dewan Negeri kawasan Bandar Utama dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa menggantikan Yang Berhormat Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman, Ahli Dewan Negeri kawasan Paya Jaras di dalam Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Keber tanggungjawaban dan Ketelusan, *Special Select Committee On Competence, Accountability And Transparency or SELCAT*.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Tuan Speaker, saya menyokong.

25 MAC 2019 (ISNIN)

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong, saya buka usul ini untuk dibahaskan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu usul yang berbunyi bahwasanya menurut Peraturan Tetap 71, Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini membuat ketetapan bahawa Yang Berhormat Puan Jamaliah Binti Jamaluddin, Ahli Dewan Negeri kawasan Bandar Utama dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa menggantikan Yang Berhormat Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman, Ahli Dewan Negeri kawasan Paya Jaras di dalam Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan, *Special Select Committee On Competence, Accountability And Transparency (SELCAT)*.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. (Ahli Dewan kata ya) Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul ini dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Usul seterusnya, Usul Nombor 5, Tahun 2019. Usul Di Bawah Peraturan Tetap 76(5) Oleh Yang Berhormat Dusun Tua.

Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF: Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahwasanya menurut peraturan 76(5) peraturan-peraturan tetap Dewan Negeri Selangor Dewan yang mulia ini menerima penyata Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Pembasmian Kemiskinan bagi Dewan Negeri Selangor berhubung dengan penyelesaian pendapatan garis kemiskinan yang telah dibentang di dewan yang mulia ini kertas mesyuarat Bil. 4 tahun 2019. Jadi izinkan saya menceritakan sedikit latar belakang kepada penyata ini seperti yang kita tahu selepas Pilihanraya Umum yang ke-14 Pentadbiran Negeri Selangor dan Persekutuan kini terdiri dari gabungan politik yang sama. Jika sebelum ini negeri mempunyai inisiatif-inisiatif kebijakannya yang tersendiri kerana upses program-program bagi Kerajaan Persekutuan kini upses kepada program-program berkenaan yang lebih terbuka.

Oleh itu Pihak Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmi Kemiskinan melihat perlunya untuk turut meneliti inisiatif-inisiatif kebijakan oleh agensi-agensi peringkat Persekutuan agar dapat melihat dasar-dasar kebijakan secara menyeluruh. Antara bahagian yang penting yang perlu diberi perhatian tentu sekali soalan kelompok, sasaran dan mekanisme penentuannya. Perkara ini amat penting memandangkan pada sidang yang lepas-lepas dan juga pada sidang kali ini telah diulang berkali-kali bahawa kita akan memfokuskan pada kelompok B40 dan penilaian kepada kelompok sasaran ini, kita menggunakan mekanisme Kerajaan Persekutuan yang dinamakan sistem e-kasih. Maka Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmi Kemiskinan telah mengadakan beberapa siri taklimat terbuka bersama-sama beberapa agensi kerajaan yang berkaitan. Antara agensi yang terlibat adalah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Perangkaan Malaysia (GOSM) dan Pejabat Pembangunan Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri ICU JPM.

25 MAC 2019 (ISNIN)

Bagi mendapat penjelasan dan pencerahan tentang mekanisme penentuan kepada pendapatan garis kemiskinan. JKM telah pun menjelaskan kepada Ahli Jawatankuasa tentang bagaimana sejumlah RM500,000 telah pun diterima daripada peringkat Kerajaan Persekutuan 99% daripada telah diguna bagi pembelian peralatan bantuan dan peruntukan RM1 juta telah dibudgetkan oleh Kerajaan Negeri Selangor pula akan disalurkan secara berperingkat mengikut tuntutan kes. Paling penting sekali menurut JKM ukuran pendapatan garis kemiskinan untuk Selangor adalah RM1,500 dan peringkat Persekutuan pula adalah RM930. Kami juga telah mendengar taklimat daripada DOSM agensi utama kerajaan yang diamanahkan dan dipertanggungjawabkan untuk memungut, mentafsir, menyebar perangkaan yang bertepatan dengan masa dan yang terkini. Menurut DOSM pendapatan garis kemiskinan digambarkan melalui samada jumlah pendapatan yang diperolehi itu mencukupi untuk membeli keperluan minimum makanan dan lain-lain keperluan asas. Bukan makanan. Pendapatan garis kemiskinan juga diukur mengambil kira perbezaan harga mengikut kawasan dan negeri. Saiz *compersicy demografy* dan isi rumah dan juga dikira berdasarkan setiap isi rumah. Terdapat 3 konsep yang diguna bagi mengukur taraf kemiskinan mengikut DOSM

1. Kemiskinan mutlak iaitu berdasarkan konsep secukup hidup di mana diukur dengan dibuat perbandingan dengan pendapatan kasar bulanan purata dengan pendapatan garis kemiskinan.
2. Kemiskinan relative yang mengambarkan keadaan hidup yang tidak seimbang di kalangan *dengan* pelbagai kumpulan pendapatan.
3. *Multi dimension property* dengan izin mengukur kemiskinan dan kekurangan pelbagai dimensi.

Saya yakin kita sedia maklum sejak Rancangan Malaysia ke-5 lagi fokus dalam mengukur kemiskinan digunakan di peringkat jabatan-jabatan Kerajaan adalah menggunakan konsep kemiskinan mutlak. PJK purata di bandar Semenanjung Malaysia adalah RM970 dan di luar bandar pula RM880. Bagi Sabah dan Labuan purata RM1170 dan di luar bandar adalah RM1220.

Sidang Dewan yang mulia, yang ini lebih menarik, sistem e-kasih telah diwujudkan oleh ICU merupakan pengkalan data keluarga miskin yang diwujudkan di peringkat national bagi membantu merancang melaksana dan memantau program kemiskinan. Jadi sistem ini mengandungi profile individu, permohonan bantuan-bantuan yang diterima dan pemantauan dan keberkesanan bantuan yang diterima. Objektif sistem e-kasih adalah untuk mewujudkan pengkalan data yang bersepadu mengelakkan pertindihan

program bantuan kemiskinan dan mewujudkan satu *knowledge face* mengenai program dan projek dalam membantu analisis maklumat petaan kemiskinan poverty matching.

Jadi komponen e-kasih terdiri maklumat asas ketua isi rumah, ahli isi rumah (ARR), maklumat lokasi, kediaman, pendidikan, kemahiran dan pekerjaan.

Termasuk juga pemilikan harta, kesihatan serta bantuan yang diterima. Jadi bagi Negeri Selangor, pendapatan garis kemiskinan mengikut isi rumah bagi kategori miskin adalah RM1033 bagi miskin tegar RM630 mengikut perkapita pula kategori miskin dan miskin tegar masing-masing RM256 dan RM153. Jadi Jawatankuasa penemuan melalui taklimat-taklimat ini,

1. Jawatankuasa mendapati pengkalan data e-kasih tidak merekodkan maklumat bagi pekerja ladang dan orang Asli. Jadi ini menimbulkan sedikit kesusahan bagi DUN-DUN yang mempunyai pekerja ladang dan juga orang Asli. Kami dimaklumkan bahawa untuk orang asli ada sistem lain yang dipanggil e-damak. Jadi mungkin boleh dipertimbangkan kerana cuba bayangkan kalau di DUN saya ada orang Asli dan mereka tidak termasuk dalam sistem e-kasih sedangkan program-program IPR kita tidak pernah mengkhususkan pada golongan-golongan mana. Ia terbuka kepada semua rakyat Selangor.
2. e-kasih mengumpulkan maklumat bagi pendapatan di bawah RM1500. Manakala maklumat bagi pendapatan atas RM1500 tidak direkodkan. Sekali lagi ini perlu diberi perhatian kerana banyak program-program IPR kita saya ambil contoh kes RM2000 ke bawah. Sedangkan sistem e-kasih hendak diguna ini hanya merekodkan pendapatan RM1500 ke bawah. Jadi saranan jawatankuasa adalah supaya Kerajaan Negeri perlu mengadakan perbincangan dan kerjasama formal dengan ICU meluaskan skop meluas pengumpulan data e-kasih. Ahli jawatankuasa menyarankan supaya e-kasih turut mengambil kira data pendapatan bagi pekerja lading dan orang Asli di dalam sistem e-kasih bagi memudahkan golongan sasaran bagi memudahkan pengagihan bantuan kepada golongan sasaran. ICU juga perlu mewujudkan lebih banyak kategori pendapatan dengan mengambil kira data golongan berpendapatan seperti RM2000, RM3000, dan RM4000 ke bawah bagi memudahkan penyaluran data sedia ada. Ini kalau ICU tidak dapat meluaskan skop bekalan data e-kasih, Kerajaan Negeri perlu mewujudkan pengkalan data sendiri. ICU juga disarankan untuk membuka access, butiran maklumat, dalam sistem e-kasih pada semua pejabat DUN dan Parlimen. Kami juga menyarankan ICU untuk menyemak semula pendapatan penduduk yang berdaftar dalam e-kasih sekurang-kurangnya 1 tahun sekali.

Jawatankuasa juga menyarankan kepada ICU kaedah nilai taraf kemiskinan bagi tujuan bantuan yang kini berbeza dengan agensi JKM, Lembaga Zakat dan sebagainya.

Saranan terakhir bagi Jawatankuasa bilangan pegawai bantuan bancian juga perlu ditambah bagi mempercepatkan proses pengesahan permohonan. Dan tidak ada makna juga jika didaftar mengambil masa yang panjang dan amat lama untuk disahkan.

Jadi Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Dewan, saya mohon mencadang.

TUAN SPEAKER: Sila Yang Berhormat Rawang.

Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT: Ya Tuan Speaker, Saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat, telah pun disokong. Saya buka usul ini disokong dan dibahas sekiranya ada.

TUAN SPEAKER: Subang Jaya dipersilakan.

Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker kerana membenarkan Subang Jaya membahaskan usul. Untuk menerima penyata yang dibentangkan sebentar tadi. Yang Berhormat Tuan Speaker, Subang Jaya ingin mengucapkan terima kasih dan ucapan tahniah kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmi Kemiskinan atas penyata yang dibentangkan mengenai sistem e-kasih. Subang Jaya bersetuju dengan menyokong saranan-saranan yang dinyatakan tersebut. Sebagai sebuah kerajaan kita perlu memastikan supaya sistem yang kami wujudkan telah berkesan.

Kemiskinan sebenarnya adalah satu yang relegan. Untuk penduduk di bandar di Subang Jaya ambang kos sara hidup adalah lebih tinggi jika dibanding dengan kos sara hidup di kawasan luar bandar. Saya masih ingat satu kes yang saya sendiri kendali orang warga Subang Jaya yang menduduki sebuah pangaspuri Subang Jaya kos rendah. Beliau mempunyai 3 orang anak. 2 yang sedang melanjutkan pelajaran di Universiti dan 1 masih yang bersekolah di sekolah tinggi. Suami beliau bekerja sebagai pengaga tempat letak kereta dan beliau adalah seorang penjual makanan. Pendapatan suami beliau iaitu RM1600 hanya untuk cukup membayar rumah sewa, kereta, utiliti seperti bil elektrik, telefon dan internet. Habis itu baki pendapatan beliau dari hasil jual makanan iaitu RM600 sahaja setiap bulan adalah untuk membeli makanan untuk keluarga mereka yang mempunyai 5 orang ahli.

Maka apa yang terjadi kepada yuran universiti atau perbelanjaan tambahan. Bukan semua anak beliau dapat pinjaman PTPTN yang penuh. Jadi beliau perlu memajak beberapa jenis barang untuk menanggung pembayaran tersebut.

Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, suka saya menyebutkan di sini, beliau merupakan seorang OKU penglihatan. Maksud saya adalah kalau kita perlukan sistem e-kasih, untuk efektif. Ia perlu sepadan dengan realiti. Oleh itu Subang Jaya perlu alu-alukan cadangan ICU untuk mengujudkan lebih banyak kategori pendapatan golongan berpendapatan RM2,000, RM3,000, RM4,000 ke bawah. Bagi memudahkan menyalurkan bantuan yang sedia ada. Penambahan kategori tersebut, juga akan mempastikan negara kita bersedia untuk merubah masa depan di mana ambang kemiskinan berkemungkinan ameningkat sepadan dengan perubahan ekonomi negara.

Tambahan juga beta yang luas juga akan membenarkan kerajaan melakarkan dasar yang lebih efeksi kerana lebih tahu keadaan sebenar di lapangan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Subang Jaya juga bersetuju dengan saranan untuk menambah bilangan Pegawai Bancian. Yang penting bagi Subang Jaya adalah perkataan bancian tersebut. Bancian tersebut bermaksud pengumpulan data secara aktif oleh egensi tanpa menunggu pendaftaran dibuat. Oleh golongan yang disasarkan. Cadangan tersebut adalah sekali lagi adalah sepadan dengan golongan yang miskin. Subang Jaya teringat satu lagi kes yang diterima satu Pusat Khidmat di mana seorang penduduk menerima masalah membayar bil elektrik.

Beliau menerangkan bahawa beliau selalu memastikan penggunaan elektrik beliau adalah kurang daripada RM20.00 untuk menikmati manfaat bahawa dasar dahulu iaitu kegunaan takrif elektrik bawah RM20.00 akan diberi secara percuma. Beliau bertanya pada kali ini, mengapa beliau perlu membayar bil elektrik sedangkan kegunaan bil elektrik beliau masih kurang daripada RM20.00. Pegawai pejabat saya menerangkan bahawa ini adalah disebabkan bahawa beliau perlu mendaftar e-kasih untuk menikmati elektrik percuma ini ditingkatkan kepada RM40.00. Apabila beliau menanya beliau mendaftar, pihak kami jelaskan bahawa beliau perlu pergi ke Pejabat Tanah Petaling. Beliau terkejut. Beliau tidak mampu untuk membuat pembayaran perjalanan tersebut yang begitu jauh. Beliau yang benar-benar miskin tidak mempunyai kenderaan. Oleh itu beliau tidak mampu pergi ke Pejabat Tanah Petaling.

Maka pegawai pejabat saya perlu membawa beliau pergi pejabat tanah Petaling yang perjalannya setengah jam daripada Pusat Khidmat Subang Jaya untuk mendaftar beliau untuk program e-kasih. Wajar kita bertanya di sini samada sistem seperti ini adalah benar-benar efektif. Jadi untuk membantu mereka yang begitu miskin kami lebih peka kepada realiti mereka dan menambah baik sistem yang sedia ada untuk mencapai objektif kami. Kami juga sedia maklum bahawa maklumat dasar kerajaan susah sampaikan kepada mereka yang miskin terutamanya mereka yang tidak

25 MAC 2019 (ISNIN)

berkemampuan untuk bersekolah. Ada kalangan mereka juga malu untuk meminta bantuan jadi sistem kami yang menunggu mereka untuk mendaftar ke dalam sistem e-kasih adalah kurang sesuai.

Wajar kita menyediakan jentera turun bagi mencari sesiapa untuk mereka yang perlu bantuan. Di sini Subang Jaya ingin bantuan disampaikan supaya bincian disampaikan dibuat sekurang-kurangnya 1 tahun sekali bagi memastikan sistem e-kasih sentiasa dikemaskini dan tiada sesiapa yang akan dicirikan atau, dengan izin, *that no one is left behind*. Itu sahaja perbahasan Subang Jaya, dengan ini, Subang Jaya menyokong usul untuk menerima Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pembasmian Kemiskinan berhubung penyelarasan pendapatan garis kemiskinan, sekian terima kasih.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Ya.

TUAN SPEAKER : Banting.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Ya, terima kasih Tuan Speaker. Banting suka ingin berdiri dan berbahas menyokong usul yang dibawa oleh Dusun Tua ini. Inti pati ataupun isi ucapan saya akan berkisar terhadap satu jawapan tertulis yang diterima saya terhadap pertanyaan saya yang Ke-76, Pertanyaan-Pertanyaan Bertulis terhadap senarai nama e-KASIH DUN Banting di mana saya memohon Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar senaraikan senarai nama penerima bantuan Kerajaan di bawah pangkalan data e-KASIH bagi DUN Banting termasuklah nama, nombor kad pengenalan, alamat rumah dan sebagainya. Dan saya, sedikit terkejut sebenarnya untuk makluman Tuan Speaker, bahawa senarai nama yang saya terima itu sangat lengkap dan berbeza dengan anggapan orang umum bahawa pangkalan data ini diperolehi daripada agensi-agensi seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, ICU JPM dan sebagainya. Terdapat banyak penyumbang sebenarnya daripada Kementerian-Kementerian di peringkat Persekutuan yang menyumbang kepada program e-KASIH ini. Saya memberi sedikit sinopsis tentang apa yang saya perolehi. Saya ada 113 orang penerima, dan mereka menerima bantuan dalam pelbagai bentuk daripada ICU JPM, daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar, daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, daripada Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga dan Masyarakat, daripada Kementerian Sumber Manusia, daripada Amanah Ikhtiar Malaysia, daripada Giat MARA, daripada MARDI, daripada JAKOA, daripada LKIM, daripada FAMA, daripada *My Kasih Foundation*. Jumlah peruntukan 766 ribu orang, ini saya tak pasti samada untuk tahun 2018 ke ataupun tahun-tahun sebelum ini dan penerima 113 orang. Ini menunjukkan bahawa ada penindihan di sini. Untuk baik, panduan bina rumah baru ataupun baik pulih rumah. Lebih kurang, apa ni, ICM, ICU JPM ada, KPKT ada, KPLB ada, Giat MARA ada, JAKOA ada, untuk panduan azam tani LKIM ada, FAMA ada, MARDI ada, AZAMIA ke AIM ada, macam-macam, inti pati ialah, Tuan Speaker ialah, bukan sahaja ia perlu disejajarkan semula dengan pangkalan data dengan Kerajaan Negeri Selangor, malahan kalau kita lihat ditelitikan pangkalan data yang ada dengan Kerajaan Persekutuan ini, banyak sangat pertindihan. Buat rumah ada, semua orang pun ada, buat perniagaan, semua Menteri pun ada,

25 MAC 2019 (ISNIN)

semua Kementerian pun ada, jadi saya kira itu adalah satu usaha ataupun satu usaha yang murni tetapi amat diperlukan juga, memang betul, pangkalan data ini perlu disejajarkan semula, disepadukan dengan semua data yang diperolehi daripada semua Kerajaan Negeri, semua agensi Kerajaan dan saya kira ini adalah satu tugas yang amat mustahak dan perlu dilaksanakan dengan secepat mungkin kerana tanpa satu pangkalan data yang menyeluruh maka kita akan lihat perkara seperti ini, bahawa masing-masing buat kerja sendiri dan ia tidak diserasikan malahan saya lihat di sini ada penerima yang menerima lebih daripada menerima bantuan lebih daripada sekali. Ada penerima yang menerima bantuan lebih daripada RM10,000.00 dan saya tak pasti sama ada mereka pernah menerima bantuan yang sama pada tahun-tahun sebelum ini. Jadi, saya memohon sangat, menggesa sangat Kerajaan Negeri Selangor dan juga Kerajaan Persekutuan untuk meneliti Usul ini dan mengambil tindakan cepat supaya kerja-kerja ini dapat diselaraskan kerana Kerajaan Negeri telah pun menetapkan satu matlamat iaitu sekiranya kita tidak mengadakan penyejajaran semula data ini, program-program kebajikan yang bakal dilakukan oleh Kerajaan Negeri Selangor selepas ini akan menghadapi masalah ataupun mengalami sedikit kerumitan di situ dan saya amat bimbang sekiranya kita dapat melakukan ini secepat yang kita hendak kerana memang di peringkat akar umbi ramai sedang menunggu keputusan akhir daripada Kerajaan dan kita tidak mahu dilihat sebagai lewat ataupun gagal mencapai, ataupun gagal melaksanakan janji-janji manifesto kita dan maka saya menyokong sepenuhnya usul ini supaya, dan memohon Kerajaan Negeri dan juga pimpinan Kerajaan di peringkat Persekutuan untuk melakukan apa yang terbaik untuk memastikan pangkalan data ini dilakukan dengan cara yang segera. Jadi, itulah ucapan saya, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih Tuan Speaker. Saya bangun berdiri untuk mencadangkan daripada saranan-saranan yang terkandung 7 Butiran ini, enam (6) daripadanya menyentuh ICU. ICU yang dicadangkan ini merupakan satu bentuk rekonsiliasi, pembetulan tentang salah laku dan kesilapan yang dilakukan oleh Kerajaan yang lalu. Saya difahamkan bahawa beberapa bulan lepas saya ditawarkan untuk mencadangkan 20 projek kecil RM4 ribu, RM5 ribu, RM6 ribu, kurang daripada RM7 ribu untuk baik pulih rumah-rumah kampung, orang miskin dan sebagainya. Itu tujuan ICU. Saya agak risau dan tidak mengambil tindakan tapi saya mendapat makluman daripada rakan daripada parti sahabat dalam Pakatan Harapan untuk bertindak, untuk memudahkan kemenangan di Selangor pada masa yang akan datang. Dan katanya, itu adalah ICU,, satu institusi yang ditubuhkan oleh Jabatan Perdana Menteri Selangor selepas mereka gagal melawan Selangor pada tahun 2008 hingga dua (2) penggal selepasnya. Dan bagi saya ini satu perkara yang perlu kita tangani secara telus. Sama ada kita nak rekonsiliasi secara ataupun kita nak pembetulan kepada kesilapan yang telah dilakukan kerana penubuhan *Implementation Coordination Unit* ini di bawah JPM adalah satu tindakan yang tidak sah. Bukti tidak sahnya, ada perakuan daripada sahabat-sahabat bahawa apabila Selangor diambil alih pada 8 Mei yang lalu, maka didapati bahawa Pejabat ICU berada di rumah Ketua Bahagian UMNO di Shah Alam. Dan *data base* ini berkaitan dengan *data base* parti bukan *data base* Kerajaan. Jadi, saya ingin mencadangkan bahawa siasatan lebih *detail* perlu dilakukan

25 MAC 2019 (ISNIN)

oleh pihak Kerajaan dan bukan oleh Jawatankuasa Pilihan Dewan dan saya mencadangkan agar kertas ini dikeluarkan dan ditarik balik daripada senarai Kertas Mesyuarat. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Kg. Tunku.

Y.B. PUAN LIM YI WEI : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker kerana memberi peluang perbahasan atau ucapan Kg. Tunku singkat sahaja. Yang pertama, saya ingin tahu apakah dimensi yang digunakan untuk mengukur, dengan izin, *multi dimensional poverty* dan kenapa pihak ICU tidak *graduate*, dengan izin, daripada mengukur menggunakan kemiskinan mutlak kepada kemiskinan relatif memandangkan bahawa kemiskinan mutlak itu tidak menggambarkan, memberi gambaran sepenuhnya tentang garis kemiskinan di negeri Selangor. Kedua, sebaiknya saya rasa Kerajaan Negeri Selangor tidak perlu mencipta pangkalan data yang baru, kita memang harus menekan pihak ICU untuk meluaskan skop pangkalan data e-KASIH mereka dan saya rasa dari pihak Kerajaan Negeri Selangor, kita patut memperkayakan pangkalan data yang sedia ada misalnya dalam Sidang Dewan yang dulu saya pernah tanya tentang pangkalan data KISS, sama ada terdapat pemisahan antara ibu tunggal dengan ibu yang berasal daripada keluarga yang miskin dan setahu saya tiada pemisahan kategori itu. Kalau kita buat macam itu, ini akan membantu menyalurkan bantuan dengan lebih efisien kerana kita sebagai Kerajaan bukan sahaja menyalurkan bantuan kewangan tapi bagi ibu tunggal boleh menyalurkan bantuan seperti Kaunseling Ibu dan Anak dan juga bantuan dalam kes ibu tunggal yang menjadi ibu tunggal kerana kes keganasan rumah tangga dan perkara ketiga ialah saya amat bersetuju dengan *point* Yang Berhormat Subang Jaya tentang pendaftaran kesusahan, pendaftaran e-KASIH di Pejabat Tanah. Ini kerana, golongan B40, mereka kadangkala bukannya yang mempunyai satu pekerjaan sahaja, mereka kerja syif malam, atau dua (2) syif dan tidak ada masa untuk mengambil cuti atau tidak ada kelonggaran untuk mengambil cuti untuk pergi ke Pejabat Tanah untuk mendaftar. Saya rasa, kita sebagai Kerajaan kena pergi kepada mereka dan mendaftar mereka sebanyak boleh supaya pangkalan data kita boleh diperkayakan dan yang perlukan bantuan mendapat bantuan yang sewajarnya. Itu sahaja ucapan saya dan saya mohon menyokong Usul pada hari ini.

TUAN SPEAKER : Saya bagi yang terakhir kalau ada yang nak bahas. KKB, nak bahas? Ataupun, ya silakan.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG : Terima kasih Tuan Speaker. Saya hanya nak merujuk kepada saranan yang pertama iaitu mengenai dengan *data base* e-KASIH yang katakan nak masukkan juga pekerja daripada FELDA dan juga Orang Asli dalam sistem tersebut tapi tadi, apa yang dibahaskan oleh Banting, bahawa Orang Asli telah menerima dalam *data base* e-KASIH iaitu terdapat dua (2) orang. Jadi, adakah saranan ini akan ditukar ataupun ini hanya untuk kawasan Kuala Langat sahaja, di kawasan lain belum lagi ada terima Orang Asli ataupun orang-orang dari FELDA dalam *data base* mereka.

25 MAC 2019 (ISNIN)

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Mencelah boleh? Terima kasih KKB bagi saya mencelah. Saranan ini kita wujudkan kerana kami diberi taklimat bahawa Orang Asli dikawal selia oleh JAKOA dan mereka ada sistem e-DAMAK mereka untuk mereka merekodkan orang yang miskin dan bantuan yang perlu diberikan kepada mereka akan tetapi Kerajaan Negeri Selangor mempunyai berpuluhan-puluhan program IPR dan jika seperti mana Yang Berhormat Seri Serdang pernah berkata sebelum ini KISS akan ditukar kepada, merujuk kepada *data base* e-KASIH dan program-program IPR lain akan dirujuk kepada program e-KASIH, maka sangat pentinglah seluruh rakyat Negeri Selangor mesti didaftarkan dalam program e-KASIH di mana mereka jatuh di bawah paras kemiskinan ataupun di bawah paras-paras pendapatan yang disasarkan oleh kita. Kalau tidak, mereka akan tercicir daripada program-program tersebut. Itu sebabnya logik kita. Satu pangkalan data yang bersepadan adalah bagus, sangat bagus tetapi pangkalan data itu haruslah bersedia untuk menampung kehendak kita untuk melaksanakan program kita jadi sangat pentinglah Kerajaan Negeri Selangor berunding dengan ICU kerana ICU pun yang memegang dan memiliki pangkalan data ini dan sangat penting Kerajaan Negeri Selangor berunding dan memastikan keperluan kita dapat dijaga sebelum kita memula untuk menggunakan segala kekangan yang disebut dalam Dewan ini, kita harus atasi sebelum kita berhijrah daripada sistem yang sedia ada kepada menggunakan sistem e-KASIH untuk mendaftarkan penerima program, terima kasih.

Y.B. PUAN LIM YI WEI : Saya rasa Bukit Gasing sudah menyambung perbahasan saya jadi saya menyokong Usul ini. (Ahli Dewan ketawa)

TUAN SPEAKER : Jadi, saya minta pihak Kerajaan sekiranya ada, untuk *respond* tentang perbahasan tadi. Silakan.

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat, yang mengutarakan banyak perkara dalam e-KASIH. Sebenarnya, perkara-perkara Yang Berhormat bawa ini telah pun kami sampaikan kepada ICU dan *InshaAllah*, pertama kita nak menyampaikan bahawa amat sukar bagi pemohon-pemohon untuk berulang ke Pejabat Daerah kerana jarak jauh dan ICU telah berjanji kepada kita bahawa borang permohonan e-KASIH ini akan diturunkan ke Pusat-Pusat Khidmat, jadi Pusat Khidmat akan mengumpul permohonan-permohonan ini dan terus disampaikan kepada ICU.

Soal kedua adalah kita tahu bahawa kebanyakan yang di dalam e-KASIH ini oleh sebab program ini dimulakan semasa kita Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri adalah dua parti, tidak selarikan, jadi komponen kepada e-KASIH ini kebanyakannya di kawasan luar bandar, jadi memang kita juga akui bahawa ramai di kalangan mereka yang layak duduk dan dalam senarai e-KASIH ini tidak ada dalam e-KASIH sekarang terutamanya miskin bandar. Itu kita akui. *InsyaaAllah* saya juga telah mengutarakan perkara ini supaya kita dapat mempercepatkan pendaftaran golongan yang layak terima, yang miskin bandar dan kita ada, kita ada sedikit perbezaan kerana e-KASIH menggunakan PGK sementara untuk kes kita ada daripada pendapatan RM2,000.00 ke bawah, jadi di situ kita tengok ada mungkin ICU tidak akan membuat verifikasi kepada mereka yang

25 MAC 2019 (ISNIN)

mempunyai pendapatan di antara RM1,500 hingga RM 2,000.00. Oleh itu kita berkata bahawa sebaik sahaja kita menjajar ini mereka yang mempunyai slip gaji itu dan kurang daripada RM2,000 maka mereka ini kita juga akan teruskan dengan penerimaan bantuan kes ini. Dan untuk makluman, saya tak fikir e-KASIH melihat kepada kemiskinan mutlak. Dia melihat kepada kemiskinan relatif juga kerana di dalam verifikasi mereka pertama adalah mereka menyiasat tentang pendapatan ketua isi rumah dan kemudian juga melihat kepada ahli isi rumah. Daripada situ lah maka mereka sampai kepada satu kesimpulan berapa pendapatan per kapita itu sendiri, iaitu yang telah dijelaskan kepada kita.

Dan mengenai rakyat kita, Orang Asli dan pekerja ladang memang di dalam penerangan dan penjelasan kepada kita dahulu, mereka menyampaikan bahawa sebelum ini memang tidak termasuk Orang Asli dan pekerja ladang. Ini juga akan kita cadangkan kepada mereka untuk kita boleh guna, masukkan kumpulan ini dibolehkan untuk kita senaraikan dalam e-KASIH. Jadi saya juga bersetuju bahawa kita tidak sepatutnya menunggu untuk rakyat datang ke Pusat Khidmat kita malah kita patut turun ke bawah dan melihat sendiri dan berjumpa dengan rakyat terutama mereka yang datang untuk memohon bantuan untuk kita sendiri membuat verifikasi itu dan kemudian mencadangkan kepada mereka untuk mengisi borang dan kemudian boleh kita cadangkan mereka untuk menerima bantuan-bantuan IPR yang telah disiapkan oleh Kerajaan. Saya ingat setakat itu sahaja jawapan saya. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Silakan Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Tidak mahu komen ke. Terima kasih. Saya ingin ingatkan bahawa kita adalah satu kerajaan yang reformasi, kita adalah *reformed goverment*, kita komen, kritik tentang ICU, masa kita dalam Kerajaan Selangor, satu pentadbiran yang *sub-ward*, cuba mensabotaj Kerajaan Negeri Selangor tetapi bila kita sudah merentasi seluruh negara, kita rasa ICU sebagai satu instrumen agensi Kerajaan Negeri. Jadi ini yang kita nak satu kefahaman di mana menilai reformasi kita, adakah kita nak *re-consult administrative* sahaja menerima hakikat dia adalah jentera Kerajaan yang membantu kita atau kita nak dengan izin *on the right track, put everything on the book*, tengok balik perakui kesilapan, betulkan dengan betul dan kita iktiraf di peringkat Putrajaya oleh Kerajaan Persekutuan di pimpinan Perdana Menteri kita. Itu lah yang ingin tarik perhatian, saya tidak kata kajian yang dilakukan oleh Jawatankuasa tidak betul, tetapi dia punya bearingnya itu, diperbetulkan. Jadi saya merayu cadangan saya jika diterima, terima lah jika tidak, tapi saya berdiri di atas prinsip saya adalah perkara ini perlu ditarik balik dari Kertas Mesyuarat satu keputusan dibuat di Dewan.

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Terima kasih Yang Berhormat Hulu Kelang. Sebenarnya saya ingin mengambil pandangan begini. Memang ICU adalah satu instrumen Kerajaan ataupun satu agensi kerajaan yang melaksanakan bagi pihak kerajaan tapi polisinya kita yang tentukan. Maknanya sekarang bila kita telah selari dengan Kerajaan Pusat maka kita boleh masukkan dan kita boleh cadangkan kepada mereka perkara-perkara yang hendak kita jalankan. Malah di negeri Selangor Dato'

25 MAC 2019 (ISNIN)

Menteri Besar sendiri telah meminta supaya sebagai ambang untuk menentukan orang yang boleh disenaraikan sebagai e-KASIH adalah 2 ribu di negeri Selangor bukan mengikut PGK yang telah ditetapkan oleh ICU sebelum ini.

Semua ini Yang Berhormat sekalian, kami bawa dan kita memang setuju bahawa kita dalam, kita kerajaan reformasi dan memang kita hendak reformasi segala-galanya tetapi kita tidak boleh bermula daripada kosong, kita kena mengambil tahap yang ada sekarang dan kemudian untuk menambah baik keadaan dan kita sama-sama pantau di mana yang kita tidak puas hati. Yang Berhormat- Yang Berhormat sekalian juga telah menyatakan bahawa ada pegawai-pegawai yang ICU yang dulu diturunkan daripada yang diturunkan untuk verifikasi dan sebagainya adalah penyokong-penyokong kuat tegar kepada parti politik dahulu, yang memerintah Pusat dahulu. Ini telah pun kita sampaikan dan sama-sama kita pantau dan saya ingat kita tidak meninggalkan semuanya kepada e-KASIH. Kita sebagai ahli, Wakil Rakyat mempunyai kuasa di sini, misalnya kita tengok nanti ada yang tidak, yang patut dapat kita tak dapat, patut dapat maklumat itu untuk kita betulkan sebab *data case* itu data kita, *data case* itu data kita. Sekiranya kita dapati bahawa orang ini terkeluar dan sebagainya maka saya minta Yang Berhormat sekalian untuk mengemukakan semula untuk kita aktifkan balik keahliannya nanti. Jadi Yang Berhormat ini bukanlah *final* e-KASIH. Ia adalah permulaan dan banyak lagi kerja yang kita perlu buat untuk memastikan yang patut dapat, dapat, yang tak patut dapat, kita keluarkan daripada senarai ini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Terima kasih Yang Berhormat Seri Serdang. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu Usul yang berbunyi "Bahawasanya menurut Peraturan 76(5), Peraturan-peraturan Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Pembasmian Kemiskinan (JPK), Pembasmian Kemiskinan Bagi Dewan Negeri Selangor berhubung penyalarasaran pendapat garis kemiskinan yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 4 Tahun 2019. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Usul ini dipersetujui.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, oleh sebab Urusan Dewan ini masih belum selesai, maka Dewan pada hari ini perlu disambung. Saya mempersilakan pihak Kerajaan untuk membawa Usul ini.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut; 'Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah menyambung Persidangan sehingga selesai semua Urusan Dewan'.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang

25 MAC 2019 (ISNIN)

bersetuju sila kata Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Usul ini dipersetuai.

SETIAUSAHA DEWAN : Usul yang seterusnya Usul No. 6 Tahun 2019, Usul di Bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Permatang.

Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN : Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut; "Bahawasanya menurut Peraturan 76(5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Pembasmian Kemiskinan (JPK), pembasmian kemiskinan bagi Negeri Selangor berhubung pekerja ladang yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 5 Tahun 2019.

Objektif penelitian berhubung isu pekerja ladang adalah untuk mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh pekerja ladang dan seterusnya mengetengahkan cadangan penyelesaian yang sesuai. Ini termasuk hak asasi mereka dari segi perumahan, bekalan air bersih, pendidikan kesihatan, pengangkutan awam dan kemudahan infrastruktur asas lain. Hasil dapatan laporan ini di rumus daripada sesi pertemuan dan dialog bersemuka antara pemimpin komuniti dan pekerja ladang bersama ahli JPK Pembasmian Kemiskinan. Taklimat daripada Pengurus Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan dan Pembangunan Sosio Ekonomi dan Kerajaan Prihatin *National Union Plantation Workers* (NUPW) dan juga Jabatan Tenaga Kerja Negeri Selangor. Hasil dari lawatan Jawatankuasa ke Ladang Sungai Tinggi dan Ladang Mary beberapa isu telah dijumpai yang berupa; pertama isu perumahan. Bekas pekerja ladang memaklumkan bahawa Ahli Jawatankuasa bahawa mereka telah menetap sekian lama di kuarters ladang yang disediakan oleh majikan tetapi sudah tidak bekerja di ladang. Pekerja ladang telah bersara juga diarahkan mengosongkan kuarters ladang tersebut bagi membolehkan pekerja ladang yang baharu mendiaminya. Rungutan daripada bekas pekerja ladang yang mendakwa bahawa pada tahun 2008, sebelum pilihan raya yang ke 12, Kerajaan Negeri pada ketika itu telah menjanjikan tanah dan rumah kepada bekas pekerja ladang. Upacara pecah tanah telah pun dibuat namun hal ini masih belum menjadi realiti sehingga sekarang. Antara penyelesaian perumahan yang munasabah dikemukakan oleh bekas pekerja ladang adalah untuk membeli kuarters ladang tersebut daripada majikan dengan pinjaman bank pada kadar faedah yang rendah. Terdapat juga aduan daripada pekerja ladang yang masih bekerja bahawa majikan gagal untuk menyelenggarakan kuarters ladang tersebut. Kedaifan bumbung, tandas dan lain-lain menyebabkan keselesaan tempat tinggal pekerja ladang adalah terjejas.

Isu yang kedua, isu bekalan air bersih. Pekerja ladang mengadu mereka tidak mendapat bekalan air bersih. Air yang disalurkan ke kuarters ladang dari punca sungai berdekatan, berkeladak. Pekerja ladang terpaksa menggunakan untuk aktiviti seharian seperti mandi, minum dan masak. Selain daripada itu catuan air merumitkan lagi masalah bekalan air. Ia hanya dibuka dari pukul 2 petang hingga 7.30 petang dan ini menyukarkan lagi aktiviti seharian penduduk.

Isu yang ketiga isu pengangkutan pendidikan dan kesihatan. Pekerja ladang memaklumkan bahawa bas awam tidak lagi melalui ladang Sungai Tinggi dan Mary kerana keadaan jalan raya yang tidak diselenggarakan oleh majikan. Keadaan ini mengakibatkan kesukaran bagi anak-anak pekerja ladang untuk ke sekolah menengah dan bagi pekerja ladang membuat urusan di luar ladang. Pekerja ladang terpaksa membayar RM90.00 sebulan bagi pengangkutan anak-anak mereka ke sekolah menengah dengan van. Tambahan lagi bagi kes kecemasan, pekerja ladang sukar untuk akses ke klinik dan hospital yang berdekatan. Misalnya pekerja ladang terpaksa menyewa kenderaan perseorangan untuk membawa ibu mengandung ke hospital di Slim River, Perak serta menimbulkan kesulitan pada pendaftaran sijil kelahiran bayi.

Infrastruktur lain, pekerja ladang membuat aduan bahawa sistem longkang tidak diselenggarakan baik oleh majikan dan menyebabkan banjir di beberapa kawasan. Apabila berlakunya hujan lebat mengakibatkan aktiviti sehariannya mereka akan terganggu. Lampu jalan juga tidak dipasang dalam kawasan ladang yang mendedahkan pekerja ladang kepada isu keselamatan jalan raya. Kita juga sudah, Jawatankuasa juga sudah diberi taklimat oleh Yang Berhormat Ganabatirau A/L Veraman selaku Pengurus Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan dan Pembangunan Sosio Ekonomi dan Kerajaan Prihatin. Pertama Yang Berhormat EXCO memaklumkan bahawa di bawah inisiatif Peduli Rakyat, Kerajaan Negeri memperkenalkan Program Tabung Anak Pekerja Ladang. Peruntukan sebanyak RM 1 juta telah diberikan untuk Program Anak Pekerja Ladang. Jenis bantuan adalah seperti berikut :-

- (i) Bantuan bercirikan Seminar UPSR dan tertumpu pada Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik. Di bawah Program ini Kerajaan Negeri meraikan murid yang mendapat keputusan yang cemerlang. Program ini hanya melibatkan Sekolah Rendah Kebangsaan Tamil sahaja.
- (ii) Program Bantuan Tunai Tambang Bas Sekolah sebanyak RM300.00 seorang murid telah diberikan pada tahun 2018 seramai 2,500 orang murid telah mendapat bantuan.
- (iii) Yuran pengajian sebanyak RM5,000.00 seorang telah diperuntukkan bagi pelajar yang tidak mendapat bantuan kewangan daripada mana-mana institusi.
- (iv) Turut juga diberi program kursus dan motivasi.
- (v) Sebanyak RM 500,000.00 telah diperuntukkan untuk program pekerja ladang untuk perayaan Deepavali, Thaipusam dan Ponggal.

Dan seterusnya, Yang Berhormat EXCO juga merupakan Ahli Estate Land Board. Setiap permohonan bagi tujuan pembangunan dari tanah ladang dan tanah pertanian, 100 ekar ke atas perlu di bawa ke Estate Land Board. Tiada peruntukkan akta atau enakmen yang memberi punca kuasa untuk sebarang permohonan pembangunan

tanah ladang atau pekerja ladang. Syarat telah ditetapkan sekiranya Estate itu kekal sebagai Estate, kuasa Estate Land Board adalah terhad. Tetapi sekiranya dibangunkan untuk tujuan pembangunan, permohonan tersebut boleh dipertimbangkan dan ia dalam bidang kuasa Estate Land Board.

Jawatankuasa juga turut mendapat taklimat fungsi dan peranan menyeluruh oleh National Union of Plantation Workers (NUPW). Taklimat telah diberikan oleh Encik V.Tamasegaran, selaku wakil daripada National Union of Plantation Workers (NUPW). NUPW anggota, di anggotai oleh ahli yang terdiri daripada Persatuan Pengeluar-pengeluar Pertanian Tanah Melayu (MAPA), pekerja tempatan dan warga asing, dan memainkan peranan untuk membincangkan gaji dan kemudahan pekerja.

Perbincangan di antara NUPW, pihak berkuat kuasa, Pihak Berkuasa Tempatan dan SYABAS, telah di adakan bagi memastikan air bersih disalurkan ke dalam ladang Estate. Pihak Berkuasa Tempatan dan SYABAS telah bersetuju menyediakan perpaipan ke kawasan ladang. Namun pengusaha ladang perlu mengeluarkan kos pembinaan perpaipan daripada titik mula kawasan ladang ke kuarters-kuarters pekerja. Pihak pengusaha ladang tidak bersetuju, kerana kos pembinaan yang tinggi dan hanya membina telaga air.

NUPW juga telah membincangkan permasalahan mengenai isu kesihatan dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Di dapat kemudahan klinik Estate tidak disediakan oleh pihak pengusaha ladang. Oleh yang demikian NUPW memohon pegawai kesihatan daripada KKM untuk berkhidmat di klinik Estate bagi memudahkan akses ke pada rawatan kesihatan oleh pekerja ladang dan turut mencadangkan supaya pengusaha ladang menyediakan kemudahan klinik estet.

NUPW mencadangkan agar kemudahan pengangkutan disediakan oleh pengusaha ladang, bagi pekerja ladang yang ingin mendapatkan rawatan di hospital dan juga bagi anak pekerja ladang yang ingin ke sekolah. Bagi anak pekerja ladang yang mendapatkan perkhidmatan van ke sekolah akan diberikan diskaun sebanyak 50%. Pekerja ladang yang telah bersara hanya akan diberi pampasan mengikut tempoh perkhidmatan dan tidak diperuntukkan pemberian rumah percuma dalam mana-mana peruntukan undang-undang. Encik V.Tamasegaran mencadangkan agar satu undang-undang diwujudkan mengenai pemberian rumah percuma kepada pekerja ladang yang telah bersara sebagai ganjaran.

Kami juga turut berbincang bersama dengan Jabatan Tenaga Kerja iaitu JTK dan hasilnya Jabatan Tenaga Kerja menerangkan bahawa Jabatan Buruh telah ditubuhkan pada tahun 1912. Dan objektif jabatan adalah menjaga pekerja di sektor perladangan dan lombong. Pada tahun 2003, Bahagian Perkhidmatan Pekerja Pekerjaan di bawah JTK digabungkan dengan Jabatan Buruh Semenanjung Malaysia dan ditukar nama kepada JTK. Terdapat 13 akta yang dikuatkuasakan oleh JTK dan akta standard-standard minimum dan kemudahan pekerja 1990, iaitu Akta 446 merupakan Akta yang berkaitan dengan pekerja ladang. JTK memaklumkan terdapat 82 ladang di negeri

25 MAC 2019 (ISNIN)

Selangor. Walau bagaimanapun, hanya 66 ladang sahaja yang menyediakan kuarters bagi pekerja.

Sebagai kesimpulannya, Ahli Jawatankuasa mendapati, undang-undang sedia ada cukup untuk menangani masalah yang dihadapi oleh pekerja ladang, pekerja dan bukan pesara atau bekas pekerja. Namun penguatkuasaan terhadap peruntukan yang termaktub dalam akta standard minimum dan kemudahan pekerja 1990 Akta 446 oleh JTK adalah lemah. Dan oleh itu masalah kebajikan pekerja ladang masih berlanjutan. Dua aspek isu pekerja ladang yang perlu diberi tumpuan adalah isu kebajikan pekerja ladang sedia ada dan isu perumahan bagi pekerja ladang yang telah bersara.

Sebagai saranannya adalah Jabatan Tenaga Kerja perlu lebih tegas terhadap majikan yang tidak mematuhi peraturan yang terkandung dalam akta standard-standard minimum dan kemudahan pekerja 1990 Akta 446. Isu-isu seperti bekalan air, penyelenggaraan kuarters pekerja ladang, pekerja ladang, pengangkutan, pendidikan, kesihatan, saliran banjir, jalan raya, lampu jalan, kebersihan estet, memang cukup jelas di bawah tanggungjawab pengusaha ladang dan harus diambil tindakan sekiranya gagal dipatuhi. JTK perlu lebih proaktif dan tidak berkompromi dengan pengusaha ladang yang tidak mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan dalam akta 446. Bagi menjamin ketelusan disarankan mesyuarat Jawatankuasa Ladang yang dipengerusikan oleh Pengarah JTK Selangor menjemput Ahli Dewan Negeri (ADUN) dan Ahli Parlimen yang mempunyai estet di kawasan mereka serta wakil Kerajaan Negeri untuk hadir ke mesyuarat tersebut sebagai pemerhati. Kerajaan Negeri Selangor perlu memberi peluang kepada bekas pekerja ladang untuk membeli rumah *Selangorku*, RSku jenis A. RSku jenis A perlu dibangunkan di kawasan luar bandar juga. Peruntukan subsidi tambang bas yang diberikan kepada anak-anak pekerja ladang, yang bersekolah rendah dipanjangkan kepada anak-anak pekerja ladang yang bersekolah menengah.

Saya kira itu saja, Tuan Speaker, yang saya kemukakan. Terima kasih. Mohon untuk dicadangkan.

TUAN SPEAKER : Sila menyokong.

Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF : Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya buka usul ini untuk dibahaskan. Kuala Kubu Baharu, sila, lima minit.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG : Terima kasih Tuan Speaker. Saya mengucap tahniah dan syabas kepada JPK, Pembasmian Kemiskinan kerana telah membentangkan satu penyata yang begitu cukup baik dan menyentuh hati saya. Saya amat setujulah, kepada kelima-lima saranan yang dikemukakan dalam penyata ini. Kawasan saya juga ada banyak ladang. Saya juga menghadapi ladang-ladang, di kawasan saya juga menghadapi ia. Empat isu yang dikemukakan dalam penyata ini. Isu perumahan adalah

25 MAC 2019 (ISNIN)

isu yang terbesar sekali, yang selalu kita menghadapi sebagai Ahli Dewan Negeri bagi kawasan yang ada ladang, dan saya rasa isu perumahan telah wujud lebih 10 tahun. Kerajaan Negeri memang bersungguh-sungguh dan masih dalam bersungguh-sungguh untuk menyelesaikan masalah ini dengan sedaya upaya.

Penyata ini ada menyentuh tentang perjanjian, bukan perjanjian, apa,,, dijanjikan, pekerja ladang dijanjikan dengan tanah dan rumah pada zaman Barisan Nasional. Tetapi sampai sekarang belum ditunaikan. Saya ingin menambahkan maklumat bahawa terdapat 64 keluarga ladang Sungai Belata, yang telah menandatangani perjanjian dengan pemaju untuk membeli rumah kos rendah pada tahun 2001. Mereka sampai sekarang belum mencapai persetujuan dengan pemaju baru. Setelah pemaju asal telah di **litcritasi (tak jelas)** pada tahun 2006. Saya berharap isu perumahan ladang Sungai Belata juga diselesaikan sekali gus dengan isu perumahan bekas peladang kerja yang lain.

Tuan Speaker, pengangkutan awam tidak disediakan di kawasan ladang telah menyebabkan pekerja ladang terpaksa membayar tambang bas sekolah. Kalau tadi disebutkan oleh pencadang, JPK Pembasmian Kemiskinan adalah RM90.00 sebulan. Tapi di kawasan saya ialah RM100.00 sebulan tambang bas sekolah untuk seorang anak ke sekolah menengah. Ini adalah satu kos yang besar kepada pekerja ladang yang hanya menerima gaji RM900.00 sebulan. Pekerja ladang di Ladang Nigel Gardner dan Ladang Bukit Tagar memaklumkan kepada saya, bahawa terdapat 28 orang anak mereka yang belajar di empat buah sekolah di Bestari Jaya, memerlukan bantuan kewangan juga. Saya, kita sebagai Ahli Dewan Negeri semua, saya rasa kita tak nak pelajar tercicir persekolahan kerana tak mampu membayar tambang bas sekolah.

Dengan ini saya memohon Kerajaan Negeri bekerjasama dengan Kerajaan Pusat, memberikan perhatian yang serius kepada perkara ini dan mempertimbangkan peruntukan khas terhadap perkara ini. Seperkara lagi dari data Jabatan Tenaga Kerja, menunjukkan pekerja ladang, pekerja asing, pekerja ladang yang kita panggil warga asing, melebihi pekerja tempatan ladang di Selangor. Pekerja asing ladang adalah 3,205 orang. Manakala pekerja tempatan adalah 2,069 orang sahaja. In bermakna ladang di negeri Selangor mempunyai 61% pekerja asing. Dua perkara yang kita perlu fikirkan iaitu adakah pekerja asing ini akan semakin bertambah dan akhirnya tiada lagi pekerja tempatan di ladang kita. Yang kedua, adakah kita melatih anak-anak pekerja ladang kita dengan kemahiran lain, supaya mereka boleh bekerja di bidang lain sekiranya semua kerja ladang dikuasai oleh pekerja asing. Saya, berharap kita mengambil berat persoalan tersebut untuk menjaga kebajikan pekerja ladang dan kepentingan mereka. Sekian sahaja, saya menyokong Usul ini.

TUAN SPEAKER : Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu. Saya minta pihak Kerajaan untuk bagi sikit respons.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : Terima kasih, Tuan Speaker. Saya ucapkan tahniah kepada Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Pembasmian Kemiskinan dalam membawa berkenaan pekerja ladang. Yang mana kita semua tahu

25 MAC 2019 (ISNIN)

asas kepada pembangunan kepada negara Malaysia adalah daripada perladangan dan perlombongan. Dan kita tahu memang warga pekerja ladang telah menyumbang kepada apa yang kita nikmati hari ini. Tapi apa yang kita tahu adalah, tadi kalau kita boleh nampak e-KASIH pun mereka mendiskriminasikan pekerja ladang. Ini yang berlaku. Sekiranya perkara-perkara begini telah diteruskan daripada kerajaan lama, kita nampak 60 tahun, pekerja ladang ini telah diabaikan.

Memang perkaranya kita nampak Kerajaan Negeri Selangor, pertama sekali kita nampak bantuan-bantuan yang telah kita sampaikan melalui bantuan-bantuan hanya secara kewangan. Kita dapat membawa beberapa kebajikan yang telah kita membawa untuk membantu mereka. Dan apabila kita merangka IPR kita, Inisiatif Peduli Rakyat kita, kita tidak mensarankan, atau kita tidak melimitkan kepada mana-mana pihak. Memang pekerja ladang dilibatkan sama. Tapi apa yang kita nampak adalah pengkhususan kepada pekerja ladang itu sangat perlu. Itu adalah sangat perlu. Dan saya nampak saranan yang telah dibuat, tanpa peruntukan yang lebih. Khususnya kepada sekolah rendah, bantuan bas untuk anak pekerja ladang untuk sekolah menengah. Saya telah menerima untuk tahun ini sahaja, 4,400 permohonan setakat ini. Ya, kalau dengan peruntukan yang sedia ada, saya tak mampu untuk membantu dengan cara yang kita ada. Lagi kalau kita buka kepada sekolah menengah, nanti satu flat gate yang begitu besar. Memang kita, abstrak untuk membantu semua pihak. Tapi kita kena memahami keadaan kewangan negeri kita, yang mana peruntukan yang ada disediakan. Dan apa yang kita nampak.

Kalau ikutkan penggal yang lalu, kita ada Stanco yang dinamakan pekerja ladang. Penggal ini kita tidak ada Stanco yang dipanggil sebagai pekerja ladang. Dan program untuk membantu anak pekerja ladang diletakkan di bawah Kerajaan Prihatin. So, ini juga menyekat keadaan bagaimana kita untuk memanjangkan banyak perkara-perkara dalam membantu pekerja ladang. So, isu-isu ini perlu juga perlu diselaraskan dan akan saya juga memahami perkara-perkara yang telah dibawakan oleh Yang Berhormat Permatang khususnya berkenaan tentang masalah kebajikan, yang mengalami isu-isu tentang kehidupan mereka pekerja ladang itu sendiri. Tapi perlu diingatkan...

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Minta penjelasan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO, itu...

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat tak bahas kan tadi. Bagi terakhir. Sikit peluang.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Saya sebenarnya nak bahas tapi kerana telah pun diminta Yang Berhormat EXCO untuk menggulung, jadi saya terpaksa bertanya sedikit. Berkenaan dengan keadaan sekarang di mana kebanyakan ladang-ladang ini dahulunya dimiliki oleh syarikat-syarikat gergasi seperti Guthrie, Sime Darby, PNB dan sebagainya. Adakah perundingan antara Kerajaan Negeri dengan syarikat-syarikat ini berjalan lancar ataupun masih menghadapi kekangan kerana saya lihat kalau hendak mengatasi masalah ini contoh di kawasan saya Sg. Sidu, pemindahan sekolah SJKT Sg. Sidu, masalah jarak penduduk dan ibu bapa bimbang terlalu jauh, mereka akan menghadapai masalah pengangkutan. Masalah dari segi kelas agama. Terlalu jauh

tidak dapat hantar sekolah. Dan rumah-rumah mereka, tidak ada rumah, masih duduk di rumah yang disediakan oleh syarikat seperti Permodalan Nasional Berhad yang merupakan pemilik tanah di situ. Masih ada estet lagi tapi diuruskan oleh pekerja-pekerja asing. Tapi kuarters-kuarters ni diuruskan oleh dibina oleh mereka tapi penduduk sudah tidak lagi bekerja sebagai pekerja ladang. Jadi apakah rundingan dengan, dengan syarikat-syarikat ini berjalan lancar. Kalau tidak lancar maksudnya ialah kita akan menghadapi masalah yang lebih besar dan seharusnya ia menjadi lebih lancar lahir kerana pertukaran Kerajaan.

Y.B.TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Terima kasih Yang Berhormat Banting. Memang kalau dulu kita nampak sebelum merdeka kita ada tauke yang digelar sebagai orang Inggeris. Sekarang kita ada taukenya bergelar sebagai orang Malaysia. Tapi lagi dasyatnya keadaan memang PNB ya khususnya kepada kawasan yang dinyatakan ladang tersebut. Patutnya pekerja ladang rumah pekerja ladang dibina 15 tahun dahulu. Sehingga hari ini ada perjanjian PNB tidak lagi membina. Apabila saya berbincang sebelum ini, untuk penggal yang lalu memang sukar, mereka tak nak hadir. Dan baru-baru ini apabila mereka berhadir dan mereka berjanji dalam masa 2 tahun mereka akan mulakan, ya Kota Seri Langat, mereka akan mulakan rumah pekerjaan rumah untuk pekerja ladang dan juga Sekolah Tamil yang telah dijanjikan patut dibina semula. Dan akhirnya mereka kata tak perlulah tak pa, mereka akankekalkan apa yang sekolah yang telah sedia ada. Tapi bagaimanapun perkara ini tidak boleh dimuktamadkan lagi sebab setiap kali pegawai yang hadir mewakili PNB adalah pegawai yang tidak boleh membuat keputusan.

Sama juga berlaku kepada syarikat-syarikat seperti yang dikatakan khasnya kecuali syarikat daripada Sime Darby yang banyak saya dapat satu keadaan yang mana boleh membawa satu keadaan yang membina ya untuk membantu keadaan tapi bagaimanapun seperti isu-isu yang telah dibangkitkan adakah pekerja ladang di Malaysia ini tidak berminat lagi. Itu tidak benar ya. Saya dah dapat banyak rungutan daripada khususnya daripada ladang Carey Island. Saya dapat di situ. Orang Malaysia pohon memang sukar untuk mendapat. Sampai saya kena tulis saya kena pergi jumpa baru mereka diambil. Ini berlaku sebab apa pemilik-pemilik pekerja perladangan ini atau perladangan adalah mereka lebih gemar untuk menggajikan orang asing yang mana mereka tu lebih turut kata-kata mereka, dapat mengawal dapat membuat kerja mengikut citacara citarasa mereka. Ini memang berlaku. Tapi saya nak kembali kepada Y.B Permatang yang telah menyatakan banyak kebaikan. Perlu diingatkan semua ni tertera dalam Akta Buruh yang dikawal oleh kuasa punca kuasanya adalah diletak dibawah Kerajaan Persekutuan. Dan memang itu masalahnya untuk Kerajaan Negeri Selangor.

Sebenarnya kuasa kita adalah sangat terhad. Dan hanya apabila kita menggunakan perkara kita melalui rundingan dan juga cara yang kita boleh kita adalah cara diplomasi bersama dengan pemilik ladang dalam mengekalkan hak-hak dan juga apa-apa facilities untuk pekerja ladang. Dalam pada itu juga kita menggunakan "estate lineboard" ya "estate lineboard" sekiranya ladang ini perlu atau dijual atau pun dimajukan maka kita cuba gunakan "estate lineboard" kelulusan "estate lineboard" ini untuk mendapatkan hak-hak pekerja ladang khususnya kita dapat berunding dengan

25 MAC 2019 (ISNIN)

pembelinya dan juga pembangunan pemajunya. Bagaimana kita mengekalkan untuk mendapatkan rumah-rumah untuk pekerja ladang atau adakalanya kita dapat dengan cara secara percuma. Adakalanya kita dapat dengan cara diskaun. Adakalanya rumah teres ataupun rumah pangsa dan juga bantuan-bantuan apa tu, lagi sekali adalah rumah ibadat mereka termasuk rumah ibadat bukan hanya kuil sahaja ya. Dia ada terlibat juga ada kalanya kawasannya melibatkan surau dan juga gereja. Ini memang wujud.

Dan begitu juga dengan sekolah-sekolah yang telah diwujudkan. So perkara ini kalau pusat tidak ambil perhatian yang khusus memang sukar untuk Kerajaan Negeri sebagai kita ada kuasa yang terhad. Memang sukar untuk menyatakan. Saya telah membawa perkara ini berjuma dengan Y.B. Kulasegaran, selaku Menteri Kerja....apa tu....."Human Resource Ministry" dengan izin. So apabila kita berjuma memang saya telah menyatakan perlunya satu akta khusus dalam membela hak ni, pekerja ladang. Dan juga yang paling penting tentang kebajikan perlu diselaraskan dengan begitu bagus sekali. Walaupun memang ikut anda boleh nampak ya daripada Jabatan Tenaga Kerja telah menyatakan segala pendiriannya memang jelas nampak tapi penguatkuasaan terhadap segala kebajikan yang telah dinyatakan adalah boleh kata "unfair" boleh kata tidak begitu menyakinkan mana-mana pihak. Maka saya ambil syor-syor dan juga saran-saran daripada jawatankuasa ini akan saya akan membawa perkara ini dalam **UPEN** dan juga dalam membantu menyediakan kertas-kertas yang kebajikan untuk masa yang akan datang. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Terima kasih Yang Berhormat Kota Kemuning. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu usul yang berbunyi "Bahwasanya menurut Peraturan 76(5) Peraturan-peraturan Dewan Negeri Selangor Dewan Yang Mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Pembasmian Kemiskinan JPK Pembasmian Kemiskinan bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung Pekerja Ladang yang telah dibentangkan di Dewan Yang Mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 5 Tahun 2019. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata "ya". Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata "tidak". Usul ini dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Usul No.7 Tahun 2019. Usul di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Morib.

Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN: Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut: Bahwasanya menurut peraturan 76(5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor Dewan Yang Mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri atau JP ABAS bagi Dewan Negeri Selangor berhubung jejambat atau "flyover" di Bandar Saujana Putera yang telah dibentangkan di Dewan Yang Mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 6 Tahun 2019.

25 MAC 2019 (ISNIN)

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat. laporan Jawatankuasa Pilihan Agensi Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor atau JP ABAS ini adalah untuk menghuraikan saranan umum Jawatankuasa kepada Kerajaan Negeri supaya menangani isu kelewatan Pembangunan Jejambat atau “flyover” di Bandar Saujana Putera yang menjadi penghubung di antara Lebuhraya Utara Selatan Hubungan Tengah atau ELITE dan Lebuhraya Lembah Klang Selatan atau SKVE dengan kadar yang amat segera.

JP ABAS pada mesyuarat bilangan pertama 2019 tarikh 8 Januari 2019 telah mengambil maklum masalah isu kelewatan pembangunan jejambat di Bandar Saujana Putera. JP ABAS telah mengadakan beberapa siri pendengaran tertutup bersama beberapa pihak bagi mengenalpasti kekangan yang dihadapi oleh Permodalan Negeri Selangor Berhad atau PNSB menyebabkan kelewatan Pembangunan Jejambat dan antara agensi dan Jabatan yang telah dipanggil memberi penjelasan ialah PNSB, Majlis Daerah Kuala Langat dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor. Ahli Jawatankuasa JP ABAS telah saya sebagai Pengerusi. Ahli-ahli Jawatankuasa adalah Ahli Dewan Negeri Kawasan Ijok, Ahli Dewan Negeri Kawasan Kuala Kubu Baharu, Ahli Dewan Negeri Kawasan Sg.Pelek, Ahli Dewan Negeri Kawasan Tanjung Sepat, Ahli Dewan Negeri Kawasan Sg. Panjang dan Ahli Dewan Negeri Kawasan Kuang.

Terima kasih di atas kerjasama dan komitmen Ahli Jawatankuasa terhadap JP ABAS. Pada pendengaran pertama yang diadakan pada 29 Januari 2019, kesemua Ahli Jawatankuasa hadir, 7 orang. Saksi dan Pegawai PNSB yang hadir memberi keterangan yang pertama adalah Y.Bhg. Dato' Seri Haji Ahmad bin Omar, selaku Ketua Pegawai Eksekutif, Yang Kedua En. Mohd Yunus @ Iskandar bin Mohd Nor, selaku Pengurus Besar, Yang ketiga, En. Ahmad Sharizal Bin Mohd Basir selaku Pengurus, En. Yusman Bin Yaakob, Penolong Pengurus, dan En. Lee Chong San, selaku Pengurus Projek bagi pihak Seribu Baiduri Sdn Bhd. iaitu anak syarikat LBS Group.

Keterangan yang diberikan oleh PNSB yang pertama Yang Bhg. Pengerusi, Pengerusi PNSB telah menerangkan latar belakang projek usahasama antara PNSB dan Syarikat Seribu Baiduri Sdn Bhd atau SBSB mengenai pembangunan sebahagian tanah milik PNSB di Kuala Langat utara yang dikenali sebagai Bandar Saujana Putera.

Yang Kedua, berdasarkan surat kelulusan daripada Lembaga Lebuhraya Malaysia ataupun LLM Bilangan 14, bertarikh 25 Mei 2002, dan surat Bilangan 12 bertarikh 27 April 2005, LLM mensyaratkan kepada PNSB supaya membangunkan persimpangan bertingkat elit Bandar Saujana Putera termasuk sambungan jejambat atau “flyover” penghubung antara ELITE dan SKVE.

Yang Ketiga, JP ABAS mengambil maklum Syarikat SBSB telah berakur janji untuk mengambil tanggungjawab ke atas syarat-syarat yang ditetapkan oleh LLM kepada PNSB untuk membangunkan persimpangan bertingkat termasuk sambungan “flyover” dalam surat rujukan bertarikh 20 September 2004.

Yang Keempat, JP ABAS mengambil maklum keputusan Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Selangor, MTES yang telah diadakan pada 24 April 2017, yang mana UPEN diminta supaya menyelaras dengan pihak Majlis Daerah Kuala Langat untuk

25 MAC 2019 (ISNIN)

mendapatkan sumbangan daripada pemaju-pemaju pembangunan Tabung Kumpulan Wang Perkhidmatan atau ISF yang mana hasil daripada tabung ISF tersebut akan ditentukan kecukupannya sebelum disalurkan kepada pihak PNSB sebagai sebahagian daripada pembangunan sambungan “flyover” penghubung antara Lebuhraya ELITE dan SKVE.

Pada pendengaran tertutup kali kedua yang diadakan pada 14 Februari 2019, yang dihadiri oleh Pihak Majlis Daerah Kuala Langat dan UPEN yang mana enam orang jawatankuasa telah hadir dan saksi daripada pihak Majlis Daerah Kuala Langat yang pertama adalah Tuan Mohd Zain Bin A.Hamid, iaitu selaku Yang Dipertua, Tuan Haji Arpai bin Haji Sanat selaku Pengarah Jabatan Perancang Pembangunan. Yang Ketiga Puan Halimaton Binti Sakir selaku Penolong Pegawai Kanan Perancang Bandar dan Desa. Dan saksi dan bagi pihak UPEN yang hadir adalah Pertama, Pn. Norazlina Binti Abdul Azizi selaku Timbalan Pengarah, dan Puan Farahniza Binti Ismail selaku Penolong Pengarah.

Keterangan dari pihak Majlis Daerah Kuala Langat Yang Pertama: keseluruhan pembangunan Bandar Saujana Putera seluas 1245.141 ekar yang dimiliki oleh PNSB dipegang dibawah Hakmilik sementara HSD 535386 PT 8594 Mukim Tanjung 12 Daerah Kuala Langat.

Yang Kedua, kelulusan pelan susunatur Bandar Saujana Putera telah diperolehi daripada Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Selangor.

Yang Ketiga, MDKL memaklumkan telah mengambil inisiatif untuk membantu pihak PNSB dengan mengadakan perbincangan dan mesyuarat untuk menyelesaikan kedua-dua isu ini di peringkat MDKL hingga ke peringkat negeri.

Yang Keempat, sepanjang mesyuarat dan perbincangan diadakan pihak MDKL langsung tidak dimaklumkan oleh pihak PNSB atau LBS Bina Group Sdn Bhd bahawa terdapatnya syarat di mana pihak PNSB perlu menanggung kos operasi dan penyelenggaraan bagi persimpangan bertingkat jenis “trumpets” yang telah diisyaratkan oleh pihak LLM seperti surat Bilangan 14 bertarikh 11 May 2002 dan PNSB perlu membina menyelenggara persimpangan bertingkat termasuk sambungan jambatan ke atas bulatan sehingga ke jarak 50 meter di sempadan cadangan Lebuhraya SKVE seperti surat bilangan bertarikh 27 April 2005. Dan hanya pada tahun 2016 pihak Majlis Kuala Langat mengetahui tentang syarat-syarat yang dikenakan oleh pihak LLM dan sekiranya pihak majlis mengetahui lebih awal tentulah pihak majlis boleh mengenakan syarat-syarat antaranya supaya dipenuhi dibina dijambat lebih awal lagi. Kemudian yang kelima MDKL memaklumkan terdapat 2 isu dan masalah yang dihadapi dalam perkara ini iaitu pertama pembayaran kos operasi dan penyelenggaraan untuk pembukaan persimpangan jenis trumpet lebuh raya elite dan plaza tol telah berjumlah 25 juta. Kedua pembinaan jejambat atau flyover di atas bulatan bandar saujana putera dari plaza tol bandar saujana putera dari lebuh raya elite ke plaza tol bandar saujana putera ke skve. Saya ringkaskan panjang banyak keterangan...

TUAN SPEAKER : Ringkaskan Yang Berhormat

Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN : Daripada pihak UPEN yang pertama keterangan daripada pihak UPEN pertama, mereka hanya mengetahui bahawa terdapatnya syarat daripada LLM untuk pihak PNSB membina persimpangan bertingkat serta membayar kos operasi plaza tol hanya pada tahun 2016 setelah beberapa sesi mesyuarat dan perbincangan diadakan dan kedua UPEN bersepakat dengan MDKL yang mencadangkan untuk diangkat kertas cadangan MTES supaya pihak PNSB bertanggungjawab sepenuhnya masalah tunggakkan iperasi dan kos penyelenggaraan bagi pembukaan plaza tol Bandar saujana putera bagi pembinaan flyover di atas bulatan bandar saujana putera yang telah disyaratkan oleh LLM. Untuk penutup saranan daripada pihak jawatankuasa yang pertama, jawatankuasa mensyaratkan menyarankan agar PNSB mengambil tanggungjawab penuh untuk menyelesaikan isu ini dan memainkan peranan utama serta mengambil tindakan tegas terhadap PNSB kerana gagal memulakan pembinaan jejambat di bulatan bandar saujana putera yang telah dipersetujui PNSB di dalam surat aku janji bertarikh 20 sept 2004 . Yang kedua saranan jawatankuasa adalah Kerajaan Negeri perlu mengadakan mesyuarat penyelesaian khas dengan PNSB dan pemaju-pemaju lain untuk menyelesaikan isu kelewatan pembangunan jejambat atau flyover di bandar saujana putera yang dihubung antara elite dan skve dan sewajarnya satu keputusan dapat diperolehi dan dimaklumkan pada Mesyuarat Sidang Dewan akan datang. Penyelesaian isu jambatan pembinaan jejambat di bandar saujana putera ini perlu ditandatangani dengan segera kerana perkara ini telah berlanjutan sekian lama dan rakyat telah mula mempersoalkan tindakan Kerajaan Negeri berhubung perkara ini memandangkan PNSB merupakan anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor. dan juga terdapat jawapan daripada pihak Yang Berhormat EXCO dan kerajaan yang berkaitan dengan isu ini dengan sesi soal jawab dan telah dikatakan pihak PNSB akan melantik telah pun melantik kontraktor untuk melaksanakan projek ini namun saya melihat perkara ini tidak berlaku dan tidak ada apa-apa perkembangan yang positif terhadap isu ini dan kita harapkan Kerajaan Negeri mengambil tindakan yang tegas terhadap pihak-pihak yang berkaitan yang sewajibnya dan menjadi tanggungjawab pada pihak-pihak ini untuk menyelesaikan isu ini dengan seberapa segera. Jadi saya dengan ini mengusulkan bagi usul no 7 ini dicadangkan sekian terima kasih..

Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH : Tuan speaker saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong saya buka usul ini untuk dibahaskan..silakan Sijangkang 5 minit..

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Tuan Speaker, Alhamdulillah usul Ini telah di bawah jawatankuasa yang mana saya kira perkara ini telah di bawa dalam sidang-sidang yang lepas termasuklah daripada ADUN Yang Berhormat Banting , Morib pun pernah bawa dan saya telah membawa pun sudah bawa dua sidang yang lalu , Alhamdulillah kalau kita melihat kepada jawapan EXCO tempoh hari makna isu ini sebagai satu akademi yang telah ada jalan penyelesaian cuma kita mengharapkan bahawa apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat usul ini

25 MAC 2019 (ISNIN)

berlaku pelaksanaannya cuma saya melihat bagaimana Kerajaan Negeri kalau kerentenan daripada sejarah pembangunan ini yang mana persetujuan sudah ada oleh seribu baiduri yang mana mereka sepatut menaungkan daripada tahun 2012. Yang diperingkat Kerajaan Negeri Unit Perancang Ekonomi Negeri dan juga Majlis Daerah Kuala Langat hanya memaklumi perkara ini pada tahun 2016. Yang mana akhirnya menyebabkan kelewatan kepada pembangunan ini dan menyebabkan kesesakan yang telah keluar dalam media sosial dan sebagainya termasuk berita tv3 rakyat sudah tidak tertahan lagi untuk menanggung kesesakan lalu lintas jadi saya sarankan perkara ini akan dapat dilakukan dengan sebaik mungkin cuma berkaitan dengan skve ini saya minta Kerajaan Negeri juga melihat kita maklum bahawa jalan ini sifatnya cukup beralun walaupun mungkin pembangunan ini atas tanah gambut yang hari ini pun kita lihat berlaku kemalangan sama ada kemalangan kereta kemalangan motosikal kerap berlaku di sini dan saya berharapkan juga supaya pencahayaan untuk sepanjang lebuh raya skve ini dapat dilakukan dengan sebaik mungkin . Kerana ini lah jalan yang akan menghubungkan daripada pelabuhan kelang yang mana kita dimaklumkan juga satu penjelasan yang cukup besar IKEA suda ada di Pulau Indah dan dia juga akan menyambungkan perhubungan sehingga ke lapangan terbang dan juga dengan pembangunan akan mendapat kebaikan yang besar untuk masyarakat bukan sahaja kawasan Kuala Langat tetapi menjadi dan sumber ekonomi yang akan merancakkan lagi di Selangor.. Terima kasih ..

TUAN SPEAKER : Banting 5 minit..

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Tuan Speaker saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Morib selaku pengurus jawatankuasa yang merupakan wakil rakyat di kawasan Kuala Langat dan juga merupakan di mana letaknya isu ini iaitu bandar Saujana Putera saya juga mengucapkan syabas kepada yang Yang Berhormat kerana telah pun memberi satu jawapan yang agak padat tentang perkara ini . penyata ini adalah bagus dan saya mengucapkan syabas kepada pengurus Morib kerana telah pun mengambil usaha yang gigih untuk membentangkan penyata ini kerana isu ini merupakan satu isu yang bagi saya sebagai porang baru di kuala langat ia merupakan satu isu telah lama membengkui penduduk di kawasan bandar Saujana Putera ini kerana tak sampai satu tahun bukan sahaja kita ada abad tapi apani Kerajaan Negeri di bawah jawatankuasa tetap Yang Berhormat-Yang Berhormat Pandan Indah telah pun membawa berita baik bahawa sebenarnya salah seorang pemaju yang terlibat dalam pembangunan bandar Saujana Putera ini telah pun bersetuju untuk membina atau menanggung kos pembinaan flyover ini saya rasa tu usaha yang gigih di mana perkara-perkara ataupun masalah yang tidak dapat diselesaikan ye tuan speaker pada masa dahulu akhirnya sekarang ini diselesaikan kami tak pastilah apakah usaha yang dilakukan pengurus jawatankuasa tetap yang lepas tapi saya rasa tak sampai setahun perkara ini akhirnya ada satu keputusan yang muktamad saya rasa itu perkembangan yang cukup membanggakan bagi rakyat di Kuala Langat .. sebab dulu dua tiga tahun pun tak selesai-selesai sekarang ini tak sampai setahun jadi berkatlah perkara yang berlaku pada Mei tahun lepas pamaju pemaju sekarang pun akan faham-faham la potensi pembangunan di Kuala Langat ini sangat-sangat bagi pemaju ini adalah satu pelaburan pun kerana akan memajukan nilai

25 MAC 2019 (ISNIN)

dan harta tanah bangunan mereka.. seperti yang saya selalu kata di Kuala Langat sudah ada enam buah pemaju yang terkemuka yang begitu giat menjalankan pembangunan di sini.. Rimba Ijn, Tropika Aman, , Eco World, LBS, PNB dan Gamuda . Enam semua adalah pemaju yang terkemuka jadi masing-masing berebut-rebut jadi saya berharapla Kerajaan Negeri Selangor berunding-rundingla dengan pemaju-pemaju ini untuk mendapatkan yang terbaik untuk Kuala Langat.. sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER : saya minta pihak kerajaan kalau ada apa-apa sikit nak respon...

Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih apa berlaku diperingkat awal sebenarnya kalau dapat daripada dapatan yang dibuat isunya adalah syarikat PNSB anak syarikat Kerajaan Negeri ada syarat disebutkan tadi kerjasama dan syarikat ini telah disyaratkan untuk membina jejantas tersebut. Tetapi selepas *development* berlaku nama-nama yang disebut Banting tadi, semua syarikat-syarikat tersebut mendapat manfaat jika jaringan jalan tersebut itu dibina kenapa dia tertangguh? Sebab PNSB merasakan baik kalau kita berbincang dengan syarikat-syarikat yang lain. Walaupun mereka tidak dikenakan syarat dalam kebenaran merancang kepada syarikat itu. Jadi pengajaran kepada kita yang paling penting pelan pembangunan itu sepatutnya mengenakan syarat yang adil pada semua. PNSB sebuah syarikat kita sedar tanggungjawab kita tetapi dalam masa yang sama kita tak nak kita juga berkongsi dengan yang lain. Tapi setelah berbincang sebagainya akhirnya keputusan Kerajaan Negeri dan permohonan satu pengerusi PNSB meletakkan bahawa PNSB akan bina dan kita akan selesaikan masalah kesaksanaan yang berlarutan sekian lama yang kita pastikan masalah rakyat dapat diselesaikan tetapi pengajaran paling penting iaitu setiap pelan perancangan pembangunan yang ada serta infrastruktur lepas ini harus dirangka dan tidak mengetengahkan syarat-syarat tertentu oleh syarikat-syarikat tertentu sahaja ini pengajaran penting yang saya rasa bagi pihak Kerajaan Negeri di atas kes yang berkenaan dan insyaaallah dalam lawatan ke kuala langat saya akan turun sendiri kita akan pastikan ia dibina segera mungkin untuk keselesaan penduduk

TUAN SPEAKER : terima kasih.. ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi bahawa menurut peraturan 76(5) peraturan-peraturan tetap Negeri Selangor Dewan yang mulia ini menerima penyata jawatankuasa pilihan mengenai agensi badan berkanun dan anak syarikat Kerajaan Negeri JP ABAS bagi Dewan Negeri Selangor berhubung jejambat *flyover* di Bandar Saujana Putera yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai kertas mesyuarat bil 6 tahun 2019. Ahli-ahli berhormat yang bersetuju kata ya... ahli-ahli berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak.usul ini dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Usul seterusnya usul nombor 8 tahun 2019 usul di bawah peraturan tetap 26(1) oleh Yang Berhormat Hulu Kelang

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih tuan speaker dan ahli-ahli Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut. Bahawa Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri Selangor untuk menyediakan pelan perancangan penyelesaian gerai,

25 MAC 2019 (ISNIN)

warung dan penjaja tidak sah di seluruh negeri Selangor dalam tempoh 10 tahun. Melalui pendekatan yang tidak menindas. Pendekatan yang menyeluruh berdasarkan panduan daripada mahkamah sesyen syariah dan menurut objektif-objektif berikut :

1. Tiada sebarang perobohan gerai dan warung sediaada di tapak tidak sah bagi tempoh 2 tahun kecuali gerai dan warung yang baru didirikan.
2. Pelan bersepadu melibatkan kerajaan persekutuan Kerajaan Negeri Selangor dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk menempatkan peniaga-peniaga gerai dan warung ke tapak tidak sah ke lokasi baharu yang disedia dan dibenarkan Pihak Berkuasa Tempatan dan tidak menyebabkan sebarang kacau ganggu.
3. Meminda dan mengemaskini prosedur permohonan tapak gerai dan lesen peniaga kecil di pihak berkuasa tempatan bagi mengelakkan berlaku sebarang ketidakcekapan dan perlindungan yang menghalang pelaksanaan pelan penyelesaian ini.

Tuan Speaker... Terima kasih Tuan Speaker usul yang saya bawa ini ialah usul biasa ia bukan satu usul tergempar ia hanya usul biasa namun apabila sesuatu berlaku melibatkan isu-isu yang dibawa dalam usul ini maka ia pasti menjadi sesuatu perkara yang akan menggemparkan. Terutama kepada wakil-wakil rakyat, seperti Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Setepat dan sewajar mana sekalipun tindakan yang dilakukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan, pihak-pihak yang ter..terkena tindakan tidak akan berpuas hati. Tetap mereka akan ke..ke..mengatakan tindakan yang dikenakan tersebut sebagai zalim, tidak berperikemanusiaan, tidak patut, tidak adil dan sebagainya. Tempat yang mereka tuju adalah Pusat Khidmat Masyarakat, wakil-wakil rakyat, orang yang mereka serbu adalah ADUN dan Ahli-Ahli Parlimen. Tuan Speaker, dikalangan mereka ini ada yang merasakan bahawa ADUN mesti membela mereka. Timbullah istilah dan ungkapan seperti, kalau di tempat saya, MPA MPAJ kacau. MPS tak beri kerjasama. Kami tahu ada orang buat aduan. Kami tahu siapa dia, dan dia orang baharu di kawasan itu. Berpindah dari tempat lain, orang-orang asal tempat itu tak bising pun. Atau timbul perkataan, kalau betul-betul nak buat, kenapa kedai saya sahaja, itu yang berderet tu, itu kenapa tak dirobohkan. Mungkin pernah ada yang berlaku pada suatu masa dahulu, dek kerana nak jaga sangat anak-anak buah dan penyokong-penyokong Yang Berhormat., menjadikan Yang Berhormat menekan pegawai-pegawai PBT terpaksa akur dan tutup mata untuk berdepan dengan isu-isu perlanggaran peraturan PBT.

Tuan Speaker, agar kisah perkara ini memang mempunyai pelbagai neratif. Antaranya, sebuah keluarga muda dengan beberapa anak kecil terpaksa berhijrah ke Kuala Lumpur dari sebuah Negeri di Utara demi membina keluarga dengan menjual kuih-muih, nasi lemak bihun dan seumpamanya di tepi jalan. Mungkin terdapat beberapa rekod rumah *End Lot...End Lot* atau *Corner Lot* yang diubahsuai untuk dibuat kedai runcit, pasar mini jual ikan basah atau pun warung makanan. Kawasan-kawasan penampang atau tempat-tempat kosong berdekatan dengan jalan-jalan besar atau jalan-jalan utama dibina struktur yang asalnya nampak macam sementara yang akhirnya menjadi bangunan yang amat kukuh. Longkang-longkang yang di...ditutup bagi membina jen...platform-platform yang kukuh sebagai tapak kedai di atas longkang.

25 MAC 2019 (ISNIN)

Kawasan rizab dan penampnan yang kini bertukar menjadi kedai, gerai dan warung-warung yang tidak sah.

Tuan Speaker, dasar pembangunan pem..dan pembaharuan, dalam pembukaan persidangan penggal ketiga Dewan Negeri Selangor ke-13 Tahun 2015, Duli Yang Maha Mulia, Tuanku Sultan Selangor telah bertitah agar Maqasid Al-Syariah diangkat sebagai asas penggubalan dasar-dasar Kerajaan Negeri. Sesuai dengan titah DiRaja tersebut maka Institut Darul Ehsan telah di..melakukan kajian intensif tentang Maqasid Syariah dan objektif berikut :

Pertamanya, kajian hendaklah dilakukan untuk membantu Kerajaan Negeri Selangor melaksanakan Al-Maqasid Al-Syariah dalam perumusan dan pelaksanaan dasar-dasar pembangunan dan pentadbiran. Kedua meratakan kesedaran tentang Al-Maqasid di kalangan anak-anak ataupun, dikalangan gener..gen..di kalangan dikalangan pegawai lapisan rakyat, pembuat dasar, ADUN, pentadbir, pendidik pemimpin dan mesra rakyat. Tuan Speaker yang budiman, untuk memungkinkan Al-Maqasid ber..berfungsi sebagaimana semestinya, ia harus dibawa masuk ke dalam proses pembangunan Negeri. Ini diperkatakan oleh Dato' Seri Fadhil sebagai antara tokoh penting di dalam memajukan konsep Al-Maqasid Syariah dalam pentadbiran Negeri Selangor. Di mana beliau berkata, pengagasan konsep pembangunan berasaskan Al-Maqasid perlu segera di usa diusahakan. Pembangunan berasaskan Al-Maqasid adalah model pembangunan yang berorientasikan Masalah Al-Ibad, Kepentingan rakyat. Pengaulawianan hendaklah berpandukan kepada Al-Kuyah Al-Amsar yang terdiri daripada 5 objektif paling dasar dalam Maqasid Syariah adalah dalam agama jiwa, akal, keturunan dan harta benda. Dengan itu saya ingin menegaskan di sini usul ini dan panduan-panduan yang dinyatakan dicadangkan merupakan usaha pertama dalam Sidang Dewan ini. Usul ini untuk menjadikan Maqasid Syariah sebagai panduan dasar dalam pembangunan dan pembaharuan di Negeri Selangor. Dengan itu usul ini mencadangkan bahawa be..empat perkara hendaklah dihasilkan daripada usaha yang dilakukan dalam tempoh dua tahun atau pun kurang daripada itu, menurut kata depan Kerajaan.

Pertama melalui setiap PBT, Kerajaan Negeri hendaklah menyediakan Pelan Perancangan penyelesaian gerai, warung dan penjaja tidak sah di seluruh Negeri Selangor. Mengenal pasti lokasi-lokasi tidak sah peni..peniaga dan memancing mereka yang bermiaga di situ dengan memprofilekan lokasi menurut kriteria yang ditetapkan sebagai kelas A, B, C atau D menurut jangkaan berapa tahun akan dapat diselesaikan. Kedua mengenal pasti lokasi-lokasi berpotensi untuk dibangunkan medan selera bagi penempatan baru peniaga-peniaga yang telah dinilai layak ditawarkan tempat untuk pem..pembangunan tempat. Waa.. iaitu wawasan ke hadapan para peniaga yang menjaja pada masa yang sama juga orang ramai makan atau membeli belah hanya di tempat yang disediakan. Kita ingin merubah mentaliti rakyat, tidak makan di tempat yang mudah walaupun di sebelah sebelahnya adalah kolam...keke..kolam kumbahan najis. Kita nak menukar mentaliti rakyat boleh makan dan meniaga di tempat yang sah oleh undang-undang dan peraturan.

25 MAC 2019 (ISNIN)

Ketiga penyelesaian gerai warung dan penjaja yang tidak sah di seluruh Negara. Di seluruh Negeri Selangor dengan cara yang teratur, adil, saksama berunding dan berkomunikasi dua hala sehingga Selangor menjadi Negeri pertama di Negara ini yang setiap PBT nya sedang menguruskan menuju gerai tak sah sifar di Selangor di atas latihan dan tiada di atas di atas ertian dan tiada penguatkuasaan dilakukan semata-mata di atas beberapa aduan.

Dan keempat, dalam tempoh sepuluh tahun satu tempoh yang amat sopan santun, penuh rahmah dan juga bermaksud melalui pendekatan yang tidak menindas dengan tempoh dua tahun tidak ada perobohan adalah satu ukuran yang mem memberi cukup persediaan kepada Kerajaan Negeri Selangor menyediakan tempat-tempat perniagaan untuk pemindahan peniaga-peniaga yang tidak sah untuk dise jadikan tempat itu tempat sedia asalnya.

Tuan Speaker, kita berdepan dengan satu realiti yang dahsyat. Satu realiti di mana orang menceroboh hak rakyat melalui tanah-tanah kerajaan yang mereka tidak ada rasa apa hmm...mahu mengutip pampasan, tidak berasa berdosa tidak bersalah. tidak rasa apa-apa Saya sebagai orang Islam, saya..saya nasihatkan mereka, janganlah kamu ambil sat..tanah yang bukan hak kamu, janganlah kamu kuasainya kerana kamu tidak ada hak ke atas itu. *La darar, Wala Dirar* (Bahasa Arab). Semua pembangunan yang kita lakukan adalah ada perancangan, ada pelan, ada prosedur, ada prosesnya menurut undang-undang dan peraturan. Kerajaan mesti ikut peraturan dan kena pastikan undang-undang dihormati oleh rakyat. Kerajaan buat undang-undang dan Kerajaan pertahankan undang-undang selaras dengan perlembagaan Negeri dan Negara. ADUN membahas dan meluluskan atau meminda undang-undang dan menghormatinya tanpa mentafsirkan menurut selera, hawa nafsu dan kepentingan sendiri.

Rakyat mesti memahami hasrat sesuatu undang-undang dan menghormati tidak boleh melanggarinya sebaik..sebalik rakyat hendaklah menjalankan peranan dengan izin *Check and Balance* atau semak dan imbang terhadap Kerajaan dan secara berterusan memantau kerja-kerja yang dilakukan oleh ADUN. Seseorang warga sesebuah Negara atau rakyat tidak sepatutnya melakukan kejahatan, kerosakan, kerugian serta apa sahaja perlakuan yang boleh membawa kemudarat bagi dirinya dan rakyat. Seseorang itu tidak boleh melaku..berlaku zalim atau menzalimi sesiapa pun. Oleh itu beliau juga tidak boleh dizalimi oleh sesiapa dan mesti dilindungi dari sebarang perbuatan zalim. Pendeknya dia tidak boleh memudaratkan sesiapa dan juga sesiapa boleh tidak boleh memudaratkan beliau.

(Bahasa Arab) ungkapan ini merupakan kata-kata yang keluar dari mulut Rasulullah S.A.W. dan oleh itu ia merupakan hadis dan sunah nabi Muhammad S.A.W. (Bahasa Arab) adalah memberi kemudarat kepada orang lain agar dirinya mendapat manfaat dengan hal yang tersebut. Seperti orang yang menanam pokok mangga, pokok rimbun di dalam rumahnya yang menjulang ke langit naik tinggi di halaman rumahnya, tetapi tangga nya diganggu dengan daun-daun yang kering jatuh dahan-dahan yang jatuh tidak dapat diambil buahnya. Dan ini merupakan satu penganiayaan. Ini kan juga menggunakan tanah-tanah tapak Kerajaan, tanah-tanah kerajaan yang merupakan

tanah penampan, tanah hijau, oleh kegunaan tertentu tetapi ia telah habiskan hak itu, hak rakyat rizab-rizab untuk dirinya. Manakala *Dirar* (Bahasa Arab) adalah memberi kemudaran kepada orang yang lain orang lain tetapi dirinya tidak mendapat manfaat. Seperti ketika dia men..menge..mengedara men..kenderaan di jalan raya yang di genangi oleh air lalu terciprat sehingga mengenai pejalan kaki yang lewat di jalan. Ia tidak dapat apa-apa tetapi dia telah memudarkan orang lain. Dengan itu *Dharar* (Bahasa Arab) adalah memberi kemudaran kepada orang lain dan dia yang memulainya. Sekadar *Dirar* (Bahasa Arab) adalah memberikan kemudaran dengan tujuan membala kemudaran dari orang lain dengan satu kemudaran yang lebih parah. Intinya bagi segala kemudaran apa pun bentuknya adalah hal yang terlarang dan harus dihilangkan. Menghapuskan kemudaran atau *Mafsadah/fasad* (Bahasa Arab) adalah juga ujian mencapai *maslahah* (Bahasa Arab).

Tuan Speaker, Model *Rahmatan Lil Alamin* (Bahasa Arab) Maqasid Syariah adalah untuk menyediakan *maslahah* (Bahasa Arab) di dunia dan di akhirat. Makna yang mudah bagi rahmat, *Rahmatan Lil Alamin* (Bahasa Arab) adalah untuk menyediakan *maslahah* (Bahasa Arab). Menyediakan *maslahah* (Bahasa Arab) bererti untuk mencipta *Rahmah* (Bahasa Arab). *Rahmah* (Bahasa Arab) ertinya menyediakan *maslahah* (Bahasa Arab). *maslahah* (Bahasa Arab) adalah sesuatu yang memberi kebaikan. Yang dimaksudkan dengan *maslahah* (Bahasa Arab) ini adalah satu yang kebaikan, keamanan, kesenangan, kedamaian, kebijikan manfaat ataupun keuntungan. Kepuasan hati lantaran itu bersyukur di atas semua nikmat yang diterima oleh Allah pasti akan menghasilkan kegembiraan. Setiap nabi dan rasul diutuskan untuk membawa (Bahasa Arab) kepada kaumnya. Rasulullah sebagai nabi penutup adalah menjadi *Rahmatan Lil Alamin* (Bahasa Arab). Oleh itu Maqasid Syariah adalah untuk mencapai *Rahmatan Lil Alamin* (Bahasa Arab). Keutamaan kepada lima *Daruriyah* (Bahasa Arab) agama, jiwa, akal keturunan harta dan tahap keutamaan *Daruriyah, Lajiyat, Tahsiniyat* (Bahasa Arab). Dengan ini saya ingin menjelaskan secara ringkas sikit lagi, tahap *Daruriyah* (Bahasa Arab) pentingnya sesuatu *maslahah* (Bahasa Arab) itu terbahagi kepada tiga tahap.

Pertamanya, kita mahu rakyat kita terutamanya golongan yang meniaga di kawasan-kawasan yang tidak sah dalam tempoh masa yang diberikan itu memahami jangan menjadi sumber atau penyebab masalah. Sesiapa sahaja yang melanggar yang berhenti tepi jalan yang mengambil tanah-tanah kosong hak kerajaan dengan tujuan keamanan dan kesejahteraan rakyat sebenarnya dia telah menjadi sumber masalah dan penyebab masalah.

Tahap kedua hendaklah dia berusaha menyelesaikan masalah dan kemudian hendaklah dia memenuhi keperluan hidup. Dan keperluan hidup ini adalah sesuatu yang adil. Dia tidak berniaga di situ kebanyakannya kalau kita benci dia adalah orang yang susah. Tapi kita hairan juga dia boleh susah sampai 5-6 tahun. Tetapi tidak ada simpanan ke apa. Jadi kita kena siasat, kita kena dampingi mereka, kita kena turun kepada mereka. Kita mesti mendorong *rahmah* (Bahasa Arab) kepada mereka. Dan dengan itu saya ingat ingin menegaskan di sini model *Rahmatan Lil Alamin* (Bahasa Arab) ini adalah model yang membawa *rahmah* (Bahasa Arab) kepada mereka dengan

25 MAC 2019 (ISNIN)

itu mereka faham bahawa memenuhi kehendak hidup adalah se sesuatu yang perlu dan mencapai *rahmah* (Bahasa Arab) yang tinggi adalah dikehendaki oleh Allah S.W.T. dengan ini saya ingin mencadangkan bahawa garis-garis panduan yang saya kemukakan ini menjadi satu panduan dalam kita membawa perubahan kepada menyediakan tempat-tempat meniaga yang sah, yang selesa dan membersihkan kawasan-kawasan Negeri Selangor daripada gerai, warung roboh yang tidak sah. Sekian saya usul mencadang.

TUAN SPEAKER : Menyokong?

Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHRUDDIN : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya buka usul ini untuk dibahaskan sekiranya ada. Meru, lima minit.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Ye terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Speaker. Ha... bagi usul yang dibentangkan oleh Hulu Klang, saya menyokong tapi dengan sedikit pindaan ye pada para 1 itu yang meletakkan tempoh dua tahun untuk operasi perobohan yang mana kalau kita lihat bagi saya untuk peniaga-peniaga asing yang aa.. telah membuat binaan-binaan haram ini kita tak perlu bagi tempoh pun. Sebab yang penting kita nak jaga kepentingan warga kita. Warga tempatan, cuma warga tempatan yang bermiaga macam yang dimaksudkan ini aa diberikan kelonggaran, kemudahan dan bantuan untuk mereka boleh disediakan tempat perniagaan mereka yang baru sebab kita faham kadang-kadang mereka ini sendiri membina tu bukan mereka yang bina tapi orang lain yang bina dan disewakan pulak. Kadang-kadang binaan itu pulak memang dibuat di atas binaan tempat-tempat yang dilarang yang bukan sahaja memberi permasalahan kepada sistem perparitan yang menyebabkan banjir tetapi membawa masalah apa nama ni, menyebabkan tempat itu kotor dan sebagainya. Dan selain itu juga mencacatkan pemandangan dan juga yang paling penting perkara yang kita tidak boleh berkompromi adalah soal keselamatan. Kadang-kadang mereka meletakkan tempat binaan-binaan di tempat yang boleh terlampau mudah berlaku kemalangan sebab bukan sahaja merbahaya pada peniaga tetapi juga kepada pelanggan-pelanggan. Ini satu perkara yang kita perlu ambil tahu. Cuma saya hendak tekankan di sini mungkin kita lebih mengambil perhatian untuk warga asing tanpa tempoh. Kena segera sebab mereka ini kalau diberi muka mereka ini akan menyusahkan kita balik.

Tetapi bagi warga tempatan kita permudahkan, bantu mereka sebab mereka ini bagi saya memang orang yang hendak bekerja. Memang orang yang hendak apa ni bermiaga. Memang orang yang macam ini apa yang patut kita bantu yang bagi ruang. Mungkin kita sebagai cadangan macam contoh tapak-tapak pasar malam pun kadang-kadang ni pun banyak peniaga-peniaga asing yang ceroboh dan sebagainya ni. Bangla sekarang banyak ya sama macam Yang Berhormat kita ni. Yang Berhormat (ketawa). Tempat dia banyak orang Bangla.

25 MAC 2019 (ISNIN)

Ok yang paling penting orang-orang ni kita boleh bagi tempat meniaga kat situ, boleh bagi tempat sebab memang orang yang nak bermiaga macam ni lah yang nak kita bantu. Penduduk tempatan yang macam ini lah yang kita bagi ruang. Ni jangan kita bagi ruang langsung bagi saya pada warga asing. Kadang-kadang warga asing kita tutup mata tak ambil tindakan tegas pun sekadar bagi saman, sita. Lepas tu dua tiga minggu dia buka balik dan sebagainya dan ini yang jadi masalah. Dan penguat kuasa tu kena tegas lah perkara-perkara ni dan sebab apa sebab benda ni penting kita nak mastikan di DUN-DUN kita bukan sahaja bebas daripada warga asing bermiaga secara haram ni tetapi kita dapat bantu penduduk tempatan yang benar-benar nak bermiaga yang perlu kita bantu.

Dan juga nak mengulas kata Yang Berhormat Hulu Kelang tadi berkaitan dengan peniaga-peniaga ni yang tidak ada tempat dan sebagainya itu, kita pihak PBT boleh memikirkan tempat perniagaan yang baru sebelum perobohan itu dilakukan sebab kita juga kena berbincang dengan mereka dan juga macam di tempat saya mungkin saya nak mencelah sikit sebelum saya tutup bagaimana ada kawasan di Pekan Meru itu, lot 3 tanah kerajaan yang mana telah dibuat binaan yang cukup lama berbelas tahun daripada zaman pemerintahan Barisan Nasional lagi dan tiap-tiap bulan mereka ini bayar sewa. Sampai saya difahamkan sampai puluhan ribu duit tu kepada kononnya kepada yang saya dapat maklumat pada JKK lama. JKK lama zaman UMNO ya. Bila kita minta tahu bagi duit pada siapa dia tak nak bagi tahu pun. Dia tak nak bagi tahu, sepatutnya kita boleh dapat hasil itu untuk Kerajaan. Sepatutnya, tapi hasilnya kepada individu.

Tanah-tanah Kerajaan tak ada siapa yang berani nak bertindak dan sebagainya dan bagi saya perkara ini kita kena ambil tahu dan macam contoh yang saya berikan tadi peniaga-peniaga yang memang dah bermiaga situ yang warga tempatan mungkin tempat tu boleh dirobohkan lepas tu digantikan tempat yang lebih cantik, lebih kemas, sistematik dan juga orang yang betul-betul bermiaga tu beri tempat balik untuk mereka bermiaga. Bukan bagi kepada orang luar ataupun bagi kepada yang tak ada berkenaan nak ambil untung atas angin aje. Ni perkara yang kita perlu ambil tahu dan juga saya mengharapkan pihak penguat kuasa lah lebih tegas dan juga dalam kita melaksanakan orang kata agenda ataupun USUL yang telah dibentangkan tadi juga kita memikirkan soal kebijakan peniaga-peniaga tempatan untuk kita utamakan dan juga kita nyahkan peniaga-peniaga asing yang bersenang-senang, boleh jadi jutawan di tempat kita tanpa lesen, tanpa peraturan dan sebagainya tapi peniaga kita yang bersusah payah ni kadang-kadang kita kenakan tindakan tanpa kita cari *solution* untuk membantu mereka. Ini perlu yang kita sama-sama pikirkan dan saya yakin sekiranya perkara ini kita dapat selesaikan dengan cara yang tersusun Pakatan Harapan akan menjadi contoh di Selangor akan menjadi contoh di negeri-negeri lain (tepuk meja) untuk menangani permasalahan peniaga-peniaga haram ini. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sijangkang. 5 minit.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Tuan Speaker. Tahniah kepada Hulu Kelang yang membawa USUL ini ya cadangan isu yang saya

25 MAC 2019 (ISNIN)

ingat bukan isu satu tahun, dua tahun, puluh tahun malah ada yang mungkin dah duduk tanah ini berjual, bergerai, menjaja lebih daripada 20 atau 30 tahun. Cuma mungkin saya minta kalau mungkin boleh dipertimbangkan dengan sedikit pindaan kalau di sini kita biasa menyebutkan gerai haram, penjaja haram dan kalau istilah di sini adalah penjaja tidak sah ataupun di tanah kerajaan, di tanah yang tidak sah. Tadi pun disebutkan oleh Meru ada sebutkan haram juga di sini. Cuma mungkin daripada dikaitkan oleh Hulu Kelang tadi berkaitan dengan pendekatan maqasid syariah sudah tentulah mereka menjalankan perniagaan ini untuk mendapatkan keperluan ataupun ekonomi kepada keluarga mereka. Dan antara keutamaan dalam maqasid syariah itu adalah keutamaan untuk keluarga, keturunan dan saya kluatir kalau pendapatan yang mereka jalani itu hasil daripada yang kita sebutkan haram. Tanah haram, penjual haram, akhirnya tidak memberikan keberkatan dalam mereka menjana ekonomi dan mungkin saya boleh cadangkan di sini kalau boleh dipertimbangkan kita sebutkan penjaja ataupun gerai sementara bersyarat dan Kerajaan Negeri redha dengan apa yang mereka gunakan tanah Kerajaan Negeri ini dan in syaa Allah ada keberkatan dalam mereka menjana ekonomi yang kita beri syarat dalam masa 10 tahun seperti yang dicadangkan kita tutup dan Kerajaan Negeri menyediakan satu prasarana yang lebih baik. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ya saya persilakan Jeram. 5 minit.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Terima kasih Tuan Speaker. (Ketawa). Terima kasih Tuan Speaker. Berkennaan dengan USUL yang dibawa oleh Hulu Langat ya Hulu Kelang maaf. (Ketawa). Mamai. Tenang. (Ketawa). Berkennaan dengan gerai ya saya mendapati di kawasan saya gerai yang di tepi jalan memang saya secara lisannya membenarkan mereka bermiaga sebab mereka mengadu tidak ada ya tidak ada

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Mohon mencelah.

TUAN SPEAKER : Sila kan Bukit Gasing. Secara lisan ke? Secara bertulis?

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Secara lisan, secara lisan. Nak pencerahan. Ahli Dewan Negeri ada kuasa ke untuk beri kebenaran (ketawa).

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Sebab Ahli Dewan Negeri hanya dibenarkan menjadi pemerhati jadi kita tak boleh nak bersuara di Majlis jadi apabila rakyat yang mengundi kita bertanya jadi mengatakan secara lisan lah. Jadi saya benarkan dengan syarat apabila bermiaga, bawa balik payung dan sebagainya. Tidak tinggalkan kat situ sebab apabila peniaga-peniaga itu mengadu pada kita yang digerai majlis-majlis itu sejak mereka di bangku sekolah dan mereka dah habis masih lagi orang yang sama. Begitu juga orang yang bermiaga di pasar malam daripada dia membeli sampailah dia membawa anaknya untuk membeli, orang yang sama. Jadi bila begitu bagaimana dengan peniaga-peniaga yang baru nak bermiaga yang nak cuba menampung kos sara hidup dan sebagainya tidak ada ruang dan peluang. Jadi kalau kita menyekat mereka tanya, yang datang bermiaga di pasar malam ialah orang luar.

25 MAC 2019 (ISNIN)

Jadi sebelum mereka menolak saya jadi saya memberikan kelulusan secara lisan. (Ketawa). Sebab mereka kata Yang Berhormat saya undi Yang Berhormat. Saya tidak mahu dengar alasan ya mengatakan tak boleh bermiaga dan sebagainya jadi saya nak mencari ya rezeki yang halal ya bukan merompak, menyamun, jadi tak kan lah saya tak boleh nak menyara keluarga saya dengan bermiaga dengan cara halal. Sila-sila.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Adakah kebenaran lisan ini juga akan diberi kepada penanam ganja. (Ketawa).

TUAN SPEAKER : Ya, ya. Kita minta, saya minta Yang Berhormat Bukit Gasing, biar soalan itu tepat pada tajuk. Ini tajuk ni sekarang perbahasan usul ini adalah penjaja, dia tidak terlibat dengan ganja. Jadi dia tidak berkaitan. Tidak perlu jawab soalan tersebut.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Tak. Dia bunyinya ja ja. Jadi itu, maksud saya di sini ialah pihak Kerajaan, EXCO yang terlibat tolong memberikan ruang dan peluang kepada ADUN supaya bukan sahaja memberikan kelulusan secara lisan tetapi biarlah secara bertulis ya. Jadi maknanya di sini pihak ADUN boleh memberikan cadangan melalui bertulis kepada Yang Berhormat EXCO supaya dipertimbangkan ya di mana lokasi-lokasi yang strategik supaya memberi ruang baru kepada peniaga-peniaga.

Beginu juga pembinaan ya gerai-gerai majlis. Kalau di Kuala Selangor ya saya ambil contoh Yang Berhormat EXCO boleh buat survey kebanyakan gerai yang lokasinya tidak strategik. Jadi tak ada orang yang nak bermiaga kat situ. Ada yang dapat gerai ya di majlis contohnya di Fasa 3, boleh ambil catat ya. Yang Berhormat EXCO boleh buat lawatan. Di Fasa 3, cuba tengok yang dapat gerai dia bawa bermiaga di tepi, saya tanya kenapa tuan, kak bermiaga di sana, tak ada orang nak masuk kawasan situ. (Ketawa). Macam mana buat gerai majlis sampai tak strategik. Jadi itu, merupakan kelemahan-kelemahan Majlis Daerah di mana saya tak tahu, saya dimaklumkan ada perancang bandar yang hebat di Majlis. Jadi perancang bandar macam mana kalau merancang gerai pun tak strategik? Jadi benda-benda ini, saya rasa perlu perhatian daripada Kerajaan supaya sebelum membuat sesuatu, saya ambil satu contoh di Bangunan PKNS. Belakang Bangunan PKNS itu gerai majlis. Kosong. Dah menjadi sarang penagih.

TUAN SPEAKER : Tu pun kelulusan secara lisan ke?

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : (Ketawa). Saya tidak beri kelulusan. Tuan Speaker, saya tidak memberi kelulusan kerana itu kawasan Bukit Melawati. (Ketawa). Sekiranya dia di dalam kawasan Jeram, insyaAllah saya akan mempertimbangkan. (Ketawa). Kerana ini merupakan tanggungjawab saya untuk menjaga kebijakan peniaga-peniaga di kawasan saya. Jadi saya harap ruang sekiranya ada permohonan yang bertulis kepada Yang Berhormat EXCO dan juga kepada Majlis Daerah sekiranya permohonan daripada Pejabat ADUN untuk beri ruang kepada peniaga-peniaga tempatan tolong dipertimbangkan dan ramai juga peniaga-

25 MAC 2019 (ISNIN)

peniaga pasar malam telah menjual lot mereka kepada orang lain. Itu pun perlu ada pemantauan dan juga kadar sewa daripada dulu sehingga sekarang masih lagi tiga ringgit untuk sekali bermiaga. Jadi ada yang mengatakan kadar itu tidak sesuai. Ya, mungkin boleh ditambahkan tetapi yang saya nak masukkan di sini ialah peluang untuk peniaga tempatan di kawasan itu sendiri kerana kita lebih mengutamakan orang daripada luar kawasan datang bermiaga, contohnya Paya Jaras datang bermiaga di Jeram. Itu tak betul. Ya. Jadi saya rasa itu sahaja. Saya menyokong penuh ya usul yang dibawa. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ya. Pembahas yang terakhir. Seri Setia.

Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Terima kasih kepada Hulu Kelang di atas usul yang di bawa. Cuma saya ada beberapa perkara yang saya nak maklumkan juga. Beberapa rakan daripada Meru, daripada Jeram yang menyatakan bahawa peniaga-peniaga tempatan ini harus kita bela. Betul. Saya setuju. Tetapi kadangkala yang harus kita tengok tindakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan sendiri kebanyakannya peniaga-peniaga tempatan ini yang dapat gerai, yang dia mohon dengan Majlis tetapi disewa kepada peniaga-peniaga asing. (tepuk meja). Ini sikap peniaga-peniaga tempatan yang saya kira yang ini juga perlu diambil tindakan tegas kepada peniaga-peniaga tempatan. (tepuk meja).

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Saya mohon mencelah. Saya mohon mencelah

TUAN SPEAKER : Ya. Mohon mencelah.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Sebenarnya peniaga tempatan tidak penjual ya tetapi orang tempatan makna orang tempatan yang tidak bermiaga. Ya, dia ada hak sebagai warga negara tempatan dia mendapatkan tempat itu dan dia berikan kepada orang lain untuk mengusahakan tetapi kalau peniaga yang memang sedang mengusahakan dia memang perlukan tempat. Jadi itu dua benda yang berbeza. Orang tempatan dengan peniaga tempatan yang mendapatkan gerai-gerai itu. Terima kasih. (Ketawa)

Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR : Terima kasih Jeram. Kita kena tahu perbezaan peniaga tempatan dan orang tempatan. Kebanyakannya peniaga tempatan itu adalah orang tempatan yang berdekatan dengan kawasan. Mana mungkin kalau dia tinggal di kawasan Jeram dia dapat bermiaga di kawasan Seri Setia di gerai Majlis di kawasan Seri Setia, tidak mungkin. Yang saya maksudkan peniaga tempatan ini yang menyewa pada peniaga-peniaga warga asing. Bila pihak majlis datang buat pemeriksaan mereka menyatakan ini pekerja. Yang ini pekerja dia tetapi yang ini yang saya katakan Pihak Berkuasa Tempatan harus ambil tindakan yang tegas kepada peniaga-peniaga ini. Dengan syarat-syarat yang perlu diketatkan kepada peniaga-peniaga tempatan ini (tepuk meja).

25 MAC 2019 (ISNIN)

Pasar malam. Pasar malam, pasar pagi pun sama. Ada peniaga tempatan yang menjual tapak itu kepada peniaga-peniaga asing. Kononnya, ya silakan Bukit Gasing.

TUAN SPEAKER : Bukit Gasing.

Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR : Terpaksa bagi.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Tak apa kali ini soalan serius. Macam mana nak bezakan antara pekerja dan orang yang telah menyewa tapak itu daripada peniaga asal? Kalau kamu penguat kuasa ni macam mana nak kenal pasti perbezaan itu.

Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR : Kalau nak tahu bezanya bicaranya pun sudah berbeda. Hah! itu kalau orang asing, orang Indon dan kita boleh tahu, saya tahu ada beberapa Majlis yang mengambil peraturan yang ketat yang buat pemeriksaan tetapi kadang-kadang dengan pemeriksaan yang ketat pun bolos jugak bila penguat kuasa datang memeriksa mereka menyatakan bahawa tokeynya pergi sembahyang tokeynya pergi beli barang sedangkan yang meniaga itu yang buat kerja itu adalah warga asing kita boleh tengak rupa paras wajah dia daripada bahasa yang diperkatakan dan saya dapat banyak aduan tentang perkara-perkara begini bukan kita tak mahu bela peniaga tempatan perlu bela peniaga tempatan tetapi penguatkuasaan perlu diperketatkan untuk memastikan tidak ada peniaga-peniaga tempatan yang memberi sewa kepada peniaga-peniaga asing.

TUAN SPEAKER: Ya. Banting.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Ya terima kasih. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Seri Setia. Bukankah pernah sekiranya pekerja itu adalah pekerja asing yang mempunyai permit bahawa penduduk perlu menunjukkan bahawa permit kerja yang sah yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia itu soalan saya yang pertama yang kedua adakah mungkin kalau kita mengehadkan atau mensyaratkan sekiranya peniaga-peniaga tempatan yang memang peniaga tetapi menggunakan dan juga menggunakan pekerja-pekerja asing maka dalam permohonan lesen perniagaan mereka disyaratkan untuk memasukkan identiti termasuk nama dan permit kerja Jabatan Imigresen Malaysia Pekerja-pekerja asing berkenaan yang perlu dimasukkan dan didaftarkan dalam Lesen Perniagaan dia untuk memudahkan untuk menambahkan ketelusannya.

Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR: Tuan Speaker. Sepengetahuan saya tidak ada kelulusan untuk warga asing bagi permit-permit Pasar Malam atau pun gerai-gerai ini tetapi kalau ada kalau tidak ada boleh dimohon ini atas usaha tetapi sekarang ini sepengetahuan saya memang tidak ada dan yang ini yang menjadi masalahnya dan ini kadang-kadang menyekat eh menyekat untuk peluang kawasan

25 MAC 2019 (ISNIN)

sekitarnya atau pun penduduk sekitarnya untuk bekerja di restoran tersebut. Jadi ini pandangan saya dan saya terima usul daripada Ulu Kelang. Terima kasih.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Ya.. ya.. kalau macam itu, maksudnya ialah nampak sahaja pekerja-pekerja asing yang kat situ menggunakan alasan bahawa dia ialah pekerja kepada peniaga tempatan semua itu adalah bohong kalau itu bohong maksudnya penguat kuasa mempunyai segala kuasa yang ada pada dia untuk mengambil tindakan terhadap bukan sahaja pekerja asing itu, malahan terhadap peniaga-peniaga tempatan itu. Bukanakah itu apa ni apa yang saya kata ini benar ke.

Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR: Saya setuju apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat. Yang ini saya kata pada awal tadi tindakan tegas harus diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan kepada peniaga-peniaga yang menyewa atau mengajikan pekerja ini atau pun yang menjual tapak kepada pekerja-pekerja asing atau pun peniaga-peniaga asing yang ini tindakan yang perlu diambil kalau perlu tadi yang macam mana Banting menyatakan ada satu mekanisme untuk memastikan mereka ini diberi untuk membantu di bawah Akta Imigresen yang ini perlu dibuat kita terimalah untuk dibuat. Terima kasih.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR: Sedikit pencelahan. Yang saya lihat permasalahan yang berlaku ini. Tuan Speaker mintak maaf. Apabila kalau tengak pihak penguat kuasa pihak penguatkuasa pun mereka ini pun orang kata.

TUAN SPEAKER: Ni bahas ya dia tanya. Mencelah lagi..

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR: Pencerahan lagi...

TUAN SPEAKER: Saya.. Tak perlulah. Tak perlu.. Tak perlu bagi kepada Seri Setia.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR: Ini nanti menginsafkan mereka.

TUAN SPEAKER: Hah. Terakhirlah.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR: Haa. Boleh. Terima kasih Tuan Speaker. Ok. bila kita buat operasi mengadu kepada pihak PBT, PBT kata ini kuasa Imigresen, bila bawak Imigresen, Imigresen pulak boleh kata benda ini bawah pada Kastam. Kalau melibatkan arak dan sebagainya ini jadi pemaksaan penguatkuasaan tu kadang-kadang susah kita nak laksanakan sebab itu saya harapkan supaya apa ini operasi bersepada tu dapat diperbanyak untuk pastikan perkara Yang Berhormat ni dapat kita selesaikan. Terima kasih Tuan Speaker. Semoga cepat kahwin Tuan Speaker.

(KETAWA)

TUAN SPEAKER: Baik. Seri Setia teruskan.

Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR: Ok. Banyak sangat yang mengganggu (ketawa). Baik yang terakhirnya saya kira di pihak Pihak Berkuasa Tempatan juga perlu ada suatu pembaharuan daripada daripada segi tapak perniagaan yang mana Jeram pun nyatakan tadi ada kawasan yang tidak sepatutnya dijadikan lokasi tempat gerai harus diberi satu kawasan yang lebih baru dan kalau kita tengok di kawasan-kawasan Bandar raya pun ada gerai-gerai yang Tahun 80-an masih ada konsep atau pun bentuk yang gerai 80-an yang masih berada di tahun ini yang ini pun perlu diperbaharui dan satu lagi di peringkat Majlis jugak dia ada Lesen Permohonan Lesen Berniaga Bermasa untuk pengetahuan Jeram Lesen Permohonan Berniaga Bermasa ini contoh jika bermiaga nasi lemak pukul 7.00 pagi hingga pukul 1.00 tengah hari. Permohonan adalah dimohon pukul 7.00 hingga pukul 1.00 tengah hari sahaja. Syaratnya barang-barang tidak boleh tinggal di situ. Jangan menghalang laluan pejalan kaki atau laluan *parking* kereta yang ini syarat dah memang ada tetapi kadang-kadang sikap peniaga kita yang bermiaga mohon tapi dapat lesen akhirnya barang tinggal di situ akhirnya gerai wujud kecil di situ yang ini kadang-kadang sikap yang perlu dibendung oleh peniaga-peniaga saya sendiri akui bahawa dah banyak kali kita dah bagitahu tapi kadang-kadang peniaga ini masih tidak mahu mendengar arahan ini dan saya mohon kepada semua ini lah yang perlu kita fikirkan untuk peniaga-peniaga tempatan bukan kita tidak mahu membela peniaga tempatan kita wajib membela tetapi yang ini jugak harus difikirkan tentang masalah yang saya nyatakan tadi.Terima kasih Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Saya mintak Pihak Kerajaan kalau ada yang nak respons tentang usul ini.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: (ketawa) Ok. Terima kasih Yang Berhormat Hulu Kelang yang telah membawa satu usul berkaitan Pendirian Pelan Perancangan Penyelesaian Gerai Warung dan Penjaja Tidak Sah di seluruh Negeri Selangor dan juga terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah memberi banyak cadangan dan pandangan yang baik walaupun berbeza dengan kandungan apa tu kandungan perbahasan itu berbeza dengan usul yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Hulu Kelang tak apa. Untuk makluman Yang Berhormat, PBT perlu meneliti dan membuat perancangan yang terperinci sebelum sesuatu perobohan dilakukan contohnya menyediakan penggantian lokasi baru bagi yang sedia ada walau bagaimana pun Kerajaan Negeri dan PBT turut menghadapi pelbagai cabaran khususnya dalam perihal penggantian lokasi baru pelbagai faktor perlu diambil kira dan diteliti dengan baik selama ini pelbagai aduan dan isu telah dikemukakan baik pun orang awam atau pun penjaja sendiri. Bagi orang awam isu yang sering dibangkitkan adalah tentang keselamatan dan kebersihan yang ditimbulkan manakala bagi penjaja aduan yang sering digariskan adalah penempatan baru kurang sesuai telah menjelaskan pendapatannya mereka seperti apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat Jeram tadi sehubung sehubungan dengan itu sebarang perobohan dan penggantian lokasi baru perlu diperhalusi dengan teliti supaya permasalahan-permasalahan yang disebutkan tadi itu dapat ditangani dan bukannya timbulnya lagi banyak masalah sebaliknya Yang Berhormat Hulu Kelang juga telah mencadangkan supaya pelan bersepaktu melibatkan Kerajaan Persekutuan, Negeri dan Tempatan diwujudkan bagi mengenal pasti lokasi baru penempatan gerai, warung dan penjaja. Begitu Kerajaan Negeri bersikap terbuka dan mengalu-alukan cadangan Yang Berhormat-Yang

25 MAC 2019 (ISNIN)

Berhormat dan perkara ini akan dibawa untuk perbincangan selanjutnya supaya satu pendekatan dan penyelesaian lebih komprehensif dapat ditemui. Selain daripada itu, PBT juga sentiasa berusaha untuk menambah baik perkhidmatan yang diberikan di mana terdapat beberapa PBT yang telah mengambil inisiatif untuk mewujudkan permohonan lesen atas talian bagi mengelakkan sebarang ketidakcekapan ataupun penyelewengan. Sebenarnya biasanya penjaja yang tidak sah ini suka bermiaga di tepi jalan atau di tepi di simpang yang sibuk di depan bank atau pun di depan mini market tetapi kawasan-kawasan seperti ini lah yang kurang sesuai untuk memberi lesen kepada penjaja dan berkenaan dengan cadangan daripada Yang Berhormat Hulu Kelang untuk menggunakan panduan daripada Mahkamah Syariah secara terus terang dan saya memohon maaf kerana saya tiada pengetahuan dalam Mahkamah Syariah tetapi saya akan cuba belajar daripada rakan-rakan ustaz seperti Sg. Kandis, Meru. Siapa lagi.. Taman Medan.. Templer.. Ada lagi.. Pelabuhan Klang.. Jeram.. (ketawa) Saya akan.. Ok.. Sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Ada pun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu usul yang berbunyi bahawa Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Selangor Negeri Selangor untuk menyediakan pelan perancangan penyelesaian gerai, warung dan penajah tidak sah di seluruh Negeri Selangor dalam tempoh 10 tahun melalui pendekatan yang tidak menindas menyeluruh berdasarkan panduan daripada Mahkamah Syariah dan menurut objektif-objektif berikut:

1. Tiada sebarang perobohan gerai dan warung sedia ada di tapak tidak sah bagi tempoh 2 tahun kecuali gerai dan warung yang baru didirikan.
2. Pelan bersepadu melibatkan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Selangor dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk menempatkan peniaga-peniaga gerai dan warung di tapak tidak sah ke lokasi baharu yang di sedia dan dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan yang tidak menyebabkan sebarang kacau ganggu.
3. Meminda dan mengemas kini prosedur permohonan tapak gerai dan lesen peniaga kecil di pihak Berkuasa Tempatan bagi mengelakkan berlaku sebarang ketidakcekapan dan penyelewengan yang menghalang pelaksanaan pelan penyelesaian ini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila katakan ya...(ya..)Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak...Usul ini dipersetujui...

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya. Usul untuk menangguhkan Dewan.

Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih Yang Berhormat Speaker dan Ahli-Ahli Dewan yang saya kasih sekalian. Alhamdulillah setelah hampir 8-7 hari kita bersidang..hari ini kita akan sampai di penghujung persidangan ini dan semua sedia maklum ada beberapa detik penting yang harus kita ingati sepanjang sidang ini iaitu Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku diikuti perbahasan yang melibatkan

25 MAC 2019 (ISNIN)

23 orang anggota-anggota Dewan. Banyak perkara yang dibangkitkan sama ada yang menjurus kepada persoalan dasar dan polisi Kerajaan seperti pemeliharaan alam sekitar. Pemuliharaan alam sekitar, pembangunan ekonomi mahu pun dasar-dasar peduli rakyat yang kita telah lancarkan yang kita sedang sejajarkan. Semoga dengan beberapa perbahasan dan butiran yang saya simpulkan dan juga Ahli-Ahli Dewan Ahli-Ahli EXCO tadi. Selepas ini perlu merangka dan merancang terutamanya untuk memastikan pensenjajaran IPR dan program keupayaan dan hak upayaan ekonomi kita berjalan dengan rancak dan tegas dan seterusnya mampu meneruskan legasi kepimpinan Selangor sebagai sebuah negeri yang maju dan status kita yang tersendiri dan seimbang di segenap aspek dan sengit. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kemudian di pertengahan Dewan Bersidang hari kedua kita telah bersidang dan berbahas tentang pembunuhan dan juga kes yang berlaku di *Cruschurch, New Zealand* dan seluruh ahli Dewan bersimpati dan menyatakan sikap kita menolak estetisme di dalam apa sekali pun..ini bukan persoalan ideologi yang saya sebutkan dalam Sidang Dewan lepas sama ada kiri atau kanan. Masing-masing ada sejarah gelap pembunuhan dan juga kegilaan yang perlu kita elakkan adalah semangat estetisme dan juga perkauman yang melampau yang akhirnya menjurus kepada kematian dan peristiwa yang menyayat hati. Di sini jugak saya nak memaklumkan kita baru mendapat maklumat daripada Wisma Putra ada seorang penduduk dan warga Shah Alam walaupun ia nya orang Kelantan tetapi beliau tinggal dan bermastautin di Shah Alam dan mengundi di Kota Anggerik sedara kita saudara Mohd Nazri Hisham bin Omar telah tercedera ketika dalam kes tersebut dan kerajaan negeri mempertimbangkan untuk membantu pembiayaan keluarga beliau untuk melawat dan menziarahi beliau yang sekarang sedang di rawat di *New Zealand* dan kita berharap agar kita dapat berikan sumbangan tertentu dan kita sedang mempertimbangkan insyaAllah dalam angkanya saya tak nak sebut di sini selepas saya dapat keputusan daripada pihak terbabit dan beliau adalah pengundi di Kota Anggerik tinggal di Seksyen 8, Shah Alam dan isteri beliau merupakan petugas dan pekerja di kawasan Shah Alam. InsyaAllah ingatan pada kita, kita tidak suka warga kita terkena dengan penyakit dan juga masalah ini mengelakkan daripada budaya ini menular dan menyebabkan perkara yang kurang sihat berlaku.

Dan di akhir-akhir persidangan ini, sebentar tadi walaupun kita lalui dengan begitu pantas, kita baru melantik jawatankuasa-jawatankuasa, dan saya berharap agar jawatankuasa-jawatankuasa yang dilantik, menjalankan tugas dengan sempurna, melakukan tugas dengan prihatin dan di sinilah apa yang saya katakan awal dulu, sewaktu sesi pertama bulan 6 bulan 7, sewaktu Sidang Dewan yang lepas. Iaitu saya sebutkan bahawa inilah tugas selaku legislatif yang mencipta dasar, mencipta dasar kepada negeri, merangka dasar kepada negeri bukan menyelesaikan longkang mana yang tersumbat, jambatan mana yang nak di buat, orang mana yang perlu dibantu sahaja, tetapi dasar yang memberikan nama kepada Ahli *Legislator* ataupun ahli yang membuat undang-undang melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang dibentuk, saya berharap dapat mencadangkan undang-undang, peraturan, dasar dan polisi yang berguna yang boleh dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri.

Terakhir, beberapa laporan jawatankuasa insyaAllah yang akan dipertimbangkan, dan kita akan tengok kpd realistik dan juga perkara-perkara yang kita boleh laksanakan.

25 MAC 2019 (ISNIN)

Cuma saya ingin menyebutkan di sini insyaAllah, saya sudah mengarahkan dalam Mesyuarat EXCO terakhir, bahawa kita akan mengambil sesuatu tindakan berdasarkan daripada makluman-makluman pihak-pihak rakyat di peringkat akar umbi hasil dari pada Jelajah Maju Bersama. Di antara perkara yang kita akan segera ambil tindakan, dan perkara ini akan diketuai oleh Yang Berhormat Kinrara dan Yang Berhormat Batu Tiga iaitu memastikan pembersihan dan pemutihan gerai-gerai termasuk pasar malam dan pasar pagi (tepuk meja) dari pada penjaja-penjaja asing yang berleluasa yang mengakibatkan tidak ada peluang kepada penjaja-penjaja tempatan dan mereka-mereka yang bertindak mengalibabakan ataupun menjual lesen-lesen perniagaan mereka itu akan di senarai hitam kan daripada memiliki lesen perniagaan selepas ini.

Ahli Yang Berhormat sekalian, semoga kita melalui detik tahun 2019 dengan lebih tenang dan dengan lebih terancang dan Kerajaan Negeri sebagaimana biasa akan sentiasa berusaha sedaya upaya kita, mempertahankan status dan keupayaan negeri kita, memastikan negeri kita mempunyai pencapaian ekonomi yang baik dan dalam masa yang sama memastikan pengagihan yg sempurna kepada rakyat dan warganya. Terima kasih.

Dengan itu... dengan ini saya mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan sehingga ke suatu masa yang akan di tetapkan terima kasih.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Tuan speaker saya menyokong

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya menangguhkan persidangan ini, saya mengambil peluang dan kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi tinggi ucapan terima kasih kepada semua Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Negeri kerana telah memberi kerjasama dan juga proaktif dalam mengambil bahagian dalam perbahasan. Semakin hari semakin proaktif, semakin bertenaga. Inilah contoh yang terbaik ditunjukkan Ahli-Ahli Dewan Negeri semua. Tahniah dan syabas di ucapkan (tepuk meja).

Terima kasih juga kepada Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai kerajaan di atas kerjasama yang diberikan bagi melicinkan perjalanan Mesyuarat Pertama Pembukaan Persidangan Penggal Ke-2 kali ini. Ucapan terima kasih juga saya tunjukkan kepada Setiausaha dan Penolong Setiausaha Dewan, urus setia, pelapor-pelapor dan semua petugas-petugas yg terlibat secara langsung mahupun secara tidak langsung di atas komitmen dan kesungguhan semua dalam memastikan perjalanan mesyuarat berjalan dengan lancar.

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan Selamat Hari Polis Ke-212. Terima kasih atas usaha (tepuk meja) komitmen menjaga keselamatan masyarakat. Polis dan masyarakat berpisah tiada. Kepada semua Yang Berhormat, sila semak draf penyata yang telah dan akan diedarkan berkaitan ucapan dengan Yang Berhormat dan kembalikan semua...semula ke pentadbiran Dewan sekiranya terdapat sebarang pembetulan agar penyata rasmi ini dapat disediakan dan diedarkan segera kepada

25 MAC 2019 (ISNIN)

Yang Berhormat sekalian. Dengan ini saya menangguhkan persidangan hari ini hingga ke suatu masa yang akan di tetapkan kelak. Dewan ditangguhkan. (ketuk meja)

(DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 6.05 PETANG)